



DR 6 TAHUN 2016  
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS

PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN KANDUNGAN  
 PENYIARAN DIGITAL

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

**LAPORAN**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

| BIL | PERKARA  | MUKA SURAT   |
|-----|--|--------------|
| 1.  | <b>LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN KANDUNGAN PENYIARAN DIGITAL OLEH JABATAN PENYIARAN MALAYSIA</b> | <b>1-15</b>  |
| 2.  | <b>RUMUSAN &amp; SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA</b>   | <b>16-17</b> |
| 3.  | <b>AGENDA MESYUARAT</b>  |              |
| 4.  | <b>LAPORAN PROSIDING</b>   |              |
| 5.  | <b>DOKUMEN PEMBENTANGAN</b>  |              |

**LAPORAN  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA  
WANG NEGARA**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PROJEK  
PEMBANGUNAN KANDUNGAN PENYIARAN DIGITAL  
OLEH JABATAN PENYIARAN MALAYSIA.**

**1. PENDAHULUAN.**

Pengurusan Projek Pembangunan Kandungan Penyiaran Digital oleh Jabatan Penyiaran Malaysia adalah sebahagian daripada penemuan audit dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2013 Siri 2 (Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan) yang dibentangkan di Parlimen pada 16 Jun 2014.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membincangkan mengenai isu ini pada 11 November 2014 iaitu dalam prosiding Bilangan 43 Tahun 2014.

**2. OBJEKTIF PERBINCANGAN.**

Selaras dengan mandat yang diberi di bawah Perkara 77 (1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304 (a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah bersidang bertujuan untuk:

- i. Mengenal pasti dasar Kerajaan yang berkaitan dengan isu perolehan tersebut;
- ii. Menentukan sama ada perbelanjaan telah dibuat dengan berhemat atau sebaliknya;

- iii. Mengenal pasti sama ada pembayaran yang dibuat selaras dengan peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa; dan
- iv. Mengesyorkan tindakan yang patut diambil terhadap pihak-pihak yang terlibat sekiranya didapati berlaku penyelewengan wang awam.

### **3. SKOP DAN METODOLOGI.**

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- a) Menjemput Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2013, Siri 2;
- b) Memanggil pihak yang terlibat dalam pengurusan projek pembangunan kandungan penyiaran digital iaitu Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Komunikasi Dan Multimedia (KKMM), Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) KKMM, Ketua Pengarah RTM, Timbalan Ketua Pengarah Penyiaran (Strategik) RTM, Setiausaha Bahagian Kewangan KKMM, Penasihat Undang-undang KKMM, Pengarah Bahagian Program TV RTM, dan Ketua Penolong Pengarah Kandungan Dan Kreatif RTM untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan
- c) Menjemput wakil dari agensi pusat seperti Kementerian Kewangan (MoF); Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk hadir bersama.

#### **4. LATAR BELAKANG PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN KANDUNGAN PENYIARAN DIGITAL.**

Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM90.04 juta kepada RTM bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Jun 2013 di bawah Projek Pembangunan Kandungan Penyiaran Digital (PKPD).

Ia meliputi skop membekal program siaran terbitan tempatan berformat *High-Definition* (HD) dan *Standard-Definition* (SD) untuk pengisian saluran TV Interaktif (Tvi).

Program siaran tersebut mengandungi kategori telemovie, drama bersiri, dokumentari/majalah, candawara (gameshow) dan animasi. Selain itu, skop projek termasuk penyediaan *multidelivery platform* untuk mempopularkan program yang disiarkan, kajian kepuasan pelanggan dan latihan perolehan.

Terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti antaranya perbelanjaan di luar skop projek tanpa kelulusan EPU dan MoF; komitmen perolehan telah melebihi peruntukan yang diluluskan; dan tiada kontrak formal ditandatangani bagi 413 program yang bernilai melebihi RM50,000 setiap satu.

#### **5. HASIL PERBINCANGAN.**

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) kepada PAC Parlimen mengenai isu yang telah dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2013 Siri 2. Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu KKMM dan RTM dipanggil memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan pada umumnya diringkaskan seperti berikut:

## **5.1. Penjelasan Awal Oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan).**

Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) memaklumkan mengenai hasil kajian terhadap pengurusan projek pembangunan kandungan penyiaran digital seperti berikut:

- a) Secara keseluruhannya pengurusan projek adalah memuaskan daripada aspek prestasi penyiaran; penilaian kualiti program dan penyimpanan serta pelupusan pita beta digital.
- b) Bagaimanapun, bagi aspek kawalan peruntukan dan perbelanjaan; prestasi fizikal; pengurusan kontrak; pengurusan bon pelaksanaan dan pendaftaran aset adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang dikenalpasti adalah seperti berikut:
  - i. Perbelanjaan perolehan program bagi saluran TV1 dan TV2 berjumlah RM43.70 juta adalah di luar skop projek PKPD tanpa mendapat kelulusan Unit Perancang Ekonomi dan Perbendaharaan;
  - ii. Perolehan program saluran TVi berjumlah RM111.83 juta telah melebihi peruntukan sejumlah RM21.79 juta (24.20%) bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Jun 2013;
  - iii. KKMM tidak memohon peruntukan pembangunan tambahan bagi membiayai tanggungan berjumlah RM61.78 juta;
  - iv. Sebanyak 71 program (16.67%) telah siap tetapi lewat jadual, manakala 78 program (18.31%) masih

- dalam pelaksanaan tetapi melebihi tempoh kontrak asal. Kelewatan pelaksanaan antara 15 hari hingga 14 bulan;
- v. Sebanyak 15 program telah diberi kelulusan lanjutan tempoh kontrak melebihi sekali, manakala 8 program diberi kelulusan lanjutan masa selepas tarikh tamat tempoh kontrak;
  - vi. *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) berjumlah RM182,142 tidak dikenakan terhadap 42 program siap yang melebihi tempoh sah laku kontrak;
  - vii. Keseluruhan 413 program yang bernilai melebihi RM50,000 setiap satu tidak mempunyai kontrak formal;
  - viii. Terdapat 75 program tidak dikemukakan bon pelaksanaan berjumlah RM0.86 juta, manakala 53 program bon pelaksanaan tidak meliputi 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak; dan
  - ix. Perolehan 366 program berjumlah RM88.04 juta tidak didaftarkan sebagai harta modal Kerajaan.
- c) Kertas dasar RTM menyatakan projek PKPD di bawah peruntukan pembangunan adalah untuk membuat perolehan program terbitan tempatan bagi saluran TV Interaktif (TVi). Analisis Audit terhadap perbelanjaan mendapati sejumlah RM43.70 juta (49.64%) telah digunakan bagi membayar 170 program saluran TV1 dan TV2. Seterusnya sejumlah RM44.34 juta (50.36%) dibayar untuk 196 program saluran TVi. Penggunaan peruntukan pembangunan bagi saluran TV1 dan TV2 yang bukan dalam skop projek tidak mendapat kelulusan daripada

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
BERHUBUNG PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN KANDUNGAN PENYIARAN DIGITAL  
OLEH JABATAN PENYIARAN MALAYSIA**

EPU dan MoF. Butiran lanjut adalah seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 1  
PERBELANJAAN PROJEK MENGIKUT SALURAN TV HINGGA BULAN JUN 2013**

| PERUNTUKAN         | TEMPOH | PERBELANJAAN                        |                             | JUMLAH<br>(RM Juta) |
|--------------------|--------|-------------------------------------|-----------------------------|---------------------|
|                    |        | SALURAN TV1 DAN<br>TV2<br>(RM Juta) | SALURAN<br>TVi<br>(RM Juta) |                     |
| Pembangunan        | 2011   | -                                   | -                           |                     |
|                    | 2012   | 21.47                               | 14.34                       |                     |
|                    | 2013   | 22.23                               | 0.43                        |                     |
| Jumlah             |        | 43.70                               | 14.77                       | 58.47               |
| Mengurus           | 2011   | -                                   | 4.18                        |                     |
|                    | 2012   | -                                   | 14.39                       |                     |
|                    | 2013   | -                                   | 11.00                       |                     |
| Jumlah             |        | -                                   | 29.57                       | 29.57               |
| JUMLAH KESELURUHAN |        | 43.70                               | 44.34                       | 88.04               |

*Sumber : Bahagian Kewangan KKMM Dan Bahagian Pembangunan Fasiliti RTM*

- d) Surat MoF kepada KSU KKMM bertarikh 19 November 2009 dan 2 Ogos 2012 menyatakan bahawa KKMM hanya boleh membuat perolehan secara rundingan terus sekiranya peruntukan mencukupi. Semakan Audit mendapati KKMM telah meluluskan perolehan secara rundingan terus sebanyak 426 program bagi saluran TVi berjumlah RM111.83 juta. Bagaimanapun, peruntukan yang diluluskan hanya berjumlah RM90.04 juta. KKMM telah membuat komitmen melebihi peruntukan sejumlah RM21.79 juta bagi saluran TVi. Butiran lanjut adalah seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 2  
PERBELANJAAN TAHUNAN BAGI PEROLEHAN SALURAN TVi**

| TAHUN  | PERUNTUKAN<br>(RM Juta) | PEROLEHAN<br>(RM Juta) | LEBIHAN KOMITMEN<br>(RM Juta) |
|--------|-------------------------|------------------------|-------------------------------|
| 2011   | 4.18                    | 27.12                  | 22.94                         |
| 2012   | 50.20                   | 57.04                  | 6.84                          |
| 2013   | 35.66                   | 27.67                  | (7.99)                        |
| JUMLAH | 90.04                   | 111.83                 | 21.79                         |

*Sumber : Bahagian Kewangan KKMM Dan Bahagian Pembangunan Fasiliti RTM*

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
BERHUBUNG PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN KANDUNGAN PENYIARAN DIGITAL  
OLEH JABATAN PENYIARAN MALAYSIA**

- e) Arahan Perbendaharaan (AP) 58 (a) menetapkan sekiranya peruntukan tidak mencukupi Pegawai Pengawal / KSU perlu membuat permohonan tambahan kepada MoF. Semakan JAN mendapati tanggungan bersih saluran TVi berjumlah RM63.78 juta melibatkan sebanyak 229 program. Mengikut perkiraan JAN, KKMM kekurangan sejumlah RM61.78 juta bagi membiayai tanggungan bersih. KKMM tidak memohon peruntukan pembangunan tambahan daripada EPU bagi membayar perolehan program yang telah diluluskan. Ini disebabkan KKMM tidak mempunyai rekod yang kemas kini bagi jumlah tanggungan saluran TVi. Butiran lanjut adalah seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 3  
TANGGUNGAN PROGRAM BAGI PROJEK PKPD HINGGA BULAN JUN 2013**

| TAHUN                         | BILANGAN PROGRAM | JUMLAH TANGGUNGAN (RM Juta) | BAKI PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (RM Juta) |
|-------------------------------|------------------|-----------------------------|---------------------------------------|
| 2011                          | 4                | 1.48                        | -                                     |
| 2012                          | 106              | 34.93                       | -                                     |
| 2013                          | 119              | 27.37                       | 2.0                                   |
| JUMLAH                        | 229              | 63.78                       | 2.0                                   |
| KEPERLUAN TAMBAHAN PERUNTUKAN |                  | 61.78                       |                                       |

*Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM*

- f) Analisis Audit mendapati 149 program tidak disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Ini melibatkan 71 program (16.67%) yang telah siap tetapi melebihi tempoh kontrak asal. Selain itu, 78 program (18.31%) masih dalam pelaksanaan tetapi telah melebihi tempoh kontrak asal. Kelewatan pelaksanaan antara 15 hari hingga 14 bulan. Butiran adalah seperti dalam jadual berikut:

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
BERHUBUNG PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN KANDUNGAN PENYIARAN DIGITAL  
OLEH JABATAN PENYIARAN MALAYSIA**

**JADUAL 4  
PROGRAM LEWAT JADUAL DARI TEMPOH KONTRAK ASAL**

| STATUS PROGRAM             | TAHUN PEROLEHAN | TEMPOH KELEWATAN (Bulan) |       |       |        |         | BILANGAN PROGRAM LEWAT |
|----------------------------|-----------------|--------------------------|-------|-------|--------|---------|------------------------|
|                            |                 | 0.5 - 1                  | 1 - 4 | 5 - 8 | 9 - 12 | 13 - 14 |                        |
| SIAP                       | 2011            | 10                       | 22    | 15    | 7      | 2       | 56                     |
|                            | 2012            | 5                        | 7     | 3     | -      | -       | 15                     |
|                            | 2013            | -                        | -     | -     | -      | -       | -                      |
| BILANGAN SIAP              |                 | 15                       | 29    | 18    | 7      | 2       | 71                     |
| DALAM PELAKSANAAN          | 2011            | -                        | -     | 1     | -      | 3       | 4                      |
|                            | 2012            | 10                       | 56    | 7     | -      | 1       | 74                     |
|                            | 2013            | -                        | -     | -     | -      | -       | -                      |
| BILANGAN DALAM PELAKSANAAN |                 | 10                       | 56    | 8     | -      | 4       | 78                     |
| BILANGAN KESELURUHAN       |                 |                          |       |       |        |         | 149                    |

*Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM*

- g) Arahan Perbendaharaan 201.1 (a) (i) menyatakan pelanjutan tempoh kontrak bekalan hendaklah dipertimbangkan dalam tempoh sah laku kontrak. Semakan JAN mendapati 8 program telah diberi kelulusan selepas tamat tempoh sah laku kontrak antara 15 hari hingga 7 bulan. Kelewatian kelulusan adalah disebabkan kelemahan pemantauan rekod prestasi fizikal projek yang diselenggara oleh RTM.
- h) Arahan Perbendaharaan 201.1 (a) (iii) menetapkan Pegawai Pengawal boleh meluluskan pelanjutan tempoh kontrak bekalan hanya sekali sahaja dan tempoh maksimum adalah sehingga 2 tahun. Bagi pelanjutan tempoh kontrak yang melebihi sekali perlu mendapat kelulusan Perbendaharaan. Semakan JAN terhadap 36 program yang diluluskan lanjutan tempoh kontrak mendapati 15 program diberi kelulusan lanjutan masa lebih daripada sekali.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
BERHUBUNG PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN KANDUNGAN PENYIARAN DIGITAL  
OLEH JABATAN PENYIARAN MALAYSIA**

- i) Semakan JAN juga mendapati 42 program yang telah siap tetapi melebihi tempoh sah laku kontrak antara 24 hingga 217 hari tidak dikenakan sebarang penalti ganti rugi (LAD) seperti yang ditetapkan dalam Surat Setuju Terima (SST). Mengikut perkiraan JAN sejumlah RM182,142 denda LAD tidak dikutip dan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan. Butiran adalah seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 5  
BILANGAN PROGRAM LEWAT SIAP TETAPI TIDAK DIKUTIP LAD**

| TAHUN  | BILANGAN PROGRAM | KELEWATAN<br>(hari) | JUMLAH LAD<br>(RM ) |
|--------|------------------|---------------------|---------------------|
| 2011   | 37               | 24 - 217            | 168,977             |
| 2012   | 5                | 24 - 98             | 13,165              |
| JUMLAH | 42               |                     | 182,142             |

*Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM*

- j) Arahan Perbendaharaan 176.1 (b) menyatakan bagi perolehan melebihi RM50,000 satu kontrak formal perlu dibuat untuk memastikan kepentingan Kerajaan terjamin. Semakan JAN terhadap 426 program mendapati 413 program berjumlah RM111.30 juta tidak mempunyai kontrak formal. Akibat ketiadaan kontrak formal boleh menyebabkan kepentingan Kerajaan di dalam perolehan ini tidak terjamin. Butiran adalah seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 6  
PEROLEHAN PROGRAM YANG MELEBIHI NILAI RM50,000 TANPA KONTRAK FORMAL**

| TAHUN  | BILANGAN<br>PROGRAM<br><RM50,000 | NILAI PEROLEHAN<br>(RM Juta) | BILANGAN<br>PROGRAM<br>>RM50,000 | NILAI PEROLEHAN<br>(RM Juta) |
|--------|----------------------------------|------------------------------|----------------------------------|------------------------------|
| 2011   | 2                                | 0.08                         | 93                               | 27.04                        |
| 2012   | 8                                | 0.35                         | 203                              | 56.70                        |
| 2013   | 3                                | 0.10                         | 117                              | 27.56                        |
| JUMLAH | 13                               | 0.53                         | 413                              | 111.30                       |

*Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM*

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
BERHUBUNG PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN KANDUNGAN PENYIARAN DIGITAL  
OLEH JABATAN PENYIARAN MALAYSIA**

- k) Semakan JAN mendapati 75 program tidak dikemukakan bon pelaksanaan berjumlah RM0.86 juta bagi perolehan program tahun 2011 hingga 30 Jun 2013. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7  
PROGRAM YANG TIDAK DIKEMUKAKAN BON PELAKSANAAN**

| TAHUN              | BILANGAN PROGRAM MELEBIHI RM200,000 | BILANGAN PROGRAM YANG TIDAK DIKEMUKAKAN BON PELAKSANAAN | NILAI BON YANG TIDAK DIKEMUKAKAN (RM) |
|--------------------|-------------------------------------|---|---------------------------------------|
| 2011               | 79                                  | 14  | 104,650                               |
| 2012               | 119                                 | 36  | 552,500                               |
| 2013               | 68                                  | 25  | 206,450                               |
| JUMLAH KESELURUHAN | 266                                 | 75  | 863,600                               |

*Sumber : Bahagian Kewangan KKMM*

Semakan JAN selanjutnya mendapati 53 bon pelaksanaan tidak meliputi tempoh jaminan 12 bulan selepas kontrak tamat. Nilai bon pelaksanaan yang terlibat adalah berjumlah RM0.68 juta. Butiran lanjut adalah dalam jadual berikut:

**JADUAL 8  
BON PELAKSANAAN TIDAK MELIPUTI TEMPOH JAMINAN**

| TAHUN  | BILANGAN PROGRAM | JUMLAH AMAUN BON (RM) | TEMPOH TIDAK MELIPUTI JAMINAN (Bulan) |
|--------|------------------|-----------------------|---------------------------------------|
| 2011   | 10               | 74,750                | 1-12                                  |
| 2012   | 37               | 564,400               | 3-12                                  |
| 2013   | 6                | 44,850                | 3-12                                  |
| JUMLAH | 53               | 684,000               |                                       |

*Sumber : Bahagian Kewangan KKMM*

Selain itu, semakan terhadap 4 program yang lewat jadual bagi tahun 2011 mendapati 2 program yang mendapat kelulusan pelanjutan kontrak tetapi tidak dilanjutkan tempoh sah laku bon pelaksanaan.

I) SST menyatakan program adalah hak milik penuh Jabatan Penyiaran Malaysia. Ini termasuk hak tayangan, hak siaran dan hak milik bahan. Mengikut tafsiran Penasihat Undang-undang, apabila program telah dibuat pembayaran penuh maka RTM boleh menyiaran program berkenaan tanpa sekatan masa di mana-mana saluran TV milik RTM. Ini menunjukkan program berkenaan adalah sebahagian daripada aset Kerajaan dan perlu diurus mengikut Pekeliling Perbendaharaan (PP) Bil. 5 Tahun 2007- Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan. Selain itu, sekiranya dilihat daripada perspektif perakaunan akruan, pita beta digital berkenaan diiktiraf sebagai harta modal kerana telah memenuhi definisi aset iaitu sumber yang dikawal oleh entiti, memberi manfaat ekonomi masa hadapan dan potensi perkhidmatannya dijangka mengalir ke dalam entiti.

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 -Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan menyatakan harta modal adalah harta yang bernilai melebihi RM1,000. Semakan JAN mendapati 196 program saluran TVi berjumlah RM44.34 juta dan 170 program berjumlah RM43.70 juta bagi saluran TV1 dan TV2 tidak didaftarkan sebagai harta modal. Ini disebabkan RTM berpendapat program yang dibeli lebih sesuai direkodkan sebagai stok program dan bukan merupakan harta modal Kerajaan. Akibatnya Laporan Tahunan Harta Modal dan Inventori bagi RTM yang dilaporkan ke Kementerian tidak tepat kerana tidak mengambil kira perolehan program siaran milik Kerajaan.

## **5.2 Keterangan Oleh KSU KKMM dan Ketua Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia.**

### **i) Penggunaan Peruntukan Pembangunan Di Luar Skop Projek.**

Mengambil kira bahawa sebarang kandungan yang diperoleh boleh disiarkan di semua saluran RTM atas dasar memaksimumkan pelaburan, RTM telah menggunakan peruntukan untuk TVi di bawah peruntukan pembangunan untuk perolehan program TV1 dan TV2. Program-program berkenaan turut disiarkan di TVi.

Sebagai tindakan penambah baikan, RTM telah memohon pengecualian daripada EPU berhubung perkara ini dan kelulusan bersyarat telah diperoleh. Selain itu, RTM telah menyediakan garis panduan baru bagi perolehan program TV swasta dan *syndicated* selain mengemas kini terma rujukan Jawatankuasa *Pitching*, Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Perolehan Program TV.

### **ii) Komitmen Perolehan Melebihi Peruntukan Yang Diluluskan.**

Berdasarkan perbincangan bersama MoF pada 3 Julai 2014, MoF telah mentafsirkan perolehan program TV adalah perolehan bermasa. Sehubungan itu, tempahan awal program TV boleh dibuat pada tahun semasa untuk tayangan tahun berikutnya.

**iii) Ketiadaan Kontrak Formal Bagi Perolehan Program Bernilai Melebihi RM50,000.**

Penasihat Undang-undang KKMM memaklumkan SST yang digunakan sebelum ini, telah diubah suai dan bukannya SST biasa. Daripada segi perundangan, SST berkenaan boleh dijadikan bahan bukti di mahkamah kerana wujudnya elemen tawaran dan penerimaan. Selain itu, RTM juga hanya akan membuat pembayaran setelah bekalan diterima sempurna.

Sehubungan itu, kepentingan Kerajaan adalah terpelihara. Bagaimanapun, KKMM akur dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 176.1 yang mana menyebut dengan jelas keperluan untuk menyediakan kontrak formal bagi perolehan melebihi nilai RM50,000.

Sebagai penambah baikan, beberapa siri perbincangan telah diadakan bagi mewujudkan satu *template contract* yang komprehensif merangkumi kesemua aspek dari penghantaran bahan, penilaian kualiti dan sebagainya. *Template* berkenaan telah digunakan bermula bulan Ogos 2014.

**iv) *Liquidated Ascertained Damages (LAD)* Tidak Dikutip.**

RTM memaklumkan formula LAD yang dinyatakan dalam SST adalah tidak bersesuaian dengan perolehan program TV. LAD yang dinyatakan dalam SST lebih sesuai bagi kontrak pembangunan dan kontrak bekalan biasa. Sehubungan itu, RTM sedang merangka formula yang bersesuaian bagi perolehan program TV.

Bagi LAD yang dibangkitkan oleh pihak Audit berjumlah RM182,142, sebanyak 37 syarikat telah dikenal pasti terlibat dan notis tuntutan telah dikeluarkan. Sebagai tindakan penambah baikan RTM telah menubuhkan Jawatankuasa Pelanjutan Tempoh Kontrak Pembekalan Program TV bagi menguruskan perlanjutan tempoh kontrak dengan lebih efektif dan tersusun.

**v) Pengurusan Bon Pelaksanaan.**

RTM memaklumkan telah menerima 74 daripada 75 bon pelaksanaan yang tidak dikemukakan oleh syarikat. Baki 1 syarikat telah ditamatkan kontrak. Sebagai penambah baikan, RTM telah mengeluarkan arahan penguatkuasaan kepada pentadbir kontrak bagi memastikan bon pelaksanaan diterima bagi setiap kontrak dan hendaklah direkodkan dalam Daftar Bon Pelaksanaan dengan lengkap dan kemas kini.

Bagi bon pelaksanaan yang dikenal pasti tidak meliputi tempoh 12 bulan selepas kontrak, MoF telah bersetuju untuk membenarkan pelepasan awal bon pelaksanaan bagi syarikat-syarikat yang telah memenuhi obligasinya.

**vi) Pendaftaran Beta Digital Sebagai Harta Modal.**

Berdasarkan maklum balas daripada MoF bertarikh 28 Mei 2015, dimaklumkan bahawa beta digital tidak tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007. Beta digital adalah di bawah kategori Aset Tak Ketara yang mana peraturan mengenainya belum diwujudkan. Bagi tujuan perakaunan akruan, tindakan untuk merekodkan Aset

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
BERHUBUNG PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN KANDUNGAN PENYIARAN DIGITAL  
OLEH JABATAN PENYIARAN MALAYSIA**

Tak Ketara secara pentadbiran boleh dilaksanakan oleh KKMM dan RTM.

**Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara**

**RUMUSAN & SYOR  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ Bilangan 43/ 2014 pada Khamis 11 November

**2014**

## **6. Rumusan PAC Parlimen.**

Secara keseluruhannya, PAC Parlimen mengambil maklum mengenai penambah baikan yang diambil Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) serta RTM terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan.

Walau bagaimanapun, PAC Parlimen mahu KKMM dan RTM memantapkan lagi kawalan terhadap urusan pembayaran serta perolehan yang membabitkan kandungan penyiaran bagi memastikan rakyat benar-benar mendapat manfaat daripada wang yang dibelanjakan.

Selain itu, PAC Parlimen juga mahu KKMM dan RTM memastikan setiap prosedur dan pekeliling berhubung tatacara kewangan yang disediakan Kerajaan dipatuhi sepenuhnya bagi mengelakkan berlaku ketirisan dan penyelewengan.

## **7. Syor PAC Parlimen.**

- 7.1. Perancangan perolehan perlu dibuat dengan rapi dan mempunyai koordinasi antara pihak-pihak yang terlibat.
- 7.2. Menyediakan perancangan pembelian program bagi tempoh 2 atau 3 tahun ke depan.
- 7.3. Memastikan peruntukan mencukupi sebelum sesuatu komitmen dibuat. Komitmen yang melebihi peruntukan dapat menjelaskan perancangan RTM pada masa akan datang. Sehubungan itu, setiap perolehan perlu dibuat perancangan yang rapi dan memerlukan koordinasi antara KKMM dan RTM.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
BERHUBUNG PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN KANDUNGAN PENYIARAN DIGITAL  
OLEH JABATAN PENYIARAN MALAYSIA**

- 7.4 Pengurusan kontrak dilaksanakan mengikut peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan.
- 7.5 Kerajaan perlu memastikan RTM menghasilkan produk yang berkualiti selaras dengan peruntukan yang telah diberikan dan rancangan Kerajaan bagi langkah pengkopratan RTM perlu disegerakan.

**Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara**

**AGENDA MESYUARAT  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ Bilangan 43/ 2014 pada Khamis 11 November

**2014**

Lampiran A

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BIL 43/2014 PADA SELASA 11 NOVEMBER 2014  
DI BILIK JAWATANKUASA 2, BANGUNAN PARLIMEN**

| TARIKH / HARI / MASA                              | PERKARA  | KEMENTERIAN/<br>JABATAN/<br>AGENSI TERLIBAT    |
|---|--|--|
| 11 November<br>2014<br>(Selasa)<br><br>11.00 pagi | 1. Pengurusan Projek<br>Pembangunan Kandungan<br>Penyiaran | 1. Kementerian<br>Komunikasi dan<br>Multimedia |

# **LAPORAN PROSIDING**

❖ **Bilangan 43/ 2014 pada Khamis 11 November**

**2014**

Bil. 43

Selasa  
11 Nov 2014



## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Mengenai:

Pengurusan Projek Pembangunan Kandungan Penyiaran

- Kementerian Komunikasi dan Multimedia

PARLIMEN KETIGA BELAS  
彭加勒那

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,  
PARLIMEN MALAYSIA  
SELASA, 11 NOVEMBER 2014**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]  
 YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]  
 YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]  
 YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]  
 YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]  
 YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]  
 YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]

- *Pengerusi*  
 - *Timbalan Pengerusi*

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]  
 YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]  
 YB. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]  
 YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]  
 YB. Tuan William Leong Kee Keen [Selayang]  
 YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]  
 YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah

- *Setiausaha*

**URUS SETIA**

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]  
 Cik Fatin Izzati binti Mohd. Radzi [Jurubahasa Serentak II]  
 Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Pegawai Khas Pengerusi Jawatankuasa]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

YBhg. Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]  
 Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah (Sektor Audit Kerajaan Persekutuan)]  
 Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir [Timbalan Pengarah (Sektor Audit Kerajaan Persekutuan  
     Penerangan Bahagian I)]  
 Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi [Penolong Pengarah (Sektor Audit Kerajaan Persekutuan  
     Penerangan Bahagian I)]  
 Encik Mohd Burhanuddin bin Ramli [Penolong Juruaudit (Sektor Audit Kerajaan Persekutuan  
     Penerangan Bahagian I)]  
 Cik Siti Aizura binti Idris [Penolong Juruaudit (Sektor Audit Kerajaan Persekutuan Penerangan  
     Bahagian I)]  
 Cik Noraty Fatimah binti Ahmad [Penolong Juruaudit (Sektor Audit Kerajaan Persekutuan Penerangan  
     Bahagian I)]

*samb/-*

**HADIR BERSAMA (samb/-)**

**Kementerian Kewangan**

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi)]

**Unit Perancang Ekonomi**

Puan Azizah bt Hamzah [Pengarah (Seksyen K-Ekonomi)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Encik Mohd. Sabree bin Yaakub [KPP]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Encik Ali Badaruddin bin Abdul Kadir [TPBK(K)A]

**SAKSI-SAKSI**

**Kementerian Komunikasi dan Multimedia**

YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi [Ketua Setiausaha]

YBhg. Dato' K. Bala Singam [Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)]

YBhg. Dato' Haji Abu Bakar bin Ab. Rahim [Ketua Pengarah Penyiaran]

Dr. Ong Gua Pak [Setiausaha Bahagian Kewangan]

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali [Penasihat Undang-undang]

Puan Norliza binti Mohd Ali [Pengarah Bahagian Program TV]

Puan Kalsom binti Semon [Ketua Penolong Pengarah Kandungan dan Kreatif]

Dr. Haji Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus [Timbalan Ketua Pengarah Penyiaran (Strategik)]

Encik Razeman bin Kamarulzaman [KSU (KEW)]

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA****PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA****Selasa, 11 November 2014****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.32 pagi****[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed  
mempengerusikan Mesyuarat]**

---

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Selamat pagi saya ucapkan kepada Timbalan Pengerusi, Ahli Jawatankuasa PAC, Yang Berhormat Datuk Anwari, pegawai-pegawai daripada kementerian dan juga para hadirin. Pada pagi ini mesyuarat PAC akan menumpukan kepada perkara iaitu mengenai "Pengurusan Projek Pembangunan Kandungan Penyiaran Digital" yang dilaksanakan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Jadi isu ini meliputi skop membekalkan program siaran terbitan tempatan dalam format *High Definition (HD)* dan *Standard Definition (SD)* untuk pengisian saluran TV1, TV digital yang RTM laksanakan.

Dalam isu ini, kelemahan yang dikenal pasti dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 2, hasil pengauditannya mengenal pasti beberapa kelemahan iaitu pertama; perbelanjaan perolehan program bagi saluran TV1 dan TV2 berjumlah RM43.70 juta adalah di luar skop projek tanpa mendapat kelulusan EPU dan Perbendaharaan; kedua, perolehan program saluran TV1, TV Interaktif berjumlah RM111.83 juta telah melebihi peruntukan sejumlah RM21.79 juta bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Jun 2013. Maknanya RTM beli program *forward buying program*- mereka beli program masa depan melebihi daripada bajet yang sepatutnya pada tahun yang ditetapkan. Selepas itu, kementerian tidak memohon peruntukan pembangunan tambahan bagi membiayai tanggungan berjumlah RM61.78 juta.

Sebanyak 71 program telah siap tetapi lewat jadual, manakala 78 program masih dalam pelaksanaan tetapi melebihi tempoh kontrak asal. Kelewatan pelaksanaan antara 15 hari hingga 14 bulan. Sebanyak 15 program telah diberi kelulusan lanjutan tempoh kontrak melebihi sekali, maknanya ini mendapat lebih daripada satu program- 15 companykah atau 15 program? Dia dapat lebih EOT. Manakala 8 program diberikan kelulusan lanjutan masa selepas tarikh tamat tempoh kontrak.

LAD berjumlah RM182,142 tidak dikenakan terhadap 42 program siap yang melebihi tempoh sah laku kontrak. Keseluruhan 413 program yang bernilai melebihi RM50,000 setiap satu tidak mempunyai kontrak formal. Terdapat 75 program yang tidak dikemukakan oleh bon pelaksanaan berjumlah RM0.86 juta, manakala 53 program bon pelaksanaan tidak meliputi 12 bulan selepas tarikh

tamat kontrak. Perolehan 366 program berjumlah RM88.04 juta tidak didaftarkan sebagai harta modal kerajaan. Maknanya tidak didaftarkan sebagai *Intellectual Property (IP)*... Oh, jadi banyak isu ini. Panjang kot nanti. Jadi sebelum kita memulakan hari ini, Datuk Anwari ada apa-apa ulasan?

### 11.38 pg.

**Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.* Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan Tan Sri Mohamed – Pengerusi PAC; Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw – Timbalan Pengerusi PAC; Dato' Seri, Datuk-Datuk Ahli PAC; Tuan-Tuan dan Puan-Puan; pegawai-pegawai kanan daripada EPU; JPA; MoF; dan Jabatan Akauntan Negara juga bersama saya Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub – Pengarah Audit Persekutuan; Tuan Haji Mohd Nasri bin Mohd Nasir – Timbalan Pengarah Audit; serta tim pasukan Audit.

Di bawah projek ini, RTM telah meluluskan peruntukan sebanyak RM90.04 juta bagi tempoh 2011 hingga Jun 2013 di bawah Projek Pembangunan Kandungan Penyiaran Digital. Ia meliputi skop membekal program siaran terbitan tempatan berformat *High Definition (HD)* dan *Standard Definition (SD)* untuk pengisian saluran TVi. Program siaran tersebut mengandungi kategori telemovie, drama bersiri, dokumentari, majalah canda-wara, *games show* dan animasi. Selain itu, skop projek termasuk penyediaan *multidelivery platform* untuk mempopularkan program yang disiarkan, kajian kepuasan pelanggan dan latihan perolehan.

### ■1140

Sebagaimana disebut tadi, peruntukannya RM90.04 juta meliputi perbelanjaan pembangunan, sumber pembiayaan pembangunan dan juga menguruslah. So ini ada isu-isulah dalam peruntukan mengurus telah digunakan untuk tujuan-tujuan yang tidak sepatutnya tanpa mendapat kebenaran daripada EPU dan lain-lain. So tadi telah disebut isu-isu oleh Tuan Pengerusi, so sampel kita lebih daripada 10% terhadap baucar 55 daripada 426 perolehan. So lebih daripada 10% lah ikut *standard auditing*...

**Tuan Pengerusi:** *Representative sample*lah, isu besar.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** So saya akan menjemputlah Tuan Haji Nasri. Jadi sebelum ini kita pun telah berbincang dengan Dato' Sri KSU, so tindakan-tindakan positif telah diambil oleh beliau. So termasuklah...

**Tuan Pengerusi:** Ini bukan dialah. Ini KSU lamalah.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** KSU sekaranglah, so nanti kita akan lihat...

**Tuan Pengerusi:** Ini berlaku pada zaman KSU lamalah. Mungkin kena panggil KSU lamalah untuk terangkan.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Okey, terima kasih. Itu sahaja daripada saya.

**11.42 pg.**

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir [Timbalan Pengarah (Sektor Audit Kerajaan Persekutuan Penerangan Bahagian I)]: Assalamualaikum.** Selamat pagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berbahagia Datuk Timbalan, Encik Rashid, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Tajuk yang akan saya bentangkan ialah "Pengauditan Terhadap Pengurusan Projek Pembangunan Kandungan Penyiaran Digital", atau dalam *short formnya PKPD*, Jabatan Penyiaran Malaysia iaitu RTM. Dalam projek Pengurusan Projek Pembangunan Kandungan Penyiaran Digital ini, tumpuan kita adalah pada perolehan bekalan program atau rancangan-rancangan untuk siaran TVi.

Sebenarnya ada lagi siaran-siaran lain yang telah dicadangkan atau disyorkan untuk dilaksanakan melalui pendigitalan ini, tetapi gagal semuanya, hanya tinggal satu sahaja iaitu TVi.

*[Pembentangan merujuk kepada paparan slaid]*

Sedikit sebanyak mengenai TVi yang ini kita dapat lihat di atas skrin bermaksud "i" itu adalah inspirasilah, inspirasi atau idea, ilham, integrasi boleh mengintegrasikan antara kaum di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Semuanya bersifat interaktif. Maknanya dia boleh diakses melalui tablet, smartphones semualah. Dengan online dan *streaming*. Inovatif ini boleh menghasilkan seni kreatif yang lebih bagi golongan muda dan juga belia.

Fokus dan tumpuan bagi projek ini adalah bagi kumpulan sasarnya berumur di antara 17 hingga 40 tahun, golongan belia- muda dari pelbagai kaum. Objektif PKPD ini adalah untuk menyalurkan maklumat kerajaan secara lebih santai, mudah dan berkesan bagi golongan mudalah. Di samping itu untuk menyuntik semangat patriotik, keilmuan, berpengetahuan, hiburan ke arah di samping hiburan yang disediakan bagi membuka minda serta memenuhi cita rasa remaja. Begitu juga menekankan kepada aspek kepelbagaian dan keunikan masyarakat peribumiilah juga Orang Asli.

Next. Ini adalah sedikit latar belakang maklumat penubuhan saluran TVi di mana kalau kita dapat lihat pada tahun 2010 pada peringkat awalnya platform muzik aktif ini ada kita dapat lihat berkumandang secara 24 jam bersiaran. Itu kita dapat lihat muzik video itu sentiasa berkumandang dalam Astro 180. Mungkin Ahli-ahli Parlimen semua pernah melihatlah TVi ini. Jadi selaras dengan Dasar Pendigitalan Negara maka terwujud beberapa projek perintis mana yang ditetapkan dalam *National Digitization Master Plan*. Di antaranya adalah saluran Muzik Aktif iaitu muzik, saluran BES1 atau Berita Ehwal Semasa Aktif, berita, saluran arena sukan, saluran RTM dan beberapa lagi yang sedang dalam proses eksperimental.

Bagaimanapun, empat siaran yang saya sebut tadi adalah tidak dapat dilaksanakan kerana masalah peruntukan kewangan kementerian sendiri.

Jadi yang hanya boleh dilaksanakan adalah TVi sahaja. Maka TVi pun *transform* daripada platform Muzik Aktif, sudah *ditransform* kepada saluran TVi yang mengandungi beberapa rancangan-drama, dokumentari, animasi, hiburan dan juga *game show*. Ini ialah yang dikatakan...

**Tuan Pengerusi:** Tidak saya tidak faham. Bukannya duit daripada yang dikutip oleh RTM ini tidak payah pergi masuk *consolidated fund*. Dia boleh digunakan dalam RTM sendiri.

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Ini dia punya sejarah TVi itu, mula-mula dia pakai platform muzik, digunakan...

**Tuan Pengerusi:** Tadi kata yang tidak ada peruntukan.

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Peruntukan untuk yang ini sebenarnya dia pakai peruntukan pembangunan memang ada, TVi.

**Tuan Pengerusi:** Pakai peruntukan kerajaan untuk kementerianlah.

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Yes, yes ada peruntukan pembangunan.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi apa yang saya dimaklumkan dulu masa zaman bapa saya jadi Menteri dulu, arwahnya RTM itu dia boleh kutip duit sendiri, *fund* dia dan tidak payah pulangkan balik pada *consolidated fund* dan duit itu dia boleh digunakan untuk beli program. Sekarang ini ada tidak ada?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi [Penolong Pengarah (Sektor Audit Kerajaan Persekutuan Penerangan Bahagian I)]:** Kalau tidak silap saya, sekarang ini hasil-hasil siaran daripada RTM itu memang akan masukkan hasil negara iaitu *consolidated fund*.

**Tuan Pengerusi:** Masuk *consolidated fund* balik.

**Encik Mohd Faez Bin Mohd Fauzi:** Yes. Setiap tahun dia akan ada dapat peruntukan untuk pembelian program TV.

**Tuan Pengerusi:** Ha, okey maknanya yang *special fund* itu tidak adalah.

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Ini adalah sedikit mengapa *transform* daripada analog kepada digital. Kalau kita dapat lihat siaran berbilang saluran, maknanya kalau kita pakai digital lebih banyak siaran *multi-channel*. Kalau analog ini satu siaran, satu pemancar, satu sahaja siaran kita dapat iaitu TV1 atau TV2 dan kualiti gambar ini lebih jelaslah, lebih berkualiti dan dapat liputan yang lebih. Dari segi spektrum yang lebih efisien maksudnya di sini ialah frekuensinya. Frekuensinya lebih dapat untuk *transmit* siaran itu lebih efisienlah, lebih cekap.

Kemudian perkhidmatan invasi aplikasi interaktif ini saya sebut tadi lebih untuk akses ini mudah. Kalau *online* ada WiFi, ada internet mudah. Bila digital ini lagi boleh *support* dengan *high definition* ini. Memang kemudahan bagi digitallah. *That's why* Jabatan mentransform daripada analog kepada digital.

Sedikit mengenai prestasi kewangan. Ini sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat maklum tadi mengenai peruntukannya. Kita dapat perhatikan bahawa perbelanjaan perolehan TVi adalah dibiayai oleh dua peruntukan. Sememangnya dua peruntukan iaitu menggunakan peruntukan pembangunan dan juga mengurus, iaitu kita dapat lihat bahawa peruntukan yang ada adalah RM90.04 juta dan perbelanjaan yang telah dilaksanakan adalah RM88.04 juta. Maknanya Jabatan Penyiaran Malaysia atau RTM ini dia beranggapan menggunakan peruntukan sedia ada, apa yang ada dalam jabatan itu dia akan gunakan. Sama ada hendak pakai bayar TVi, TV1 atau TV2. Sepatutnya hanya untuk pembangunannya iaitu TVi sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Dari segi proses salah?

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Proses itu tidak betul. Sepatutnya kalau dia hendak menggunakan peruntukan pembangunan, dia perlu rujuk kepada EPU untuk kebenaranlah. Boleh dikecualikan dengan syarat permohonan perlu dibuat kepada EPU.

**Tuan Pengerusi:** Wakil EPU ada di sini?

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Ada.

**Tuan Pengerusi:** Betulkah?

**Puan Azizah binti Hamzah [Pengarah (Seksyen K-Ekonomi)]:** Sebenarnya EPU punya-bila permohonan kepada EPU adalah untuk Pembangunan Kandungan. Akan tetapi saya rasa di sini diguna juga untuk Perolehan Kandungan. *I think further down you find that mula-mula memang EPU tidak meluluskan perkara inilah, akan tetapi selepas rayuan kali kedua itu kita luluskan dengan amaran.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Dia pakai dulu baru dia minta.

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Ya, dia pakai dulu. *Then dia telah merayu pada 3 Julai dan dapat kelulusan dengan bersyarat bahawa kalau- ini tidak boleh dijadikan precedent case. Kalau berlaku lagi tidak akan dipertimbangkanlah.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Pakai duit Pembangunan itu dia mengganggu tidak cadangan-cadangan dan perancangan awal yang dalam Pembangunan itu? Ada yang terpaksa- tidak boleh dibuat kerana duit tidak ada.

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Ya, ya memang mengganggu. Ada perancangan itu terpaksa dia *narrow down* lagi dan dia akan kurangkan bajetlah.

Seterusnya mengenai pencapaian fizikal. Kita dapat lihat bahawa bagi tempoh tiga tahun ada projek perolehan telah siap dan perolehan dalam pelaksanaan. Daripada 416 program keseluruhannya, kita dapat yang mengikut jadual 267 dan dalam pelaksanaan sebanyak 149. Ini menunjukkan yang ikut jadual itu adalah lebih daripada 60%.

■1150

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Ini program maksudnya program TV itu namanya.

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Ya, program TV itu. TV, TV.

Next, ini skop Audit bagi tempoh tiga tahun. Metodologi pengauditan Bahagian Pembangunan Fasiliti RTM, Unit Kandungan Kreatif dan Kewangan, dan Unit Saluran TV dan Perpustakaan, dan kita membuat semakan sebanyak seperti mana yang dimaklumkan lebih daripada 10% iaitu 55 perolehan program daripada 416 saluran TVi.

Next. Kita menumpukan kepada tujuh perkara utama atau yang *major issues* sahaja ini iaitu pertama, perbelanjaan di luar skop diluluskan; kedua, komitmen melebihi peruntukan; ketiga, tiada kontrak formal bagi perolehan program yang melebihi RM50,000; keempat, jumlah LAD yang tidak dikenakan sebanyak RM182,000; kelima, bon pelaksanaan tidak dikemukakan dan tidak cukup tempoh *warranty*; keenam, perolehan program TV tidak didaftarkan sebagai satu modal; dan seterusnya yang terakhir sekali ialah, tiada kontrak dimeterai antara RTM dan ASTRO untuk satu projek usaha sama.

Bagi isu yang pertama iaitu perbelanjaan luar skop yang diluluskan oleh EPU. Mengikut kriteria atau peraturan skop perbelanjaan yang diluluskan oleh EPU termasuklah yang pertama membekal bahan siaran berformat HD dan SD untuk saluran TVi dan empat saluran baru- tetapi hanya yang wujud sini hanyalah TVi sahaja. Empat saluran baru tadi tidak dapat dilaksanakan.

Keduanya menyediakan kandungan *multidelivery platform* untuk mempopularkan program yang disiarkan. Maknanya sini pihak RTM boleh mempromosikan TVi melalui pelbagai platform. Platform yang kita kata maksudnya sama ada melalui media cetak, media elektronik, atau contohnya radio, TV, majalah, secara *online* itu yang boleh digunakan untuk mempromosikan TVi. Kemudian kajian kepuasan pelanggan dan latihan. Walau bagaimanapun, di kedua-dua kajian kepuasan pelanggan, latihan ini tidak dilakukan.

Okey, ini adalah senarai perbelanjaan menggunakan peruntukan yang diluluskan. Daripada keseluruhan perbelanjaan perolehan TVi bagi tahun 2012 dan tahun 2013 yang berjumlah RM58.47 juta, iaitu kita dapati RM43.7 juta atau kira-kira 75% telah dibelanjakan untuk membayar saluran TV1 dan TV2 iaitu lebih kurang 170 program semuanya di mana sebenarnya ia adalah di luar skop projek PKPD iaitu luas daripada skop yang EPU luluskan tadi itu. Jadi, tanpa mendapat kebenaran ataupun kelulusan daripada pihak EPU.

Ini adalah disebabkan RTM telah mentafsirkan skop *multidelivery platform* untuk membolehkan perolehan-perolehan TV bagi pelbagai saluran TVi. Jadi dia kata, dia hendak pakai peruntukan TV1 dan TV2 untuk bayar TVi pun boleh. Jadi dia boleh pakai peruntukan sedia ada.

**Tuan Pengerusi:** Tidak, fasal dia gunakan program sama untuk hendak letak dalam TVi dengan RTM juga.

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Yes, sebagai platform jugalah.

**Tuan Pengerusi:** EPU salah atau tidak salah?... [Ketawa]

**Puan Azizah binti Hamzah:** Kalau ikut TV *platform*, *single platform* maksudnya lah. Oleh sebab kalau *multidelivery* ini maknanya contoh melalui TV, melalui internet dan lagi *mobile*. *Multidelivery platform*.

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi pada hakikatnya, *it is the same program* tapi hendak dalam *distribution channel* yang mana sahajakan. Tidak, tapi macam tadi saya tanya audit kata ini salah langgar prosedur. Dalam EPU punya pandangan?

**Puan Azizah binti Hamzah:** Kalau kita kata *this is not*, dia tidak *comply* kepada *multidelivery* di sini sebab maknanya *this is more of single delivery platform*. Melayu TV *is a single delivery platform*. Maknanya TVi atau TV1 adalah TV. TVi dan TV1 merupakan TV. *The channel is TV*. Akan tetapi kalau *multidelivery* maknanya melalui internet or other mediumlah. Mana *content* yang sama itu kita boleh pelbagaikan platformnya.

**Tuan Pengerusi:** *Which is better kan?*

**Puan Azizah binti Hamzah:** *Which is better but it is not-* maknanya dia punya pentafsiran itu tidak tepatlah.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya ini bukannya langgar prosedur la?

**Puan Azizah binti Hamzah:** Dia punya pentafsiran tidak tepatlah cuma...

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah (Sektor Audit Kerajaan Persekutuan)]:** Tuan Pengerusi, dia langgar skop sahaja. kelulusan peruntukan ini hanya untuk kandungan digital di TVi sahaja. Sekarang ini dia guna peruntukan untuk membuat siaran untuk TV1 sedangkan TV1 dan TV2 dia sudah ada peruntukan dia sendiri untuk membangun.

**Tuan Pengerusi:** Tahu, tahu. Untuk saya fasal program sama boleh digunakan di pelbagai platform. Jadi hakikatnya program itu tidak dibazirkan. *In fact* lagi bagus digunakan di pelbagai *platform instead of* sekarang satu sahaja TV1 dan TV2, dia boleh pergi kepada *multiplatform* TVi ini kepada *tablet*, kepada *mobile phone* dan sebagainya. Makna ini sebenarnya satu perkara yang baik juga dibuat oleh RTM. Saya bukan *defense*. Saya cuma tadi hendak tengok dia punya apa isu yang sebenarnyalah.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Cuma Tuan Pengerusi, ...

**Tuan Pengerusi:** *Control, control*. Siapa yang buat kontrol ini? *Mic* ini biar kuat sikit. *Mic* semua orang biar kuat sikit. Ini senang dengar. Saya pun sudah- tidak tahu, sudah semakin tua atau apa, tidak dengar... *[Ketawa]* Okey EPU tadi apa?

**Puan Azizah binti Hamzah:** Tuan Pengerusi, satu lagi saya rasa objektifnya adalah untuk membangunkan kandungan, bukan memperoleh kandungan. Jika memperoleh *actually comes under* OE sepatutnyalah. Membangun kandungan ini dia ada dua objektif, Tuan Pengerusi.

Satu adalah untuk membangunkan kandungan itu untuk *digitalization*. Kita cakap tadi *digitalization*. *We are going to digital TV and all that. We will have many channels.* Bila kita ada *multiple channels* ini, kita hendak mengimbangi *local content* dan *imported content*. So, we have to actually develop more content, satu.

Keduanya kita hendak membangunkan industri kandungan kita sendiri, *the content industry*. *That is why we go for Pembangunan Kandungan as oppose to perolehan. Perolehan should come in a wee lah. So, this is the thing that they have transgressed in a way.* Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** But now this has been a regular right. Maknanya sudah tidak ada isu. Sewaktu itu sudah jadi isu.

**Puan Azizah binti Hamzah:** Cuma *in future* they shouldn't be doing this lah.

**Tuan Pengerusi:** Okey, ini *mic* kuat lagi. Kuat lagi sikit. Kamu semua muda-muda tidak apalah... *[Ketawa]* Okey.

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Jadi soalan kita boleh timbul. Ahli-ahli boleh tanya kepada jabatan kenapa tidak mendapatkan kebenaran penjualan kepada EPU. Ini adalah tindakan kementerian. Kita sudah maklum tadi bahawa kementerian telah mohon kelulusan perbelanjaan luar skop ini kepada EPU pada 10 Jun.

Pada 4 Julai 2014, EPU telah memberi kelulusan secara bersyarat bahawa ia tidak boleh dijadikan sebagai *precedent case* pada masa akan datang. Maknanya jika berlaku juga, ia tidak akan dipertimbangkan. *Then* apa tindakan *preventive* ke jabatan? Maknanya ada SOP pengurusan perolehan program TV swasta dan *syndicated* bagi perolehan luar negara. *Then*, terma rujukannya pun ada dan Jawatankuasa Perolehan Rancangan TV ditambah baik untuk memastikan lima integriti dalam proses penilaian dan perakuan kepada Lembaga Perolehan 'A' kementerian.

Next. Isu kedua ialah berkaitan dengan komitmen perolehan yang melebihi peruntukan. Okey. Mengikut peraturan biasa yang kementerian perlu memastikan peruntukan mencukupi sebelum membuat sesuatu komitmen perolehan. KKM melalui Lembaga Perolehan 'A' telah meluluskan perolehan saluran TVi berjumlah RM111.83 juta, kalau dapat lihat itu. Jadi peruntukannya hanyalah sebanyak RM90.04 juta.

Jadi RTM telah membuat lebihan komitmen di situ tanggungan masa depannya yang lebih sangat. Padahal peruntukannya yang ada hanyalah 90 sahaja. Jadi dia defisit itu sebanyak RM21.79 juta yang telah ditanggung oleh pihak RTM. Amalan RTM di sini adalah membuat tempahan awal... *[Disampuk]* Tempahan awal dulu sebab proses perolehan siaran ini agak mengambil masa yang lama. Kadang-kadang sampai lapan bulan, 12 bulan. Jadi prosesnya agak unik berbanding dengan proses-proses perolehan lain, bekalan lain.

Jadi RTM telah membuat tempahan awal program-program untuk tahun berikutnya pada tahun semasa tanpa meneliti dulu peruntukan sedia ada. Itu yang dia telah anggap bahawa dia tidak tengok pun peruntukan sedia ada, dia kata dia tempah dahulu.

**Tuan Pengerusi:** Dua isu. Satu dari segi *planning*, maknanya patutnya mereka sudah ada *planning* untuk beli program sampai dua tahun atau tiga tahun ke depan. Dia telah minta peruntukan itu lebih awal daripada EPU, EPU sudah luluskan. *Full stop.*

■1200

**Tuan Pengerusi:** Maknanya *channel* itu kena isi program dia maksimum banyak itulah. Pasal apa hari, masa, jam, minit banyak itulah kan? Dia tidak boleh lebih lagikan?

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Ya lah.

**Tuan Pengerusi:** Melainkan dia hendak beli lebih sikitlah, sebagai kontingensi kalau ada orang yang tidak siap program. Itu pun kalau dia beli program dua tahun ke depan, tidak ada masalahlah. Akan tetapi...

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Dia Yang Berhormat, kita bimbang jika banyak program yang disiapkan dalam tahun yang sama, kata 15, kita bimbang pihak RTM akan menghadapi masalah peruntukan kewangan. Apabila siap semua, hendak bayar semua. Itu yang bimbang itu. Jadi dia kena tengok bajet dulu berapa banyak dia boleh jangka untuk siap. Jadi kalau dia pakai yang semua dalam itu tahun semasa, tahun depan sudah tidak ada duit untuk bayar.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Akan tetapi tidak akan tidak ada peruntukan?

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Ha, itulah. Dia tidak...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Itulah masalah dia.

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Masalah dia, dia menganggap apa yang dia ada sekarang, dia pakai dulu duit. Tahun depan pun dia tidak - terpakai juga. Jadi kadang akan lihat pada semasa punya.

**Tuan Pengerusi:** Keputusan hendak beli program ini semua, siapa punya keputusan? Adakah Yang Berhormat Menteri punya keputusan kah ataupun Pegawai Pengawal?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Perolehan program TV ini dia ada prosesnya *start* daripada RTM, yang mana pembekal akan datang untuk *propose* program-program TV yang dia hendak buat penggambaran apa semua. Ada proses *pitching*, ada proses penilaian teknikal, okey. Apabila sudah *shortlisted*, RTM akan bawa kepada Lembaga Perolehan 'A' di kementerian. Di mana Lembaga Perolehan 'A' akan buat keputusan sama ada hendak terima ataupun tidak, okey. Isu yang timbul sekarang ini adalah RTM dan kementerian tidak *communicate each other...* [Disampuk] Maknanya apa yang disyorkan oleh RTM, RTM syor tanpa melihat peruntukan yang ada di peringkat kementerian. Apabila Lembaga Perolehan membuat keputusan, tidak melihat kepada peruntukan yang ada. Itu isunyalah sebenarnya.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Dia ada *proof* tidak, *supplier* tidak dapat *payment*?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Ini lain. *Because* begini, apabila berlaku lebihan dia bayar juga tetapi menggunakan peruntukan Mengurus.

**Tuan Pengerusi:** Selepas itu apabila tidak cukup dia ambil peruntukan ini dia bayar dulu.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Dia ambil duit lain lagi, dia bayar dengan duit Mengurus.

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Apa yang ada dia bayar.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wee Jeck Seng:** Kementerian?

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Habis...

**Datuk Wee Jeck Seng:** *Maybe* kementerian tidak tahu. Kementerian tidak tahu? Dia tidak ada kaitan antara...

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Oleh sebab sekarang ini dia tidak timbul isu disebabkan contoh, dia buat perolehan tahun 2013 dan tahun 2014 siap. So, dia bayar menggunakan peruntukan tahun 2014. Akan tetapi kalau ada perolehan tahun 2012 yang siap tahun 2014, akan ada berlaku *short* peruntukan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Short* pengurusan katalah. *Argument* kita hari dia ambil duit pengurusan. Akan tetapi duit pengurusan kalau saya difahamkan apa yang kita bercakap semalam pun, dia *very well defined*. Oleh sebab dia gaji, *all those things*. So, maksudnya kalau dia pakai duit itu mesti ada pengurusan tidak cukup.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Oh, sebab untuk RTM memang ada peruntukan mengurus untuk perolehan program TV, yang mana *average* perolehan setahun adalah sebanyak RM200 juta.

**Seorang Ahli:** So memang sudah ada?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Memang sudah ada, bawah Mengurus.

**Tuan Pengerusi:** Soalan saya itu, pasal tadi itulah. Akan tetapi sekarang ini- dulu RTM sendiri yang boleh uruskan. Sekarang ini sudah kena masuk *consolidated fund*. Diberi balik sebagai perbelanjaan tahunan.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Berbalik kepada soalan saya tadi, dalam hal ini siapa yang luluskan ini?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Lulus disebabkan amaun melebihi had Lembaga Perolehan 'A', yang beri kelulusan adalah peringkat Lembaga Perolehan 'A'.

**Tuan Pengerusi:** Siapa pengerusinya?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** KSU.

**Tuan Pengerusi:** KSU?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Menteri tidak terlibat?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Tidak ada.

**Seorang Ahli:** Kawan-kawan...

**Tuan Pengerusi:** Bukan kawan, kementerian ini saya cukup masak dengan cara dia dikendalikan dan waktu arwah bapa saya jadi Menteri pun benda yang sama juga saya dengar, sampai sekarang ini. Masalah yang dihadapi, tetapi balik-balik apabila kena tuduh macam-macam, Menteri kena tuduh. Padahal Menteri tidak terlibat langsung dalam proses pemilihan ini. Itu tadi yang Lembaga Tender yang hendak pilih program kan? So, sekarang ini yang hendak *decide* beli program lebih ini pun, Lembaga Tender juga? Ada tidak arahan lain dia suruh beli lebih daripada...

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Bukan, bukan. Kalau ikut pengauditan kami, *time* keputusan dibuat, peringkat kementerian tidak aware berapa baki peruntukan yang ada. Maknanya dia tidak aware berapa tanggungan yang ada sekarang ini dan berapa baki peruntukan. Sama ada cukup ataupun tidak. Maknanya tidak ada apa-apa arahan beli perolehan lebih atau apa.

**Tuan Pengerusi:** Dalam hal ini kita boleh letak kesalahan pada KSU ketika itulah? Satu, dia tidak *check* dia punya peruntukan dalamannya. Kedua, dia tidak buat unjuran. Dia main beli ikut suka sahaja. Agaknya dia fikir satu jam dalam hidup kita- ini satu jam ada 30 jam kah masa, bukan 24 jam? Hendak isi program itu terlebih kan.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Yes, betul.

**Tuan Pengerusi:** Selepas itu dia alihkan peruntukan daripada perbelanjaan lain untuk hendak bayar perkara ini.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Betul.

**Tuan Pengerusi:** Ini tiga yang saya fikir, saya tengok *clearlah*, kesalahan KSU, Pegawai Pengawal pada ketika itulah. Saya belum masuk lagi yang keempat lah. Maknanya bila program yang lebihan itu dibeli?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Dalam tempoh 3 tahun.

**Tuan Pengerusi:** Last sekali tahun 2013 lah?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Ya. Kalau kita tengok tahun 2011, dia sudah *short* RM22.94 juta, yang ada lebihan pada tahun 2013 sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya itu tahun terakhir dia jadi KSU lah?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sudah. Itu sahaja saya hendak tahu. Sebelum dia berhenti dia luluskan dahululah? Okey... [Ketawa]

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Hendak tanya juga tadi, yang diaudit ini untuk semua stesen RTM seluruh negaralah?

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Bukan. Peringkat perolehan program TV dibuat di peringkat ibu pejabat sahaja.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Ibu pejabat sahaja.

**Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi:** Yes.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Keduanya lagi, saya hendak tanya tadi, pasal awal-awal sudah *commit*, awal-awal ini kan. Mungkin apakah- *what I mean is, what is* alasan dia orang yang mungkin pasal wayang, program memang mesti *commit* awal. Mesti tempah awal. Kalau tidak nanti ada kosong dalam program sebab orang hendak jual filem dia, program dia. Kalau *you* tidak bayar dulu kita tidak hendak bagi. Nanti hendak atur program TV nanti kita ada kosong. Program kita kan 24 jam. *Is it because of that* dia orang terpaksa *commit* awal? Ini *especially* pembelian program-program, wayang-wayang dan sebagainya.

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Oleh sebab tadi sudah dijelaskan bahawa prosesnya agak lama. Jadi kalau tidak *commit* awal nanti banyak proses akan melalui *pitching* sampai SST keluar, dia akan mengambil masa. Jadi kalau tidak buat tempahan awal, nanti hendak siap sudah tidak boleh, sudah dua hingga tiga tahun baru siap. Jadi kena buat awal, jadi dia kata kami mengambil masa lapan bulan, 12 bulan untuk buat.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Itulah. Mungkin kalau tidak buat macam itu akan ada program itu tidak *flownya*- kan 24 jam *non stop*. Hari-hari pula.

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Itulah tempoh dia pasal boleh dipendekkan, itu yang jadi-kalau dipendekkan mungkin dia boleh bajet berapa sebenarnya dia akan bayar.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Okey, sudah tahu.

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Seterusnya mengenai isu yang ketiga iaitu tiada kontrak formal bagi perolehan program TV bernilai melebihi RM50,000, seperti mana peraturan kewangan semasa, Arahan Perbendaharaan menyatakan semua sebut harga tender perolehan bekalan dan perkhidmatan bermasa yang melebihi RM50,000 perlulah diadakan satu kontrak formal. Kita dapat bahawa makna Arahan Perbendaharaan tadi kontrak melebihi RM50,000 iaitu didapati sebanyak 413 program semuanya yang melebihi RM50,000, setiap program bernilai tidak mempunyai kontrak formal iaitu lebih kurang RM111.3 juta yang tidak mempunyai kontrak formal. Jadi RTM hanya menggunakan surat SST sebagai satu dokumen ikatan perjanjian antara kerajaan dengan pembekal.

Apabila kita merujuk kepada Pegawai Undang-undang, dari segi legalnya SST memang boleh diterima sebagai satu dokumen yang sah di mahkamah. Walau bagaimanapun dari segi peraturan, dari segi Akta Prosedur Kewangan Kerajaan, kontrak formal perlulah disediakan bagi perolehan yang melebihi RM50,000. Itu keadaannya. Walau bagaimanapun, jabatan dan kementerian bersetuju untuk mengadakan kontrak formal pada masa akan datang. Jadi sebab apa dalam SST itu ada beberapa perkara yang tidak lengkap. Dari segi pelanjutan tempoh, pembatalan, pindaan dia tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Itu maknanya dia punya *contractual terms* pasal dia punya program hendak siaplah?

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi macam isu *content* ini dia bukan macam beli barang. Dia beli konsep, macam mana hendak kontrakkan benda itu? Dari segi KPI dia, output dia, kualiti atau tidak berkualiti. Fasal SST ini memang tidak ada langsung cerita mengenai *quality output content* itu sendiri kan?

■1210

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Tuan Pengerusi sebenar dalam isu ini, kementerian beranggapan SST yang dikeluarkan itu tidak memadai. Akan tetapi di dalam SST itu tidak lengkap lah. Contohnya dari segi denda kalau lewat, dari segi apa tidak dinyatakan. Itu keperluan *details*. Kalau hendak guna SST, maklumat-maklumat denda, maklumat tempoh siap atau apa-apa maklumat kena ada dalam itu. Itu yang kita tekankan.

**Tuan Pengerusi:** Itu yang saya cakap tadi, isunya berkaitan dengan kualiti output itu sendiri. Kalau kualiti output itu, satu susah hendak tafsir kualiti output itu. Kedua, ia ada berkenaan dengan tarikh siap dan sebagainya fasal kalau pegawai di kementerian dia tengok output itu tidak bagus, tidak apa, dia suruh buat *revision*. Dia suruh buat edit dan sebagainya. Itu kadang-kadang dia terlebih masa dan sebagainya kan, itu maksud saya. So, sekarang ini isunya bagi saya kena *formalize* juga macam mana hendak buat format, kalau buat kontrak, betul. Akan tetapi hendak *formalize* juga macam mana hendak tafsirkan kualiti dan *content* itu sendiri supaya ia boleh diterima oleh kedua-dua pihak.

Kadang-kadang tahulah di kementerian ini dia beli sahaja. Tidak tahu lah dia beli sebab kawan ke apa kan. Terutamanya mengenai isu *content*. Penilaianya tidak...

**Seorang Ahli:** *Pitching* yang menilai. *Pitching*...

**Tuan Pengerusi:** Tahu, ini kalau kementerian ini jangan tanya / lah, / masak sangat isu ini ya. Jadi bila orang ini dipilih, ya lah kalau dia tidak sampai pada *expectation* pegawai RTM yang ada itu, suruh buat semula dan sebagainya. Itu pun sudah jadi isu juga. So, kalau you hendak kontrak kan benda ini pun, you kena *defined* juga, kualiti *content* juga supaya dia tidak ini-fasal benda ini sudah berpuluh-puluh tahun sudah orang beli program TV, bukan baru lagi. Banyak contoh lain kan. Akan tetapi hendak *formalize* kena *formalize* betul-betul. Jangan *formalize contract term* sahaja fasal itu juga saya rasa macam tarikh siap, denda dan sebagainya, itu biasalah. Akan tetapi kadang-kadang mereka tidak buat benda itu fasal *the quality product is good, then* mereka boleh terima. Ini kena tengok juga lah isu ini.

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Okey, next berkenaan- ya inilah maklum balas. Kontrak formal telah kita adakan bagi semua perolehan program TV, telah menyediakan kontrak formal bagi peluang baru yang perlu ditangani dalam tempoh empat bulan.

Dan juga KKMM telah menyediakan draf kontrak standard bagi perolehan program TV untuk memastikan tiada kelewatan dalam proses berkaitan dengan kontrak lah.

Okey, next, mengenai LAD berjumlah RM182,142 yang tidak dikenakan bagi 42 program TV yang lewat disiapkan. Ini seperti klausanya dalam LAD dalam SST, kelewatan membekalkan untuk mengekalkan program TV dalam tempoh kontrak akan dikenakan LAD berdasarkan hari kelewatan. Kita dapat SST meletakkan jika pembekal lewat, maka ganti rugi LAD dikenakan dan didapati 42 program telah lewat, dibekalkan melebihi tempoh kontrak antara 24 hari hingga 117 hari. LAD dianggar berjumlah RM182,142 tidak dikutip daripada pembekal yang berkenaan.

**Datuk Madius bin Tangau:** Ada sebab ke tidak mengapa tidak collect balik?

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Ada, ada sebab. Disebabkan ini *physical control* itu, kurang efektiflah. Pemantauannya itu tidak berapa efektif. Jadi kelewatan itu tetap berlaku sebab ia tidak *control*. Okey next... [Disampuk] Tidak ada.

Okey, menerusi maklum balas seperti mana di atas skrin ini, tindakan *corrective* bermula pada bulan Mei 2014. LAD telah ditekan kepada 46 pembekal dan sejumlah RM279,151 telah dikutip setakat Oktober 2014. *Preventivenya* sekarang KKMM dan jabatan telah menubuhkan Jawatankuasa Perlanjutan Tempoh Kontrak Pembekalan Program TV bagi mentadbir secara efektiflah, perolehan.

Satu soalan Tuan Pengerusi, boleh kita utarakanlah iaitu apakah tindakan jabatan dan kementerian terhadap jumlah LAD yang tidak dikutip itu berjumlah RM182,142 itu. Apakah tindakan yang telah dibuat?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Yang dikutip RM200,000 lebih itu yang mana?

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Itu baru.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Itu baru?

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Yang lama itu. Yang tadi itu adalah benda yang baru. Benda yang baru itu okey, yang lama itu. Okey...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Tadi kan fasal dia kata pemantauan tidak efektif itu, ada contoh atau tidak dari segi apa yang tidak efektif? Tidak ada pegawai khas yang tahu di mana dapat *contract matters* atau...

**Encik Mohd Faez Bin Mohd Fauzi:** Okey, sebenarnya macam ini. Bila keputusan dibuat di peringkat kementerian tapi pelaksanaan program, penilaian semua di peringkat RTM, okey. So, RTM yang tahu prestasi fizikal pembekal sama ada dia *on time* ataupun dia ada *extension* atau tidak. Akan tetapi dari segi penggunaan LAD, dibuat di peringkat kementerian. Maknanya tidak ada *communication* antara KKMM dan RTM. Maknanya prestasi fizikal. KKMM bertanggungjawab mengeluarkan notis LAD, tidak ada rekod prestasi fizikal yang RTM ada. Itu isu yang- maksudnya *most of the issue* adalah *communication* antara RTM dan KKMM. Ini kerana perolehan di peringkat KKMM tapi pelaksanaan di peringkat RTM.

**Tuan Pengerusi:** Disengajakankan kah apa?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Ataupun kementerian, *because* yang hendak buat pembayaran ialah peringkat kementerian, betul tak? Jadi sebelum dia bayar memang dia tanya RTM. Ini macam mana, sudah ini, ada tanya ke tidak? *I mean just a simple as that. They have to ask, they cannot have communication breakdown.*

**Encik Mohd Faez Bin Mohd Fauzi:** Yes...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Sama ada RTM buat tiap-tiap bulan bila sudah habis pagi-pagi ataupun *they must to...*

**Tuan Pengerusi:** Macam KSU, dia bukan mengawal, akhirnya benda ini balik kepada dia. Takkan lah dia tidak pastikan RTM ini *comply* dengan apa yang dia hendak.

**Encik Mohd Faez Bin Mohd Fauzi:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Ini macam kes FINAS hari itulah. mesyuarat tidak buat, lepas itu bila berlaku dekat FINAS benda-benda macam itu, dia punya *financial statement* kena teguran, lepas itu dia kata alpa. Ini bukan alpa lagi. Timbalan Pengerusi minta cepat sikit, fasal dia hendak masuk Parlimen semula pukul 1.

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Okey, ini mengenai bon pelaksanaan tidak dikemukakan...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pemberitaan suara]*

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Seterusnya, mengenai bon pelaksanaan yang tidak dikemukakan yang tidak cukup tempoh jaminan berkuasa.

#### ■1220

Mengikut peraturan SPP Bil.5, Tahun 2007, perolehan melebihi RM200,000 perlu mengemukakan bon pelaksanaan yang berkuat kuasa sehingga 12 bulan selepas tamat tempoh kontrak dan didapati bon pelaksanaan bagi 75 kontrak perbekalan program TV tidak dikemukakan. Tempoh kuat kuasa bagi 53 bon pula bagi bon pelaksanaan tidak mencukupi tempoh waranti nya. Jadi ini menyebabkan tidak adanya tempoh selepas 12 bulan tempoh tamat kontrak, maka tidak ada waranti, jadi kepentingan kerajaan itu agak tidak dipelihara lah.

Seterusnya, inilah tindakan *corrective*, yang mana bon pelaksanaan bagi 74 program telah dikemukakan. Bakinya satu pembekal tu kita syorkan untuk ditamatkan kontrak, dan preventif daftar bon pelaksanaan telah disemak balik buat masa ini. Kementerian akan memastikan bon pelaksanaan dilepaskan setelah semua obligasi disempurnakan. Ini seperti mana saranan pihak *Treasury* kalau projek telah siap, boleh melepaskan bon lah dengan segera.

Seterusnya, perolehan program TV tidak didaftarkan sebagai harta modal mengikut peraturan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5, 2007. Perolehan aset melebihi nilai RM1,000 perlu didaftarkan sebagai harta modal.

Didapati sebanyak 366 program bernilai RM88.04 juta tidak didaftarkan sebagai harta modal. Walaupun nilai bagi perolehan sesuatu program itu melebihi RM1,000. Ini disebabkan tiada garis panduan terkini berkaitan dikeluarkan Kementerian Kewangan berkenaan aset tidak ketara iaitu *intangible asset* bagi aset *Beta Digital*. Maka di mana tiada garis panduan yang baru disediakan, maka ia dianggap sebagai suatu perbelanjaan *as spent off* sahajalah, ia bukan sebagai perbelanjaan modal, ia *just spent off...*

**Tuan Pengerusi:** Kementerian Kewangan tak ada ya?... Dah keluar tadi.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terutama sekali *accrual accounting* ini...

**Tuan Pengerusi:** Ia mesti dibuat, ini 366 program ini sampai terkini? Bukan dalam tahun yang diaudit lah? Maknanya sebelum itu pun, tak ada program yang didaftarkan dia punya IP lah.

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Sebagai belanja.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Tuan Pengerusi, selalu kalau tengok wayang, apa-apa filem, bila hujung sekali kan, *last* sekali ada Hak cipta RTM. Ceh itu dah daftarlah ye.

**Tuan Pengerusi:** Cuma program RTM ni tak ada orang ciplak, sebab tu tidak ada nilai IP dia... *[Ketawa]* Ops marah orang RTM... *[Ketawa]*

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** *Next, last* satu lagi

**Tuan Pengerusi:** Kalau filem P. Ramlee kena ciplak, bahan terbitan RTM tak.

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Tindakan corrective kementerian bahawa program TV dikategorikan sebagai Aset Tidak Ketara dan peraturan mengenainya masih belum diwujudkan. Satu makmal khas penyediaan garis panduan Pengurusan Aset Tidak Ketara akan dikendalikan oleh Treasury dan program TV buat masa kini akan dilakukan dalam satu sistem dipanggil *Broadcast Management System (BMS)*. So, untuk tahun *accrual* 2016 maka dia akan adakan satu peraturan mengenai Aset Tidak Ketara.

Next, yang terakhir sekali adalah tiada kontrak ditangani bagi penyiaran TVi. Penemuan Audit kita dapati tiada kontrak ditangani antara RTM dan ASTRO untuk membekalkan perkhidmatan satelit TVi bagi tempoh 16 Mac 2011 hingga Disember 2014, yang tak lama lagi ini, lagi sebulan. Ini adalah disebabkan minit mesyuarat kerjasama Astro antara KKMM pada 13 Jun adalah mencukupi sebagai satu minit mesyuarat atau ikatan perjanjian.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi memang mereka dah ada kerjasama dengan Astro sebelum ni pun kan?

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Ya, *if give and take* lah. Kita tidak ada kontrak pun.

**Tuan Pengerusi:** Mungkin pasal takde nilai kot?... *[Ketawa]*

**Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir:** Tapi sekarang ni diorang dah setuju untuk buat kontrak, term sheet dah ada. Yang tu, apa kan telah mengadakan corrective, minta pihak ASTRO mengemukakan term sheet, kepada kontrak.

Jadi ia akan *transform* kepada kontrak formal. Draf kontrak bagi tempoh bermula 1 Januari 2015 akan disediakan sebelum tempoh kontrak semasa tamat. *By the end of this year*, dia akan sediakan kontrak.

Jadi, inilah syor-syor kita, yang kementerian dan RTM telah mengambil tindakan di atas syor-syor Audit berikut, dan siasatan telah ditubuhkan, dengan menambah baik lagi terma bidang tugas jawatankuasa-jawatankuasa terlibat, proses TV, mulai proses *pitching* sehingga SST dikeluarkan.

**Tuan Pengerusi:** Cuma, itu lah, selalunya industri kreatif ini, kita kena bagi peluang kepada orang. Jadi bila kita pilih orang itu, nak tau kriteria, sama ada dia jadi pembekal yang berkelayakan atau berwibawa dan sebagainya, benda itu kena ada dia punya tolak ansur juga lah. Pasal *content* ini kalau orang umur 60 tahun buat program dengan orang umur 20 tahun buat program, lain dia punya program dia, tetapi orang umur 60 tahun ini, banyaklah dia punya resume program yang dia buat. Budak umur 20 tahun, tak ada resume. Dia tak ada dia punya latar belakang dia.

Akan tetapi *pitching* itu macam orang datang buat presentation pada kita, mana yang bagus, kita pilih dia la. *Audition*, macam *audition*. Jadi, kalau orang yang muda, yang baru, yang tak ada latar belakang dan sebagainya, dia datang *present*, program tu bagus, tetapi kalau terlalu ketat sangat syarat dalam *pitching*, tengok you punya *background* dan rekod, semua tidak ada lah. Itu satu isu yang sekarang ni diorang kata, benda tu patut di *transparentkan* lagi, tetapi *in a creative industry*, susah sikit nak *transparent* semua benda tu. Kadang-kadang nak pilih kawan-kawan. Itu pun boleh di...

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Cuma satu je Tuan Pengerusi, yang saya nak tambah berkaitan isu ini, JPA telah menujuhkan satu Jawatankuasa Siasatan, berkenaan kes ini. Saya tak tau apa keputusan akhir berkaitan dengan kes ini.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Kalau you move people to select, then you know it can be more flexible. It cannot be the same guy in the same Committee.

**Tuan Pengerusi:** Beginilah, bagi pandangan saya JPA, kita korporatkan RTM ini. Daripada zaman arwah bapa saya dulu nak korporat, dah 30 tahun tak korporat-korporat lagi... [Ketawa] Pasal apa, kita tak boleh *run* RTM macam *government department*, susah.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Saya nak tanya Tuan Pengerusi, kalau cetak *print media* cetak ni, dia ada *print ABC* atau *Audit Bureau of Circulation*. Media TV ni, ada tak yang *independent*, apa tu penilai bebas...?

**Tuan Pengerusi:** Rating agency sahajalah.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** ...Berbanding dengan TV-TV stesen lain yang swasta?

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Kita rasa, kita tak tengok dari segi skop orang guna, kita tak tengok dari segi tu, kita tak tengok.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi macam hari ini, saluran Parlimen kita, dia punya *rating* tinggi. So that's why orang tak ingat saluran Parlimen kita boleh popular tetapi saluran Parlimen kita, dia punya *ratingnya*, ramai orang tengok. Akan tetapi dia tak akan masuk dalam *rating commercial* yang biasa digunakan oleh firma-firma ini. Pasal apa, itu *free*, tak ada *add revenue*, dan tak ada siapa pun yang nak *sponsor* pun program tu. Jadi, dia banyak kategorinya. Sebab tu saya cakap kalau kita nak *manage* orang kat RTM pun, sebagai orang yang bukan berpengetahuan pun, kita kena hati-hati. Pasal ini masalah industri tapi kita ni kerajaan, lain.

Okey, ada apa-apa soalan lagi? Kalau tak ada, panggil sekali lagi Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi masuk.

*[Saksi-saksi dari Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

■1230

**Tuan Pengerusi:** Selamat pagi Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi – Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia; Dato' K. Bala Singam – Setiausaha Bahagian Kanan; Dato' Haji Abu Bakar Ab. Rahim – Ketua Pengarah Penyiaran; *welcome back*. Selalulah Dato' datang ke sini.... *[Ketawa]* Saya pun tidak tahu. Baru-baru ini isu di FINAS disebut lagi dalam Laporan Ketua Audit Negara tetapi kita sudah maklum daripada prosiding lepas bahawa perkara akan berlaku kerana masalah *asset verification* di Filem Negara yang terlibat dalam penggabungan dengan FINAS. Jadi kita tidak akan panggil lagi dalam isu itu. Kita sudah maklum tentang itu.

Masalahnya ada satu lagi isu di mana Dato' akan terpaksa datang semula ke PAC mengenai isu pembinaan Balai Berita yang disebut dalam Laporan Ketua Audit Negara yang baru dibentangkan semalam. Itu nanti kita akan *welcome* Dato' sekali lagi ke PAC... *[Ketawa]* Saya pun tidak tahu kenapa Dato' selalu datang ke sini sebab perkara ini- Dato' merupakan KSU yang baru dan perkara ini berlaku sebelum Dato' menjadi KSU kementerian tetapi lumrahlah, sebab Dato' sudah mengambil alih jawatan ini. Apa yang berlaku pada waktu yang lepas pun sebagai Pegawai Pengawal, Dato' akan mengambil tanggungjawab.

Isu pada hari ini Dato' ialah mengenai isu yang ditimbulkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2013, Siri 2 iaitu mengenai pembekalan program-program siaran terbitan tempatan dalam format *High Definition* dan *Standard Definition* untuk pengisian saluran TV1. Jadi ada banyak juga isu yang ditimbulkan dan seperti biasa Dato', Dato' sudah tahu cara kita, kan. Dato' perkenalkan dahulu pegawai Dato' dan selepas itu Dato' beri *briefing*.

Kalau ada apa-apa perkara yang hendak dirahsiakan kah atau apa, tidak mahu menggunakan *mic*- mana yang boleh cakap, buka *mic*, dan selepas itu kita akan bertanyakan soalan.

Baik, saya serahkan kepada Dato' untuk meneruskan. Terima kasih.

**12.37 tgh.**

**Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi [Ketua Setiausaha]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'alaa wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan Mohamed – Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, dan semua Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Saya juga mengalu-alukan di dalam bilik ini para pegawai dari Jabatan Audit Negara yang diketuai oleh Datuk Haji Anwari dan pegawai mereka serta daripada pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Seperti mana Yang Berhormat sebut tadi, Dato K. Bala Singam – Setiausaha Bahagian Kanan Pengurusan; Dato' Haji Abu Bakar Ab. Rahim – Ketua Pengarah Penyiaran. Saya juga ada bersama-sama dengan saya, Yang Arif Penasihat Undang-undang daripada KKMM; Dr. Haji Ahmad Jailani Timbalan – Ketua Pengarah Jabatan Penyiaran; Dr. Ong Gua Pak – Setiausaha Bahagian Kewangan KKMM; dan pegawai kanan daripada jabatan penyiaran dan juga daripada KKMM yang mungkin dapat membantu kami.

Jadi sedikit daripada saya Yang Berhormat. Berdasarkan kepada Laporan Ketua Audit Negara Siri 2, 2013 yang lalu- isu-isu yang dikemukakan terhadap Jabatan Penyiaran Malaysia ialah merangkumi pengurusan perolehan program TV, pentadbiran kontrak dan pengawasan aset yang berada di bawah bidang tugas dan tanggungjawab Jabatan Penyiaran Malaysia. Sehubungan dengan ini, Kementerian Komunikasi dan Multimedia memberikan perhatian yang serius terhadap semua teguran yang dibuat serta mengambil tindakan secara menyeluruh iaitu dalam bentuk pencegahan, penambahbaikan dan juga punitif. Segala aspek pengurusan perolehan program TV telah dikemaskinikan dengan mewujudkan jawatankuasa-jawatankuasa penambahbaikan tatacara dan garis panduan serta rundingan secara berkala dengan agensi-agensi pusat.

Untuk makluman juga, pengurusan perolehan program TV kekal sebagai salah satu teras dan tanggungjawab utama Jabatan Penyiaran Malaysia dalam usaha memastikan kandungan yang berterusan serta berkualiti demi untuk memenuhi cita rasa pelbagai lapisan masyarakat. Sebagai stesen penyiaran rasmi kerajaan yang bebas ke udara ataupun *free to air* yang menjangkau seluruh pelosok negara, Jabatan Penyiaran Malaysia merupakan agensi nasional yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan bekalan program yang berterusan bagi ketiga-tiga salurannya.

Justeru itu, tuntutan ini akan lebih mencabar apabila Jabatan Penyiaran Malaysia bakal melalui fasa transformasi termasuklah era TV digital dan juga pengkorporatan untuk meningkatkan produktiviti dan budaya kerja warganya. Selaras dengan ini, segala usaha transformasi tersebut dijangka mampu melonjakkan Kementerian Komunikasi dan Multimedia sebagai sebuah kementerian strategik dan peneraju dalam menyampaikan perkhidmatan telekomunikasi, multimedia, hab kandungan kreatif antarabangsa dan penyebaran maklumat secara *real time*.

Izinkan saya Yang Berhormat selepas ini untuk kami membentangkan senarai penemuan audit bersekali dengan segala penjelasan dan *insya-Allah*, kami ingin bimbingan daripada pihak Yang Berhormat di mana kita boleh melakukan lebih baik agar KKMM ini akan menjadi sebuah kementerian yang bertanggungjawab, telus dan juga komited dalam segala aspek pengurusan kewangan dan juga apa jua sahaja. Saya telah pun seperti Yang Berhormat katakan saya sudah pernah datang sini, we are now to say that we are well prepared but we are more committed, we are more responsible and we try as much as possible to ensure that we fulfill the concerns and also objective penemuan kita ini. Saya dengan izin Yang Berhormat, dan juga Ahli-ahli Jawatankuasa, saya jemput Yang Berbahagia Dato' Haji Abu Bakar bin Ab. Rahim untuk memulakan. Terima kasih.

#### 12.39 tgh.

**Dato' Haji Abu Bakar Ab. Rahim [Ketua Pengarah Penyiaran, Kementerian Komuniaksi dan Multimedia Malaysia]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'alaa wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan Mohamed – Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

Berkaitan dengan penjelasan ataupun penemuan audit pertama – mengambil kira bahawa sebarang kandungan yang diperoleh boleh disiarkan di semua saluran RTM atas dasar memaksimumkan pelaburan, jabatan telah menggunakan peruntukan untuk TV1 di bawah pembangunan untuk perolehan program TV1 dan TV2- Jabatan akur bahawa ia di luar skop projek, namun kandungan tersebut juga disiarkan di TV1.

Dari segi *corrective action*, pihak jabatan telah pun memohon kelulusan daripada EPU pada 10 Jun 2014, dan pihak EPU telah memberikan kelulusan secara bersyarat. Dari segi *preventive action* Tuan Pengerusi, RTM telah menyediakan SOP yang baru bagi perolehan program TV swasta dan syndicated, dan salinan SOP dilampirkan sebagai Lampiran B.

Di samping itu juga RTM dengan kerjasama KKMM telah menambah baik terma rujukan dan keahlian dalam tiga Jawatankuasa berkaitan dengan perolehan rancangan TV seperti Jawatankuasa

Panel Penilaian *Pitching* Program TV (Swasta), Jawatankuasa Teknikal Program TV (*Syndicated*) dan Jawatankuasa Penilaian Perolehan Program TV (Swasta & *Syndicated*).

■1240

Ketiga-tiga Jawatankuasa di atas ditambah baik untuk menghasilkan elemen *integrative* dalam proses penilaian dan perakuan berdasarkan keperluan saluran untuk pertimbangan Lembaga Perolehan 'A' yang dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal iaitu KSU sendiri.

**Tuan Pengerusi:** Hendak tanyalah surat daripada EPU yang minta kelulusan itu kan, dan EPU jawab perkara ini kalau boleh jangan digunakan sebagai *precedent* supaya tidak berulang lagi. Adakah wajar untuk PAC ambil tindakan kepada Pegawai Pengawal sebelum ini? Surat daripada EPU ini macam mengiakan benda yang berlakulah dan tidak ada tindakan yang diambil. Soalan saya adakah kesalahan ini besarlah dari segi pengurusan dan pentadbiran RTM yang boleh diambil tindakanlah.

**Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi:** Saya jemput Tuan Pengerusi, Dr. Ong menjawab, kerana dia jaga kewangan dan juga prosedur.

**Dr. Ong Gua Pak [Setiausaha Bahagian Kewangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia]:** Tuan Pengerusi dan Datuk-Datuk. Dalam soal ini kita akui lah bahawa berlaku ketidakpatuhan kepada peraturan di mana menggunakan bajet Pembangunan untuk membeli program-program TV1 dan TV2 di bawah Anggaran Belanja Mengurus. Walau bagaimanapun, seperti yang Dato' KP pernah cakap tadi, benda yang kita beli itu benda yang sama sahaja di mana boleh disiarkan di dalam saluran TV1 dan TV2, dan juga disiarkan dalam saluran TVi. Jadi saya rasa untuk mengenakan tindakan kepada Pegawai Pengawal yang dahulu, saya rasa adalah tidak wajarlah, sebab dia bertindak di atas Dasar untuk memastikan bahawa bekalan program TV itu mencukupi untuk disiarkan pada tahun berikutnya.

**Tuan Pengerusi:** Okey, jadi maknanya jawapannya tidak wajar diambil tindakanlah.

**Dr. Ong Gua Pak:** Ya, Tuan Pengerusi.

**Dato' K. Bala Singam [Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia]:** Tuan Pengerusi, izinkan saya memberi sedikit ulasan, terima kasih.

Tuan Pengerusi, bukanlah menjadi niat saya untuk menasihati ataupun mengajar pihak Jabatan Audit Negara untuk membuat pengauditan mereka. Pada pandangan saya, pegawai-pegawai Jabatan Audit Negara telah pun membuat pengauditan yang amat rapi dan amat teliti di mana kementerian mengucapkan ribuan terima kasih. Namun begitu, pada pandangan saya, apabila kita membuat pengauditan, sepatutnya saya mencadangkan mestilah pengauditan yang menyeluruh, bukan menumpukan aspek peruntukan semata-mata. Oleh sebab bagi saya Tuan Pengerusi, ada beberapa isu yang perlu diketengahkan dan diambil kira semasa membuat pengauditan.

Isu pertama Tuan Pengerusi ialah apakah implikasi penggunaan peruntukan TV1 kepada TV1 dan TV2. Perkara kedua, adakah penggunaan peruntukan ini telah meningkatkan rating di TV1 dan TV2. Ketiga, adakah peningkatan hasil jualan iklan di TV1 dan TV2 setelah menggunakan peruntukan tersebut. Keempat, adakah berlakunya isu kekerapan siaran ulangan di TV1 dan TV2. Oleh sebab untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli-Ahli, sebelum ini pihak Audit ada sering membangkitkan isu rancangan yang diulang siar beberapa kali sama ada di TV1, TV2 atau di TVi. Ini pengauditan yang sebelum ini.

Akan tetapi dengan mengambil kira penggunaan peruntukan tersebut, adakah elemen-elemen ini masih berlaku lagi di dalam siaran TV1 atau TV2. Jadi pada pandangan saya Tuan Pengerusi, yang ketiga, adakah pihak Jabatan Audit Negara sendiri mengambil kira semua aspek dalam pengurusan rancangan di TV1, TV2 dan TVi dalam pengauditan tersebut. So isu yang ingin saya bangkitkan Tuan Pengerusi ialah pengauditan ini mestilah meliputi skop yang meluas.

Lanjutan daripada itu beberapa penemuan oleh Jabatan Audit Negara saya boleh simpulkan dua isu berulang yang berlaku. Kementerian mengaku isu audit yang berulang. Pertama ialah berkaitan dengan perjanjian. Ini akan dihuraikan sendiri oleh Yang Arif PUU kementerian ini nanti. Kedua ialah berkaitan dengan LAD, itu pun isu berulang, beberapa kali dibangkitkan dan kementerian juga mempunyai penjelasan kenapa berlakunya isu tersebut.

Pada umumnya Tuan Pengerusi, pada pandangan saya, kami merayuhlah tiada tindakan diambil terhadap mana-mana pegawai yang terlibat sungguhpun pihak EPU telah pun memberi kelulusan ke atas penggunaan tersebut. Itu pun setelah kita memberi penjelasan yang panjang kepada pihak EPU, kenapa perkara ini berlaku dan aspek pengurusan pengauditan seperti mana enam elemen yang saya sebut tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tidak saya tanya ini fasal apa saya pun ada sedikit latar belakang, walaupun saya tidak terlibat. Fasal arwah bapa saya dulu Menteri Penerangan, RTM ini di hati saya.

Soal saya begini. Perkara ini berlaku dalam tempoh masa dua hingga tiga tahun kan? Maknanya kenapa Pegawai Pengawal pada ketika itu tidak propose prosedur baru, tidak propose cara kerja baru, SOP baru kan, supaya ada dia punya rangka yang dia boleh hendak ubahlah cara kerja ini untuk disesuaikan kepada SOP baru itu, dia buat dulu. Dia buat dulu dan dia buat berkali-kali, over dua tiga tahun kan. Selepas itu bila Audit masuk baru Audit timbulkan, selepas itu baru hendak dapat *after the fact* punya *authorization*.

Saya bukan cakap fasal pelanggaran prosedur ini dikenal pasti oleh Audit, fasal SOP itu tidak diubah pada ketika itu. Kalau SOP itu diubah, Audit masuk, Audit compare apa tindakan yang dibuat berlatar belakangkan dia punya SOP yang telah diubah, benda ini tidak jadi masalah. Soal saya sekarang ini *attitude* Pegawai Pengawal pada ketika itu, sikap dia, dia langgar sahaja peraturan dengan *comfort* dia bahawa perkara ini akan diback dated approve balik.

Ini soal dia, bukan saya cakap fasal soal pelanggaran peraturan sangat. Oleh sebab itu saya kata tadi tindakan wajarkah atau tidak wajar? Sebenarnya daripada *attitude* Pegawai Pengawal.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Pengerusi, apa yang saya dengar daripada Dato' Setiausaha Bahagian Kanan tadi ialah membayangkan rating RTM meningkat, hasil iklan RTM meningkat. Adakah begitu gambaran sebenarnya?

**Dato' K. Bala Singam:** Yang Berhormat, terima kasih. Oleh sebab itu saya berpandangan apabila pihak Jabatan Audit Negara membuat pengauditan dalam perkara tersebut, aspek-aspek ini perlu dilihatlah dalam pengauditan itu. Itu yang saya mencadangkan.

**Tuan Pengerusi:** Soal yang saya timbulkan itu kalau Pegawai Pengawal ini dia tukar SOP itu, baru dia buat tindakan tersebut, tidak ada masalah. Akan tetapi *attitude* (sikap) itu. Banyak kementerian yang kita panggil pun sama sahaja sikapnya. Apabila Audit masuk barulah dapat tahu tidak ada SOP hendak- baru-baru ini FELCRA punya isu sama. Isu DBKL pun baru kita dapat tahu dia tidak ada SOP itu, SOP inilah, kita akan membuat penambahbaikan dan sebagainya.

#### ■1250

Akan tetapi soalnya sikap Pegawai Pengawal itu- macam mana cara PAC hendak pastikan bahawa setiap Pegawai Pengawal buat kerja dengan tanggungjawab. Maknanya jangan jadi koboi hendak tembak sana tembak sini, lepas itu nanti karang fasal dia tahu tidak ada orang tembak dia. Akan tetapi sekarang ada PAC kena tembak. Ya. Itu sahaja maksud saya. Silakan.

**Dato' K. Bala Singam:** Habis sudah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Tidak payah jawab lagi. Lepas ini kita dengar. Kalau ada Dato' hendak cakap lagi Dato' cakap lepas ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Abu Bakar Ab. Rahim:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi penemuan kedua penjelasan penemuan bahawa perolehan program TVi telah melebihi peruntukan bagi tempoh tahun 2011 hingga Jun 2013 adalah di mana perolehan program TV tersebut adalah untuk kegunaan tahun berikutnya, selaras dengan takrifan oleh Kementerian Kewangan sebagai perolehan semasa.

Seterusnya dari segi *corrective*- dan tindakan *corrective* dan *preventive*, pihak kementerian telah mengadakan mesyuarat dengan Kementerian Kewangan pada 3 Julai 2014 untuk meningkatkan kefahaman kaedah perolehan bekalan filem di samping mengatasi isu perbelanjaan melebihi peruntukan iaitu *forward commitment*. Susulan daripada mesyuarat tersebut Kementerian Kewangan telah mentakrifkan perolehan rancangan TV sebagai perolehan semasa dan tempahan awal program TV boleh dibuat pada tahun semasa untuk tayangan tahun berikutnya. Selain daripada itu, salinan dokumen di Lampiran C Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Sama macam isu ini juga. Tempahan itu, tempahan masa depan dibuat tanpa tengok isu kewangan cukup atau tidak cukup, bajet hendak bayar tanpa melihat kepada keperluan perancangan. Perolehan ini banyak dibuat pada tahun 2012 dan tahun 2013.

Maknanya tahun-tahun yang terakhir, sebelum Pegawai Pengawal lepas pencen. Ini juga menyebabkan perolehan untuk tahun 2014 dan tahun 2015 pun terjejas fasal komitmen yang telah dibuat untuk hendak beli program ini pada tahun 2012 dan tahun 2013.

Terus terang saya cakap, macam sudah tahu hendak berhenti, *order* banyak-banyak. Lepas itu berhenti. Akan tetapi kesannya pada Pegawai Pengawal akan datang, macam Dato' Sri Abdul Rahim sudah terikat. Tahun 2014 tidak boleh beli program, tahun 2015 pun terjejas juga fasal ada lagi saki-baki *order* yang perlu dibayar. Jadi terpaksa *cut down on the program*. Saya takut juga RTM kalau hendak bagi *corporatization* macam ini, kalau dengan sikap macam ini lagi, saya takut *corporatization* ini pun akan tidak berjaya juga. Oleh sebab sikap pegawai-pegawai yang ada yang dalam mengendalikan dan menguruskan RTM ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Tuan Pengerusi, Dato' Sri Abdul Rahim tadi Tuan Pengerusi PAC ada mengatakan fasal- ya lah itu satu *one way of looking at it*. Hendak berhenti beli awal-awal. Akan tetapi kita ingin hendak tahu, perolehan bekalan filem ini boleh atau tidak terangkan kepada kita bagaimana sebenar-benarnya untuk memastikan *there is a floor* dalam RTM, program TV 24 jam? Apa sebenar-benarnya cara perolehan filem ini? Kenapa ia mesti, sekiranya ini, fikir baiklah macam mana, mengapa ia mesti ditempah awal, *all these things*. Kita hendak tahu. Boleh tidak? *Because maybe we want to know*, kenapa you all kena, terpaksa buat komitmen awal tentang perolehan filem ini.

**Dr. Ong Gua Pak:** Tuan Pengerusi, perolehan tempahan filem memang perlu dibuat awal kerana kita akan buat *matching* antara keperluan setiap *channel* berkenaan. Jadi kebanyakan program TV kita adalah *local program production* iaitu, dengan izin, dikeluarkan oleh penerbit tempatan dan ia mengambil masa yang panjang iaitu antara enam bulan sehingga hampir 24 bulan kalau bersiri.

Jadi ini adalah di bawah Kontrak Bermasa. Jadi di bawah Kontrak Bermasa itu adalah amalan biasa seperti kontrak potong rumput ataupun kontrak kawalan keselamatan di mana walaupun bajet Anggaran Belanja Mengurus diluluskan untuk tahun semasa, biasanya dibuat kontrak untuk tempoh tiga tahun ataupun empat tahun. Jadi itu bukan jadi satu kesalahan.

Jadi dalam soal program TV juga, ia adalah di bawah, dipanggil Kontrak Bermasa. Ia bukan kontrak kuantiti yang di mana ia dihantar sekali gus, di mana di dalam tempoh yang pendek. Kontrak Bermasa ia mengambil masa yang panjang. Jadi, amalan tersebut tidak melanggar apa-apa peraturan yang dikeluarkan oleh pihak dalam peraturan Surat Pekeliling Perbendaharaan.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Itu untuk program bersirilah?

**Dr. Ong Gua Pak:** Walaupun bukan bersiri pun sebab ia mengambil masa *at least* enam bulan. Kalau salah satu telemovie itu *at least* enam bulan.

Jadi kalau kita tempah pada tahun ini, *let say* sekarang, dia mungkin menjangkau pada bulan Jun tahun hadapan baru boleh diterima produk tersebut dan dibayar. Dia tidak *finished product*. Itu yang isu dia. Jadi tempahan awal itu bukan jadi satu di luar peraturan. Itu adalah...

**Tuan Pengerusi:** Saya terima. Soal- saya belum sentuh lagi soal kualiti program, soal pilih kawan-kawan, soal tidak pilih *new talent* dan sebagainya. Ini soal *content*. Beli program TV ini bukan macam kontrak potong rumput dengan kontrak *provide security* ya. Ini kerana kalau produk *you* hancur, produk *you* tidak bagus, *you* tayang program itu pun *you* tidak akan dapat rating yang bagus, tidak akan dapat iklan yang bagus ya. Bagus tidak- bagi penjelasan yang ini bagi, saya bagi pandangan saya. Itulah.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Cuma kalau saya boleh tanya, kita *basically*, kita tahu *the hours* yang kita akan ada rencana, *movie*. Kita sudah ada perancangan itu. *Then I am sure* daripada perancangan itu, *we would have work backward* dengan unjurannya berapa keperluan wang kita. *Then* daripada keperluan wang kita itu, kita tahu berapa yang kita ada.

Kalau itu unjurannya, macam mana kita boleh *commit* kepada *something* yang *beyond* daripada duit yang kita ada itu? Oleh sebab benda itu bukan benda baru. Dia 24 jam satu hari *and nothing change, will always never change*. Cuma sama ada bentuk program sahaja. Jadi itu saya kata patutnya benda itu *is a very straight forward*. Dia tidak ada perubahan langsung daripada segi *hours*, keperluan itu. Akan tetapi persoalannya macam mana kita boleh *order* lebih sehingga hari ini tidak boleh hendak *commit* untuk benda-benda baru ini kerana kita sudah *commit* awal dulu itu.

**Dato' K. Bala Singam:** Yang Berhormat seperti mana yang disebut oleh Dr. Ong tadi, pengisian dalam rancangan di RTM dia ada pelbagai kaedah. Satu ialah mengikut yang bersiri seperti mana yang disebutkan tadi. Kedua, dia ada kaitan dengan *finished product*. Misalnya macam contoh *finished product we can filled up, we can fill in the blank*. Kata kita beli daripada terbitan luar negara atau filem dokumentari, itu *we can fill up and bayaran* itu dibuat selepas tayangan. *Now, the issue is so called forward commitment* yang perlu dibuat.

Pada pandangan saya, ini bukan sahaja melibatkan RTM, mana-mana stesen juga begitu. Apabila ada keperluan untuk rancangan bersiri, kita kena buat komitmen terlebih dahulu kepada mereka sebab untuk menyiapkan beberapa siri rancangan tersebut, mungkin mengambil masa daripada enam bulan hingga 12 bulan. Ini kita takrif sebagai Kontrak Bermasa. So, makna dia kita akan buat *so called forward commitment* terlebih dahulu dengan...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Akan tetapi kalau katalah, takkan kita hendak *commit* 24 siri terus. Mungkin kita tahu, dengan jangka duit yang kita ada, kita akan *commit*, katalah sembilan *series*. *Then series* ini mungkin yang pertama mungkin perlu empat bulan untuk buat. Dia tidak akan buat semua sembilan *series one go*.

Jadi kita tahu, katalah bila Jun kita *commit*, tayangan yang pertama *insya-Allah* Januari tahun depan. So, untuk tahun depan itu kita sudah okey. Cuma permasalahan kita hari ini ialah, macam mana kita boleh *miss* anggaran itu hingga kita tidak cukup duit untuk belanja ke depan itu.

■1300

**Dato' Haji Abu Bakar bin Ab. Rahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya perancangan jabatan adalah untuk- kalau boleh untuk *quarter*, suku tahun pertama. Maknanya kita kena buat tempahan tahun ini. Berlebihan kandungan untuk tahun depan boleh juga untuk di- untuk tahun ini Yang Berhormat, kita berlakunya aktiviti atau *events* yang di luar jangka. Umpamanya MH370 dan MH17 mengambil suatu masa yang amat panjang, dan juga dengan *FIFA World Cup*. Itu yang saya kira tahun ini mungkin unik sikit. Di mana kita ada berlebihan dari segi kandungan yang akan dibawa ke tahun depan. Akan tetapi dari segi perancangan kewangan, memang nampak seolah-olah kita sudah terlebih tempahan. Akan tetapi sebenarnya, ada faktor-faktor seperti yang saya sebutkan tadi yang menyebabkan perancangan ataupun stok yang kita ada berlebihan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengurus, adakah amalan luar jangka ini dilakukan seperti di BBC? Adakah mereka berbuat demikian?

**Dr. Haji Ahmad Jailani Muhamed Yunus [Timbalan Ketua Pengarah Penyiaran (Strategik) Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia]:** Yang Berhormat, izinkan saya memberi sedikit penjelasan berhubung dengan *so called - maaf ya forward commitment*. Ini kerana dengan adanya pertambahan TVi juga, ada juga faktor yang mempengaruhi. Ini kerana apabila TVi telah menjadi jendela Sabah dan Sarawak, selain daripada program orang muda dan sebagainya. Sebelum ini ia adalah muzik aktif. Muzik aktif hanya menayangkan video sahaja tetapi apabila sudah TVi menjadi sebahagian daripada jendela negeri Sabah dan Sarawak dan juga golongan muda, ini juga melibatkan pembabitan jumlah bahan-bahan siaran yang meningkat.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Tidak, saya rasa kita *confused*. Kita tidak mempertikaikan *forward commitment*. Akan tetapi pertikaian kita ini bagaimana kita boleh ada *forward commitment* sehingga kita mengambil bajet Pengurusan, itu sahaja. *Forward commitment* kita faham, TV ia kena ke depan. Macam mana *you- I mean how can kita miss the budget* ini? Benda ini kita buat selalu. Pertikaian ini lebih kepada *see through the SOP* tidak ada, cara pengurusan kita macam Tuan Pengurus kata, *maybe one man show in making decision*. Ini perkara-perkara yang kita hendak cuba hindarkan di masa depan. Tugas kami ini bukan hendak betulkan. Tugas kami ini menceritakan kemungkinan-kemungkinan yang perlu kita lihat di masa depan. Supaya kesalahan yang lama itu kita tidak ulang lagi.

**Dato' Haji Abu Bakar bin Ab. Rahim:** Yang Berhormat, kita ambil maklum apa pandangan Yang Berhormat. Dalam masa yang sama kita sudah perbaiki SOP untuk memastikan, tetapi seperti Tuan Pengerusi sebut sebagai *after thought*lah sebabnya tetapi kita ambil maklum. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Oleh sebab itu saya katakan tadi, saya risau Dato' KSU kata hendak pergi *corporatization* dan sebagainya. Akan tetapi *you still behave like a government department, and trust me I have been experiencing RTM for 30 years*. So, banyak pegawai datang dan pergi. Dato' dekat depan pun saya tidak kenal Dato', pasalnya saya tidak biasa dengan orang RTM sudah lama. Akan tetapi dulu *the junior staff* naik pun saya kenal, ya. Jadi ketua pengarah dan sebagainya. Akan tetapi isu ini saya dengar berulang-ulang balik kan.

Saya tidak yakin kalau RTM hendak dikorporatkan dengan *mindset* yang ada sekarang ini, jadi tidak boleh diteruskan lagi. Fasal kita kalau bawah *corporatization* pun, kerajaan tetap akan bagi peruntukan juga. Kalau untuk beberapa perkara kan. Fasal RTM akan terus memainkan peranan *social responsibility*nya, iaitu program-program kerajaan. Selepas itu hendak bangunkan *local talent* yang baru. Kadang-kadang kita tidak boleh lalu proses *pitching* dan penapisan yang betul-betul kualiti dan juga kebolehan *local talent* yang hendak jadi produser filem dan sebagainya. Itu kita faham. Cuma kita hendak pastikan bahawa selepas ini ada tindakan yang *business minded* yang dibuatlah.

Yang lepas ini pun PAC pandang berat pasal apa, Pegawai Pengawal KSU kena monitor perkara ini. Walaupun RTM sudah dikorporatkan masih lagi KSU juga yang akan bertanggungjawab. Tadi isu yang ditimbulkan oleh Jabatan Audit adalah *lack of communication between KSU dengan Ketua Pengarah RTM pada ketika itu. I mean yang handle bayaran semua peringkat kementerian, yang buat tempahan semua peringkat RTM. Sampai masa hendak bayar, the bills is sent to kementerian, not to RTM. Then, RTM sudah buat forward commitment without checking on the availability of funds going ahead in the future*. Jadi awal-awal saya kata apa dia, adakah wajar ambil tindakan? *Your view is no, our view is going toward yes*. Itulah yang saya hendak maklumkan di sini. Okey Dato', teruskan Dato'.

**Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi:** Yang Berhormat, *just to- try to addressed our concern on corporatization*, sebenarnya kita memang risau dari segi *whether the culture that is already within the organization* boleh menyambut budaya *corporatization*. Saya dan jawatankuasa telah pun berbincang dengan konsultan bahawasanya *we would insist that in the event* selagi tidak boleh untuk *corporatize*, kita ambil *certain aspect* sahaja. *The others* itu *we will continue to the other some program* untuk menyediakan mereka dari segi budaya korporatlah. Kita pergi *visit* – bawa dia orang pergi *visit* sana sini dan sebagainya. Akan tetapi *we will insist that* sekiranya kita *corporatization*, kita buat yang mana yang boleh menunjukkan satu jaminan kejayaan. *Otherwise the pelaburan itu will- it's not the time yet*. Akan tetapi *we are trying to go for the transformation. This is one way*, Yang Berhormat. *Insya-Allah* Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Satu lagi kalau saya boleh tambah Dato', biarlah RTM pun jadi *best*, biarlah *best*. Jangan nampak macam gred 3, gred 4 ini. *It is matter of presentation*. Kalau TV3, ASTRO boleh hebat, kenapa RTM tidak boleh hebat? Tidak semestinya apabila ia di bawah kerajaan, ia tidak boleh jadi hebat.

Jadi ini yang kita hendak minta, sebab ini menggambarkan kerajaan. Apabila orang cerita serah kepada kerajaan, macam ini sahajalah. So, saya rasa tidak ada sebab walaupun memang RTM kena bawa banyak cerita kerajaan. Cerita dia tidaklah sexy sangat, kalau kita bandingkan dengan ASTRO. Akan tetapi, *if we present it well, I am sure* dia akan dapat *attract* ramai juga. Contohnya macam mana kita menangani krisis? TV3 ataupun CNN contoh, dia boleh ambil satu hari *just* untuk *one or two crisis* sahaja. *That will attract everybody just to tengok benda-benda itu*. Itu kata, *it just matter of presentation, matter of taking advantage* dalam keadaan itu. Harapan kami itulah, sebab kami pun pegawai kerajaan juga. Harapan kami, kita sudah- kita hendak RTM itu jadi hebat dan boleh jadi hebat.

**Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi:** Yang Berhormat dari segi ratinglah, *because rating* itu *we give a measure* of kita punya penerimaan oleh penonton. Contohnya MH370 diikuti dengan MH17, kita telah pun berusaha untuk mempamerkan berita-berita *real time*. *If you see that we have over round the clock* baru-baru ini, dan *rating* yang kita dapat berbanding dengan TV3 dan ASTRO, kita telah dapat yang tertinggi *in certain segments*lah. So, kita pun merasakan bahawa *this is the time* RTM menunjukkan bahawa kita pun mampu untuk mengadakan *real time and quality* punya *round up of events*. *And we are always there* di tapak untuk kita beri yang terbaik. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *MH370 even Cameron Highlands crisis* baru ini, rakyat pun hendak tengok benda itu. Kalau itu pun ia jadi banyak *crisis, everyday ada crisis*. So, mungkin itu cara hendak *attract* supaya RTM ini jadi *information* punya *channel*. *Insya-Allah to us the more people watch RTM, the better government* punya *information* ini sampai di bawah.

**Tuan Pengerusi:** Ya lah, rating pun kena *translate into dollars and cents* jugalah. Jadi itu pun perlu di tengok juga. Sebagai contohlah, sesi Parlimen kita pun rating tinggi. Akan tetapi kalau hendak jual sesi Parlimen kita sebagai *advertising* punya program pun tidak ada siapa hendak *advertise* pun. Tidak lakulah, tetapi rating tinggi, ramai orang tengok. So, kita faham *the balance* yang kementerian ada sekarang ini untuk hendak *run RTM in a way that is socially responsible, follow the government* punya *expansion but at the same time, still make money*, kan *but not too big money* lah. Itu kita fahamlah. Terima kasih.

■1310

**Dato' Haji Abu Bakar Ab. Rahim:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi penemuan yang ketiga Tuan Pengerusi, kontrak yang sedia ada antara syarikat-syarikat yang menawarkan 413 program adalah dalam bentuk Surat Setuju Terima. Namun, kontrak formal telah dikeluarkan untuk syarikat yang berbekalkan laporan sebenar program kerana ia masih berkuat kuasa. Untuk syarikat yang membekalkan program selebihnya tiada kontrak formal perlu dikeluarkan kerana syarikat telah melaksanakan perolehan dengan sempurna.

**Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi:** Kami bagi penjelasan sedikit tentang SST berhubungan dengan kontrak. Sila PUU.

**Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali [Penasihat Undang-undang]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC. Memang benarlah sebagai mana yang dimaklumkan di dalam laporan tersebut bahawa sebelum teguran Audit, pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah menggunakan SST. Sebagai basis ikatan kontrak antara pihak kerajaan dan juga pihak pembekal. Namun demikian, kami juga akur dengan teguran Audit bahawa telah berlaku ketidakaturan Arahan Perbendaharaan 176.1 yang mana telah menyebut dengan jelas bahawa apa sahaja kontrak kerajaan yang melebihi RM50,000 hendaklah satu kontrak formal dimasuki.

Cuma sedikit penjelasan yang saya boleh bagi di sini ialah pertamanya benda ini berlaku pada zaman, saya pun baru, baru joined 1 Jun yang lepas...

**Tuan Pengerusi:** Itu sebab dalam hal kita, PAC ini berdepan dengan orang yang bukan bertanggungjawab. Bukan kata awak tidak bertanggungjawab, orang yang tidak bertanggungjawab atas perkara yang dibawa kepada kita, dan untuk hendak mengelakkan perkara ini berlaku masa depan, kita kena...

**Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** ...Kita kena ambil tindakan pada orang yang berkenaan pada ketika itu.

**Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali:** Betul. Jadi alasan yang telah diberikan dengan apa yang dimaklumkan kepada saya, SST yang digunakan bukan SST yang biasa, yang standard digunakan oleh kementerian-kementerian lain. SST yang telah digunakan oleh pihak kementerian sebelum teguran Audit merupakan SST yang telah dipinda ataupun yang telah diubahsuai dengan modifikasi yang mana telah memasukkan beberapa klausa yang menjamin kepentingan kerajaan. / mean in fact legally speaking Tuan Pengerusi, dari segi perundangan pun, memang SST actually is a contract. When there is an offer and acceptance, there's a contract. Cuma kita faham Arahan Perbendaharaan diwujudkan demikian rupa untuk kita mewujudkan satu kontrak formal akan lebih komprehensif.

Jadi dalam hal ini juga, suka saya memperjelaskan di sini juga, *alhamdulillah* walaupun SST digunakan dalam bentuk sedemikian rupa, kontrak yang dimasuki oleh pihak RTM semuanya tidak mendatangkan kerugian di mana hanya setelah pembekalan dibuat, baru pembayaran dibuat. Mungkin di sini RTM berasib baik sebab tidak ada berlaku pembayaran yang perlu dibuat lebih awal. Cuma macam dimaklumkan oleh Datuk Seri KSU dan juga jawapan sebentar tadi, kita telah membuat *corrective action* sebaik sahaja pada bulan Jun, kita telah membuat beberapa siri perbincangan untuk mewujudkan satu *template contract* yang mana saya rasa *it is very high time*. Setelah sekian lama pihak RTM belum pernah ada lagi *template* dan kita mewujudkan satu *template* yang telah pun diguna pakai *for the past three months*. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Kontrak ini ada isu *about the quality of content* atau tidak? Sekarang ini *all the terms are financial terms* dan sebagainya. Isu *quality of the content, quality of program* itu sendiri. Tidak mengapa, *you* beli program, kan. Kalau program itu *you* tidak *specify* apa dia punya KPI program itu, *what is suppose to achieve* dan sebagainya. *You cannot ensure the quality of program that is diverted to you, you faham atau tidak?* *This contract* yang Audit hendak ini *it's all financial terms* supaya *issues about delay* dan sebagainya dapat ditangkap dalam kontrak ini. Akan tetapi saya sebut ini fasal isu *quality content* itu sendiri yang *you* kontrakkan ini.

**Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali:** Ada, ada, *in fact* kontrak kita sudah wujudkan ini, *template* ini agak komprehensif kerana kita memasukkan semua SOP-SOP yang sepatutnya di dalam kontrak. Makna kata sebelum katalah *Gerak Khas*, dia hendak buat *Gerak Khas* ada siri. Dia kena hantar *demo tape*. *Demo tape* itu akan melalui satu jawatankuasa *pitching* dan sebagainya. *All* kita *reflect* dalam kontrak... *[Disampuk]* Yes.

**Tuan Pengerusi:** *Cannot deliver you a program that they haven't promise* kan. *That mean start this is the program that we want to do, this is the details and then the final product must be following that.*

**Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali:** Betul, semua itu ambil kira dalam kontrak baru.

**Tuan Pengerusi:** Dulu sebelum ini pernah berlaku seperti itu atau tidak?

**Tuan Yang Zaimey Yang Ghazali:** Dulu tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Tidak, maknanya apa dijanjikan itu agak keluar lain dengan apa yang *final content*.

**Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali:** Itu saya tidak pernah...

**Dr. Ong Gua Pak:** Akan tetapi begini yang dulu walaupun tidak dimention macam itu Tuan Pengerusi, semua produk yang dibekalkan kepada RTM telah disemak dan telah dicheck oleh satu Jawatankuasa Teknikal. Sekiranya mereka berpuas hati sahaja, produk tersebut diterima, dan barulah bayaran dibuat.

**Tuan Pengerusi:** Itu sebab dulu berlaku kelewatan dan sebagainya yang Audit timbulkan because you don't accept the program. So the program you ask them to redo again dan sebagainya, that causes the- your acceptance after the contract period. Itulah kelemahan dulu SST yang perlu diabadikan dalam sistem kontrak sekarang ini supaya mengelakkan daripada LAD, extension on time, it is given. Fasal apa, Audit buat sample is only quite big la actually, 10% of their total number of programs. That something size is quite representative. Maknanya kita boleh anggap bahawa the total programs yang RTM buat itu kelelahannya memang ketaralah. Ini bukan small sample tau. Ini quite big sample. So, saya harap supaya perkara-perkara ini dicapture dalam kontrak yang ada sekarang inilah. Terima kasih.

**Dato' Haji Abu Bakar bin Ab. Rahim:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi penemuan keempat RTM menghadapi masalah untuk mengguna pakai formula LAD, SPP Bil.5, Tahun 2007 kerana ia lebih sesuai untuk Kontrak Pembangunan dan Kontrak Bekalan Biasa. Perolehan program TV ialah unit yang berbeza daripada perolehan biasa dan keadaan ini menyukarkan pelaksanaan tindakan LAD ke atas syarikat-syarikat berkenaan. Dalam keadaan ini ada yang tidak mengalami kerugian kerana bekalan program telah dihantar dengan sempurna.

Bagi maksud *corrective action* Tuan Pengerusi, bagi LAD berjumlah RM182,142 sebanyak 37 buah syarikat telah dikenal pasti terlibat. Buat masa ini, kementerian telah mengemukakan notis kepada syarikat tersebut agar menyelesaikan LAD yang dikenakan. Sorry, bermula bagi maksud *corrective action*, bermula pada bulan Mei 2014, Jabatan Penyiaran telah mula mengenakan LAD terhadap 46 buah syarikat yang lewat mengemukakan program TV. Pengenaan LAD dibuat berdasarkan formula sedia ada dan kutipan LAD sehingga Oktober 2014 berjumlah RM279,151.37 dan salinan notis LAD dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pelanjutan Tempoh Kontrak adalah seperti di Lampiran 'G'.

Bagi maksud *preventive action*, kementerian dan jabatan penyiaran telah menujuhkan Jawatankuasa Pelanjutan Tempoh Kontrak Pembekalan Program TV bagi mentadbir secara efektif perolehan program TV. Terma rujukan adalah seperti di Lampiran 'H'.

**Tuan Pengerusi:** Total complete potential LAD yang telah dikutiplah ya? Maknanya yang dikenal pasti sebagai LAD, inilah jumlah yang dikutip? Program lain ada lagi yang tertinggalkah? Tidak ada ya. Jadi maknanya Jawatankuasa Perlanjutan Tempoh Kontrak Pembekalan Program TV ini memang 100% bertanggungjawab mengenai isu penentuan sesuatu program itu dikenakan LAD atau tidak?

**Dr. Haji Ahmad Jailani bin Muhammed Yunus:** Tuan Pengerusi mengenai perakuan untuk perlanjutan dan juga LAD dan diperakuan biasanya KSU yang akan memberi keputusan kelulusan. Akan tetapi ada jawatankuassalah yang kita saring di situ.

**Tuan Pengerusi:** KSU ikut recommendation daripada jawatankuasa inilah ya?

**Dr. Haji Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus:** Daripada jawatankuasa.

**Tuan Pengerusi:** Walaupun KSU pun ada kuasa hendak menentukan. Akan tetapi daripada segi proses dan prosedur ada dia punya peringkat jawatankuasanya. Okey, terima kasih.

■1320

Sebelum ini tidak ya? Itulah saya sebut tadi Encik Ong, awak cepat sangat kata tidak wajar diambil tindakan sebab dahulu semua KSU decide sendiri. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Abu Bakar bin Ab. Rahim:** Bagi penemuan yang kelima, kementerian telah mendapatkan bon pelaksanaan untuk 74 program tersebut manakala satu program yang belum mengemukakannya telah ditamatkan bekalan kerana tempoh kontraknya telah tamat. Bagi maksud *corrective action*, mulai Mei 2014, arahan penguatkuasaan telah dikeluarkan kepada pentadbir kontrak untuk memastikan bon pelaksanaan diterima daripada pembekal dan untuk *preventive action*, rekod bon pelaksanaan telah ditambah baik dengan penyediaan daftar bon pelaksanaan yang dikemaskinikan. Salinan daftar bon adalah seperti di Lampiran I.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Tuan Pengerusi, kalau kontrak biasa, biasalah macam produk *work done* semua ini. Jadi yang *you* buat untuk profileman ini dan jenis kontrak ini, *are you referring to any* seperti Timbalan Pengerusi tanya tadi *contract, how do others do their contract* dalam profileman kontrak macam inilah, *documentation*. Ia tidak semestinya sama dengan orang kontrak. Ada tidak? Walaupun kita punya dalam normal itu *is our normal contract* biasalah.

**Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali:** Terima kasih Yang Berhormat. Betullah memang kita tidak dapat menafikan bahawa perolehan RTM ini memang unik. *Unique in the sense that*, perolehan RTM ini tidak dibuat oleh kementerian-kementerian lain sebab kita melibatkan industri kreatif *content*. Jadi apabila menyebut sama ada terdapat perbezaan atau tidak dengan kontrak-kontrak biasa, *basically*nya perbezaan itu tidak banyak. Cuma apa yang penting seperti yang saya kata tadi, SOP itulah. Kalau kontrak-kontrak Pembangunan sebagai contoh mungkin ia tidak melalui Jawatankuasa *Pitching*, Jawatankuasa Teknikal untuk tengok daripada motif semua, kita tidak akan ada dalam kontrak. Akan tetapi sebaliknya untuk RTM, kita ada. Akan tetapi klausula-klausula yang lain sebagai *termination of natural interest*, LAD itu adalah standard.

Cuma ada beberapa keunikan yang tidak ada dalam kontrak yang lain, kita kena *tailor made*. Saya suka menyebut di sini kontrak RTM memang kena *tailor made* sebab ia industri kreatif *something different*. Contohnya macam saya katakan tadilah, orang jual filem. Risiko dia sudah bayar pelakon, jadi sudah hantar *demo tape*, jadi kita di situ ada beberapa *stages* yang perlu diikuti dan ini pun telah diamalkan berpuluh-puluh tahun di RTM. Cuma kita sekarang ada lebih teratur dengan SOP yang lebih lengkap, SOP yang lebih komprehensif dan kita sudah mengambil kira kesemuanya dalam kontrak. Terima kasih.

**Dato' Haji Abu Bakar bin Ab. Rahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Bagi 5(b), bon pelaksanaan 53 program tidak meliputi 12 bulan selepas kontrak. Maklum balas ialah kementerian telah menggunakan kaedah memutuskan untuk pelepasan awal bon pelaksanaan setelah syarikat selesai melaksanakan obligasinya. Sehubungan dengan ini, Kementerian Kewangan telah memberikan persetujuan terdapat tindakan pelepasan awal bon pelaksanaan kurang daripada tempoh 12 bulan yang ditetapkan. Akan tetapi dari segi kontraknya Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sememangnya amalan kita untuk bon pelaksanaan masih kekal 12 bulan cumanya kita ada membuat pelepasan awal itu pun dengan persetujuan Kementerian Kewangan.

Penemuan keenam perolehan 366 program bernilai RM88.04 juta tidak didaftarkan sebagai harta modal. Maklum balas ialah kaedah perolehan di bawah PK29000 atau PK24000 tidak memerlukan perolehan tersebut didaftarkan sebagai harta modal. Dari segi *corrective action*, Kementerian Kewangan menerusi surat bertarikh 28 Mei memaklumkan seperti bahawa Beta Digital yang telah dicaj di bawah kod objek 29000 adalah tidak tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil.5, Tahun 2007, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan. Beta Digital adalah di bawah kategori Aset Tak Ketara yang mana peraturan mengenainya belum lagi diwujudkan. Bagi tujuan perakaunan akruan, tindakan untuk merekodkan Aset Tak Ketara secara pentadbiran boleh dilaksanakan oleh kementerian.

Kementerian telah mendapatkan penjelasan Kementerian Kewangan menerusi surat bertarikh 28 Mei 2012 mengenai Beta Digital di bawah kategori Aset Tidak Ketara dan perkara ini tidak tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil.5, Tahun 2007. Bagi maksud *preventive action*, Mesyuarat Penyediaan Garis Panduan Pengurusan Aset Tak Ketara pada 29 September 2014 telah mencadangkan supaya satu makmal khas dianjurkan oleh MoF bagi menyediakan garis panduan pengurusan aset tak ketara tersebut. Salinan laporan mesyuarat adalah seperti Lampiran 'L'. Selain itu, pendaftaran dalam *Broadcast Management System* (BMS) telah dilaksanakan oleh jabatan.

**Tuan Pengerusi:** Okey ada soalan lain daripada Jawatankuasa?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Maknanya cadangan-cadangan dan penemuan-penemuan oleh Audit itu tindakan-tindakan sebagaimana disebut telah pun diambil.

**Tuan Pengerusi:** Ada soalan lain? Dato' boleh saya *site line* lain sedikit tidak daripada isu ini tentang BERNAMA. BERNAMA TV ini bukan di bawah RTM kan, di bawah BERNAMA sendiri?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi *totally privatize* tidak?

**Dato' K. Bala Singam:** Yang Berhormat, *BERNAMA TV is fully privatize but BERNAMA ada syer lebih kurang 30% yang bakinya dipegang oleh pihak-pihak lain.*

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' K. Bala Singam:** Swasta.

**Tuan Pengerusi:** So sekarang ini dalam *your-* oh tidak, BERNAMA ini *totally out from kementerian* sekarang?

**Dr. Ong Gua Pak:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Itu saya tidak faham. *BERNAMA TV is out...*

**Dr. Ong Gua Pak:** BERNAMA TV ialah anak syarikat kepada BERNAMA.

**Tuan Pengerusi:** Anak syarikat kepada BERNAMA?

**Dr. Ong Gua Pak:** Ya di mana BERNAMA memiliki lebih kurang 30% syer dalam BERNAMA.

**Tuan Pengerusi:** *How is it doing now, financially, how is it doing?*

**Dr. Ong Gua Pak:** Ya, *the performance* itu rating.

**Dato' K. Bala Singam:** *Not so good* lah Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Ada *government guarantee* tidak ini?

**Dato' K. Bala Singam:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Can they do well and come after you? Can the greatest after BERNAMA.*

**Dato' K. Bala Singam:** *In fact,* untuk makluman Yang Berhormat isu mengenai BERNAMA TV telah pun pihak kami bangkitkan dan perkara ini sedang diperhalusi di mana satu Kertas Jemaah Menteri akan disediakan untuk mendapatkan keputusan mengenai masa depan BERNAMA TV itu sendiri.

**Tuan Pengerusi:** Sebab apa ini, *you punya brand name* itu BERNAMA itu kan. Orang kata kalau BERNAMA TV ini kan, yang mempunyai *brand name* itu ada masalah, *you have to recover back* is macam IT jugalah isunya. *You have recover back* *you brand name* dan sebagainya dan sayang jugalah sebab apa, bagi saya RTM ada *News Unit* yang kuat jugalah. So sekarang ini *that TV portion* itu *can be absorb under digital channel* pun tidak perlu ada *broadcast channel* lagi tetapi itu pandangan saya sendirilah. Sebab pasal apa, saya tengok BERNAMA TV, saya dengar cerita dia tidak berapa 'sihat' daripada segi kewangan tetapi dia masih lagi membawa *good will* dan *brand name* BERNAMA itu sendiri yang sepatutnya kerajaan ambil tindakan.

**Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi:** *Transformation* Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia juga telah memberikan beberapa cadangan antaranya yang agak eksklusif dan juga signifikan adalah supaya kita mewujudkan satu BERNAMA TV ini untuk siaran bahasa Inggeris, *so that* kita boleh nampak ada *exclusive for* BERNAMA TV tetapi sekarang ini semuanya adalah dalam peringkat *discussion* dan juga *feasibility studies*. Itu antaranya termasuk dalam cadangan Kertas Kabinet itu adalah untuk melihat kepada masa depan BERNAMA TV.

**Tuan Pengerusi:** Tunggu original sebab BERNAMA sudah ada nama selama berpuluhan-puluhan tahun, *you can go original pun on news output can go original.* Sorry lah saya bercerita tentang RTM ini, kementerian ini, saya memang ada sayanglah itu fasal mahu- jadi sayang, hendak sayang kepada RTM ini... [Ketawa] Okey you ada soalan lain?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mengenai BERNAMA ini. Saya diberitahu kadangkala hendak bayar gaji pun susah. Adakah keadaannya begitu buruk sekali?

**Dato' K. Bala Singam:** Yang Berhormat, pengetahuan kementerian semua gaji kakitangan BERNAMA TV, mereka mendapat gaji.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mungkin kita kena siasat dahulu ya.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada soalan lain? Kalau tidak ada soalan lain, saya mengucapkan terima kasih Dato' atas kedatangan Dato' dan pegawai-pegawai pada hari ini. Kita mengambil maklum mengenai kerjasama yang Dato' telah berikan dan juga penambahbaikan yang telah dibuat. Cuma soal tindakan kita nanti, kita pun sudah *reservelah for our own action* tetapi apa yang pentingnya kementerian dan RTM maju ke hadapan ke arah memantapkan lagi *corporate governance* dan sebagainya dalam perjalanan jauh ke arah *corporatization* ini.

Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' dan pegawai-pegawai Dato' dan kita berjumpa lagi- saya jangkakan pada bulan Januari tentang isu Balai Berita pula... [Ketawa] Tidak apa, tidak apa, lama-lama praktis akan biasa sudah. Dato' Bala, saya tengok sudah biasa... [Ketawa] Dia tahu cara untuk berhadapan dengan PAC. Terima kasih Dato'.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.32 petang.]**

**DOKUMEN  
PEMBENTANGAN**



# **MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

## **BILANGAN 43/2014**

**PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN  
KANDUNGAN PENYIARAN DIGITAL  
JABATAN PENYIARAN MALAYSIA (RTM)**

**LKAN SIRI 2/2013**

**11 NOVEMBER 2014**

**CAWANGAN AUDIT KOMUNIKASI & MULTIMEDIA**



INSPIRASI

INTEGRASI

INTERAKTIF

INOVATIF

KUMPULAN  
SASARAN

- Remaja dan golongan muda berumur dalam lingkungan 17 hingga 40 tahun daripada pelbagai kaum

OBJEKTIF

- Penyaluran maklumat Kerajaan secara lebih santai dan berkesan
- Menyuntik semangat patriotisme, keilmuan dan pengetahuan, hiburan ke arah membuka minda serta memenuhi citarasa remaja
- Penekanan kepada kepelbagaian dan keunikan masyarakat Sabah dan Sarawak serta Orang Asli

# SEJARAH PENUBUHAN SALURAN TVi



TAHUN 2010

Platform Muzik Aktif  
(Menyiar muzik video selama 24 jam melalui platform ASTRO saluran 180)

TAHUN 2011

- Transformasi Saluran Muzik Aktif Kepada Saluran TVi
- Jenis Rancangan
  - Drama/ Telemovie
  - Dokumentari
  - Animasi
  - Hiburan
  - Candawara(Game show)

# TEKNOLOGI PENYIARAN DIGITAL

Siaran Berbilang  
Saluran  
(Multi Channel  
Broadcast)

Kualiti Gambar  
dan Audio Yang  
Lebih Jelas

Penggunaan  
Spektrum Yang  
Lebih Efisyen

Perkhidmatan  
Data Informasi

Aplikasi Interaktif

Siaran Definisi  
Tinggi (HDTV)

*Sumber: Kertas Dasar RTM*

## PRESTASI KEWANGAN

| SUMBER PERUNTUKAN         | TEMPOH | PERUNTUKAN (RM Juta) | BELANJA (RM Juta) | (%)          |
|---------------------------|--------|----------------------|-------------------|--------------|
| Pembangunan               | 2011   | -                    | -                 |              |
|                           | 2012   | 35.81                | 35.81             |              |
|                           | 2013   | 24.66                | 22.66             |              |
| <b>JUMLAH</b>             |        | <b>60.47</b>         | <b>58.47</b>      | <b>96.69</b> |
| Mengurus                  | 2011   | 4.18                 | 4.18              |              |
|                           | 2012   | 14.39                | 14.39             |              |
|                           | 2013   | 11.00                | 11.00             |              |
| <b>JUMLAH</b>             |        | <b>29.57</b>         | <b>29.57</b>      | <b>100</b>   |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |        | <b>90.04</b>         | <b>88.04</b>      | <b>97.78</b> |

*Sumber: Bah. Kew. KKMM & Bah. Pembangunan Fasiliti RTM*

## PRESTASI FIZIKAL

| STATUS PROGRAM                    | TAHUN PEROLEHAN | BILANGAN PROGRAM |              | JUMLAH     |
|-----------------------------------|-----------------|------------------|--------------|------------|
|                                   |                 | IKUT JADUAL      | LEWAT JADUAL |            |
| SIAP                              | 2011            | 32               | 56           | 88         |
|                                   | 2012            | 93               | 15           | 108        |
|                                   | 2013            | -                | -            | -          |
| <b>BILANGAN SIAP</b>              |                 | <b>125</b>       | <b>71</b>    | <b>196</b> |
| DALAM PELAKSANAAN                 | 2011            | -                | 4            | 4          |
|                                   | 2012            | 23               | 74           | 97         |
|                                   | 2013            | 119              | -            | 119        |
| <b>BILANGAN DALAM PELAKSANAAN</b> |                 | <b>142</b>       | <b>78</b>    | <b>220</b> |
| <b>BILANGAN KESELURUHAN</b>       |                 | <b>267</b>       | <b>149</b>   | <b>416</b> |

Sumber: Unit Kandungan Dan Kreatif RTM  
6

## SKOP AUDIT

- Prestasi projek PKPD bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2011 hingga Jun 2013

## METODOLOGI

- Semakan dokumen di Bahagian Fasiliti RTM, Unit Kandungan Dan Kreatif RTM, Bahagian Kewangan KKMM.
- Lawatan dan pemeriksaan fizikal serta semakan dokumen ke Unit Saluran TVi dan Perpustakaan TV di RTM

## PERSAMPELAN

- 267 baucar bayaran menggunakan peruntukan pembangunan dan 55 daripada 416 perolehan program saluran TVi

# RUMUSAN PENEMUAN AUDIT

Perbelanjaan  
Luar Skop  
Diluluskan

Komitmen  
Melebihi  
Peruntukan

Tiada Kontrak  
Formal Bagi  
Perolehan  
Program  
Melebihi  
RM50,000

LAD  
berjumlah  
RM182,142  
tidak  
dikenakan

Bon  
Pelaksanaan  
Tidak  
Dikemukakan  
dan Tidak  
Cukup Tempoh

Perolehan  
Program TV  
Tidak  
Didafarkan  
Sebagai Harta  
Modal

Tiada Kontrak  
Dimeterai  
Antara RTM  
dan ASTRO  
Bagi Satu  
Usahasama



# **1. PERBELANJAAN LUAR SKOP YANG DILULUSKAN**

MEMBEKAL BAHAN SIARAN BERFORMAT HD DAN SD UNTUK SALURAN TVi DAN 4 SALURAN BARU

MENYEDIAKAN KANDUNGAN *MULTI DELIVERY PLATFORM* UNTUK MEMPOPULARKAN PROGRAM YANG DISIARKAN

KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN

LATIHAN

## **SENARAI PERBELANJAAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN**

| TAHUN<br>PEROLEHAN      | PERBELANJAAN<br>(RM Juta) |           | JUMLAH<br>(RM Juta) |
|-------------------------|---------------------------|-----------|---------------------|
|                         | TVi                       | TV1 & TV2 |                     |
| 2012                    | 14.34                     | 21.47     | 35.81               |
| 2013                    | 0.43                      | 22.23     | 22.66               |
| JUMLAH                  | 14.77                     | 43.70     | 58.47               |
| PERATUS<br>PERBELANJAAN | 25%                       | 75%       | 100%                |

*Sumber: Bah. Kew. KKMM & Bah. Pembangunan Fasiliti RTM*

## **SEBAB**

**RTM mentafsirkan skop *multi delivery platform* membolehkan perolehan program TV bagi pelbagai saluran selain TVi**

# MAKLUM BALAS KKMM

CORRECTIVE

- KKMM telah memohon kelulusan perbelanjaan luar skop kepada EPU pada 10 Jun 2014
- EPU melalui surat bertarikh 4 Julai 2014 telah memberi kelulusan bagi perbelanjaan berkenaan dengan syarat ia tidak boleh dianggap *precedent case*

PREVENTIVE

- RTM telah menyediakan SOP pengurusan perolehan program TV swasta dan *syndicated*
- Terma rujukan dan keahlian 3 Jawatankuasa Perolehan Rancangan TV telah ditambah baik untuk memastikan elemen integriti dalam proses penilaian dan perakuan kepada Lembaga Perolehan A KKMM

## 2. KOMITMEN PEROLEHAN MELEBIHI PERUNTUKAN

| TAHUN  | PERUNTUKAN | KOMITMEN PEROLEHAN | PERBEZAAN |
|--------|------------|--------------------|-----------|
|        | (RM Juta)  | (RM Juta)          | (RM Juta) |
| 2011   | 4.18       | 27.12              | (22.94)   |
| 2012   | 50.20      | 57.04              | (6.84)    |
| 2013   | 35.66      | 27.67              | 7.99      |
| JUMLAH | 90.04      | 111.83             | (21.79)   |

Sumber: Bah. Kew. KKMM & Bah. Pembangunan Fasiliti RTM

## SEBAB

- RTM telah membuat tempahan awal perolehan program TV untuk tahun berikutnya pada tahun semasa tanpa meneliti baki peruntukan yang ada

## MAKLUM BALAS KKMM DAN RTM

- Kementerian Kewangan melalui mesyuarat bertarikh 3 Julai 2014 telah mentakrifkan perolehan program TV adalah perolehan bermasa dan tempahan awal boleh dibuat dalam tahun semasa untuk tayangan tahun berikutnya

### **3. TIADA KONTRAK FORMAL BAGI PEROLEHAN PROGRAM TV BERNILAI MELEBIHI RM50,000**

#### **ARAHAN PERBENDAHARAAN 176.1**

- Kontrak formal hendaklah diadakan bagi semua sebutharga, tender, perolehan bekalan dan perkhidmatan bermasa

#### **PENEMUAN AUDIT**

- Tiada kontrak formal bagi semua perolehan program TV bernilai melebihi RM50,000
- RTM hanya menggunakan Surat Setuju Terima sebagai satu dokumen ikatan perjanjian antara Kerajaan dengan pembekal

## **SEBAB**

- KKMM dan RTM beranggapan SST yang telah ditambah baik dengan klausa-klausa penting boleh menggantikan kontrak formal

# MAKLUM BALAS KKMM

CORRECTIVE

- Kontrak formal telah diadakan bagi semua perolehan program TV yang masih berkuatkuasa
- KKMM telah melaksanakan penyediaan kontrak formal bagi perolehan baru yang perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan

PREVENTIVE

- KKMM telah menyediakan deraf kontrak standard bagi perolehan program TV untuk memastikan tiada kelewatan dalam proses menandatangani kontrak



## **4. LAD BERJUMLAH RM182,142 TIDAK DIKENAKAN BAGI 42 PROGRAM TV YANG LEWAT DISIAPKAN**

### **KLAUSA LAD DALAM SST**

- Kelewatan pembekal untuk membekalkan program TV dalam tempoh kontrak akan dikenakan LAD berasaskan hari kelewatan

### **PENEMUAN AUDIT**

- 42 program telah lewat dibekalkan melebihi tempoh kontrak antara 24 hingga 217 hari
- LAD dianggar berjumlah RM182,142 tidak dikenakan kepada pembekal yang berkenaan



## SEBAB

- Pemantauan rekod prestasi fizikal di peringkat KKMM dan RTM kurang efektif

# MAKLUM BALAS KKMM

CORRECTIVE

- Bermula Mei 2014, LAD telah dikenakan kepada 46 pembekal dan sejumlah RM279,151 telah dikutip setakat Oktober 2014

PREVENTIVE

- KKMM dan RTM telah menubuhkan Jawatankuasa Pelanjutan Tempoh Kontrak Pembekalan Program TV bagi mentadbir secara efektif perolehan program TV

## **5. BON PELAKSANAAN TIDAK DIKEMUKAKAN DAN TIDAK CUKUP TEMPOH KUATKUASA**

### **SPP BIL.5 TAHUN 2007**

- Perolehan melebihi RM200,000 perlu mengemukakan bon pelaksanaan yang berkuatkuasa sehingga 12 bulan selepas tamat tempoh kontrak

### **PENEMUAN AUDIT**

- Bon Pelaksanaan bagi 75 kontrak pembekalan program TV tidak dikemukakan
- Tempoh kuatkuasa bagi 53 bon pelaksanaan tidak mencukupi

## **SEBAB**

- Pemantauan yang kurang berkesan oleh RTM dan KKMM terhadap pengurusan bon pelaksanaan seperti yang telah ditetapkan dalam SST


# MAKLUM BALAS KKMM

CORRECTIVE

- Bon pelaksanaan bagi 74 program telah dikemukakan
- Baki satu pembekal disyor untuk ditamatkan kontrak

PREVENTIVE

- Daftar bon pelaksanaan ditambah baik dan dikemas kini
- KKMM akan memastikan bon pelaksanaan dilepaskan setelah semua obligasi disempurnakan



## **6. PEROLEHAN PROGRAM TV TIDAK DIDAFTARKAN SEBAGAI HARTA MODAL**

### **PP BIL.5 TAHUN 2007**

- Perolehan aset bernilai melebihi RM1,000 perlu didaftarkan sebagai harta modal kerajaan

### **PENEMUAN AUDIT**

- Perolehan 366 program TV bernilai keseluruhan RM88.04 juta tidak didaftarkan sebagai harta modal kerajaan

## **SEBAB**

- Tiada peraturan semasa berkaitan pengurusan aset tidak ketara untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan

# MAKLUM BALAS KKMM

CORRECTIVE

- Penjelasan dari Kementerian Kewangan bahawa program TV dikategorikan sebagai aset tidak ketara dan peraturan mengenainya masih belum diwujudkan

PREVENTIVE

- Satu makmal khas penyediaan garis panduan pengurusan aset tidak ketara akan dianjurkan oleh Kementerian Kewangan
- Program-program TV buat masa kini akan direkodkan dalam *Broadcast Management System (BMS)*

## **7. TIADA KONTRAK DITANDATANGANI BAGI PENYIARAN TVi**

### **PENEMUAN AUDIT**

- Tiada kontrak ditandatangani antara RTM dan ASTRO untuk pembekalan perkhidmatan satelit TVi bagi tempoh 16 Mac 2012 hingga 31 Disember 2014

### **SEBAB**

- KKMM beranggapan Minit Mesyuarat Kerjasama ASTRO dan KKMM pada 13 Jun 2013 adalah mencukupi sebagai satu ikatan perjanjian



## MAKLUM BALAS KKMM

CORRECTIVE

- RTM telah meminta pihak ASTRO agar menggantikan *term sheet* kepada kontrak formal

PREVENTIVE

- Deraf kontrak bagi perlanjutan tempoh bermula 1 Januari 2015 akan disediakan sebelum tempoh kontrak semasa tamat

## **SYOR AUDIT**

KKMM dan RTM telah mengambil tindakan terhadap syor-syor Audit seperti berikut:

- ❑ Jawatankuasa Siasatan telah ditubuhkan bagi mengenal pasti punca perbelanjaan diluar skop peruntukan pembangunan yang diluluskan
- ❑ Menambah baik terma dan bidang tugas Jawatankuasa-jawatankuasa yang terlibat dalam perolehan program TV bermula dari proses *pitching* sehingga pemilihan pembekal yang berkelayakan

## **SYOR AUDIT**

KKMM dan RTM telah mengambil tindakan terhadap syor-syor Audit seperti berikut:

- Deraf kontrak standard telah disediakan untuk digunakan dalam perolehan program TV bernilai melebihi RM50,000
- LAD telah dikenakan kepada pembekal-pembekal yang gagal menyempurnakan bekalan dalam tempoh kontrak
- Pengurusan bon pelaksanaan telah dipertingkatkan dari aspek penyelenggaran daftar dan tempoh pelepasan bon pelaksanaan



## KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

### 10. JABATAN PENYIARAN MALAYSIA

- PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN KANDUNGAN PENYIARAN DIGITAL

#### 10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Jabatan Penyiaran Malaysia yang terdahulu dikenali sebagai Radio Televisyen Malaysia (RTM) merupakan salah satu jabatan di bawah Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (KKMM) bermatlamat untuk menjadi sebuah organisasi penyiaran terulung, bertaraf dunia dan menjunjung Gagasan 1Malaysia. Peranan Jabatan untuk menyebar luas maklumat yang sahih, tepat, mutakhir serta memanfaatkan teknologi maklumat dan media baharu untuk jangkauan khalayak secara maksimum.

10.1.2. Seiring dengan peningkatan teknologi penyiaran dunia, RTM telah mewujudkan saluran baharu iaitu TV Interaktif (TVi) pada 10 April 2011. Objektif saluran ini memberi tumpuan kepada generasi muda agar penyaluran maklumat Kerajaan secara santai dan berkesan dapat dilaksanakan. Di samping itu, saluran TVi memberikan daya inspirasi, elemen interaktif, penonjolan budaya inovatif di kalangan remaja dan integrasi antara etnik di negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Pengisian kandungan siaran bertujuan untuk menyuntik semangat patriotisme, keilmuan dan pengetahuan, hiburan ke arah membuka minda serta memenuhi citarasa remaja.

10.1.3. RTM telah diluluskan peruntukan berjumlah RM90.04 juta bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Jun 2013 di bawah Projek Pembangunan Kandungan Penyiaran Digital (PKPD). Ia meliputi skop membekal program siaran terbitan tempatan berformat *High-Definition* (HD) dan *Standard-Definition* (SD) untuk pengisian saluran TVi. Program siaran tersebut mengandungi kategori telemovie, drama bersiri, dokumentari/majalah, candawara (gameshow) dan animasi. Selain itu, skop projek termasuk penyediaan *multidelivery platform* untuk mempopularkan program yang disiarkan, kajian kepuasan pelanggan dan latihan perolehan. Butiran peruntukan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.1**  
**PERUNTUKAN PROJEK PKPD BAGI TAHUN 2011 HINGGA BULAN JUN 2013**

| SUMBER PEMBIAYAAN         | TEMPOH | PERUNTUKAN ASAL (RM Juta) | PINDAHAN (RM Juta) | PERUNTUKAN DIPINDA (RM Juta) |
|---------------------------|--------|---------------------------|--------------------|------------------------------|
| Pembangunan               | 2011   | -                         | -                  | -                            |
|                           | 2012   | 40.0                      | (4.19)             | 35.81                        |
|                           | 2013   | 30.0                      | (5.34)             | 24.66                        |
| <b>JUMLAH</b>             |        | <b>70.0</b>               | <b>(9.53)</b>      | <b>60.47</b>                 |
| Mengurus                  | 2011   | 4.18                      | -                  | 4.18                         |
|                           | 2012   | 14.39                     | -                  | 14.39                        |
|                           | 2013   | 11.00                     | -                  | 11.00                        |
| <b>JUMLAH</b>             |        | <b>29.57</b>              | <b>-</b>           | <b>29.57</b>                 |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |        | <b>99.57</b>              | <b>(9.53)</b>      | <b>90.04</b>                 |

*Sumber : Bahagian Kewangan KKMM Dan Bahagian Pembangunan Fasiliti RTM*

## 10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan projek PKPD telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

## 10.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi prestasi pelaksanaan projek PKPD bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2011 hingga bulan Jun 2013. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Kewangan dan Bahagian Pembangunan KKMM, Bahagian Pembangunan Fasiliti, Unit Kandungan Dan Kreatif, Unit Saluran TVi dan Perpustakaan TV, RTM di Angkasapuri Kuala Lumpur. Semakan telah dilaksanakan terhadap kesemua 267 baucar bayaran menggunakan peruntukan pembangunan dan juga 55 (13%) daripada 426 perolehan program siaran saluran TVi. Selain itu, analisis Audit juga telah dilaksanakan terhadap data prestasi penyiaran program di saluran TVi.

## 10.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen dan kontrak serta perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, lawatan dan pemeriksaan fizikal ke Unit Saluran TVi dan Perpustakaan TV, RTM juga telah dilaksanakan. *Exit Conference* telah diadakan dengan Ketua Setiausaha KKMM dan Timbalan Ketua Pengarah RTM pada 7 Februari 2014. *Exit Conference* berkenaan turut dihadiri oleh Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Belanjawan, Kementerian Kewangan Malaysia, Ketua Penolong Pengarah, Seksyen K-Ekonomi, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri serta Unit Audit Dalam (UAD) KKM.

## 10.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun sehingga September 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan projek adalah memuaskan dari aspek prestasi penyiaran; penilaian kualiti program dan penyimpanan serta pelupusan pita beta digital. Bagaimanapun, bagi aspek kawalan peruntukan dan perbelanjaan; prestasi fizikal; pengurusan kontrak; pengurusan bon pelaksanaan dan pendaftaran aset adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

- i. perbelanjaan perolehan program bagi saluran TV1 dan TV2 berjumlah RM43.70 juta adalah di luar skop projek PKPD tanpa mendapat kelulusan Unit Perancang Ekonomi dan Perbendaharaan;
- ii. perolehan program saluran TVi berjumlah RM111.83 juta telah melebihi peruntukan sejumlah RM21.79 juta (24.20%) bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Jun 2013;
- iii. KKMM tidak memohon peruntukan pembangunan tambahan bagi membiayai tanggungan berjumlah RM61.78 juta;
- iv. sebanyak 71 program (16.67%) telah siap tetapi lewat jadual, manakala 78 program (18.31%) masih dalam pelaksanaan tetapi melebihi tempoh kontrak asal. Kelewatan pelaksanaan antara 15 hari hingga 14 bulan;
- v. sebanyak 15 program telah diberi kelulusan lanjutan tempoh kontrak melebihi sekali, manakala 8 program diberi kelulusan lanjutan masa selepas tarikh tamat tempoh kontrak;
- vi. *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) berjumlah RM182,142 tidak dikenakan terhadap 42 program siap yang melebihi tempoh sah laku kontrak;
- vii. keseluruhan 413 program yang bernilai melebihi RM50,000 setiap satu tidak mempunyai kontrak formal;
- viii. terdapat 75 program tidak dikemukakan bon pelaksanaan berjumlah RM0.86 juta, manakala 53 program bon pelaksanaan tidak meliputi 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak; dan
- ix. perolehan 366 program berjumlah RM88.04 juta tidak didaftarkan sebagai harta modal Kerajaan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas KKMM adalah seperti di perenggan berikut:

### 10.5.1. Prestasi Projek

#### 10.5.1.1. Pencapaian Kewangan

- a. Semakan Audit mendapati sehingga 30 Jun 2013, prestasi perbelanjaan projek adalah berjumlah RM88.04 juta (97.78%). Ini meliputi perbelanjaan pembangunan sejumlah RM58.47 juta dan perbelanjaan mengurus sejumlah

RM29.57 juta. Baki peruntukan pembangunan yang belum dibelanjakan adalah sejumlah RM2.0 juta. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.2**  
**PRESTASI PERBELANJAAN PROJEK PKPD HINGGA BULAN JUN 2013**

| SUMBER PERUNTUKAN         | TEMPOH | PERUNTUKAN (RM Juta) | BELANJA (RM Juta) | (%)          |
|---------------------------|--------|----------------------|-------------------|--------------|
| Pembangunan               | 2011   | -                    | -                 |              |
|                           | 2012   | 35.81                | 35.81             |              |
|                           | 2013   | 24.66                | 22.66             |              |
| <b>JUMLAH</b>             |        | <b>60.47</b>         | <b>58.47</b>      | <b>96.69</b> |
| Mengurus                  | 2011   | 4.18                 | 4.18              |              |
|                           | 2012   | 14.39                | 14.39             |              |
|                           | 2013   | 11.00                | 11.00             |              |
| <b>JUMLAH</b>             |        | <b>29.57</b>         | <b>29.57</b>      | <b>100</b>   |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |        | <b>90.04</b>         | <b>88.04</b>      | <b>97.78</b> |

*Sumber : Bahagian Kewangan KKMM Dan Bahagian Pembangunan Fasiliti RTM*

- b. Kertas dasar RTM menyatakan projek PKPD di bawah peruntukan pembangunan adalah untuk membuat perolehan program terbitan tempatan bagi saluran TVi. Analisis Audit terhadap perbelanjaan mendapati sejumlah RM43.70 juta (49.64%) telah digunakan bagi membayar 170 program saluran TV1 dan TV2. Seterusnya sejumlah RM44.34 juta (50.36%) dibayar untuk 196 program saluran TVi. Penggunaan peruntukan pembangunan bagi saluran TV1 dan TV2 yang bukan dalam skop projek tidak mendapat kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan Perpendaharaan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.3**  
**PERBELANJAAN PROJEK MENGIKUT SALURAN TV HINGGA BULAN JUN 2013**

| SUMBER PERUNTUKAN         | TEMPOH | PERBELANJAAN                  |                       | JUMLAH (RM Juta) |
|---------------------------|--------|-------------------------------|-----------------------|------------------|
|                           |        | SALURAN TV1 DAN TV2 (RM Juta) | SALURAN TVi (RM Juta) |                  |
| Pembangunan               | 2011   | -                             | -                     |                  |
|                           | 2012   | 21.47                         | 14.34                 |                  |
|                           | 2013   | 22.23                         | 0.43                  |                  |
| <b>Jumlah</b>             |        | <b>43.70</b>                  | <b>14.77</b>          | <b>58.47</b>     |
| Mengurus                  | 2011   | -                             | 4.18                  |                  |
|                           | 2012   | -                             | 14.39                 |                  |
|                           | 2013   | -                             | 11.00                 |                  |
| <b>Jumlah</b>             |        | <b>-</b>                      | <b>29.57</b>          | <b>29.57</b>     |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |        | <b>43.70</b>                  | <b>44.34</b>          | <b>88.04</b>     |

*Sumber : Bahagian Kewangan KKMM Dan Bahagian Pembangunan Fasiliti RTM*

- c. Surat Kementerian Kewangan kepada Ketua Setiausaha KKMM bertarikh 19 November 2009 dan 2 Ogos 2012 menyatakan bahawa KKMM hanya boleh membuat perolehan secara rundingan terus sekiranya peruntukan mencukupi. Semakan Audit mendapati KKMM telah meluluskan perolehan secara rundingan terus sebanyak 426 program bagi saluran TVi berjumlah RM111.83 juta. Bagaimanapun, peruntukan yang diluluskan hanya berjumlah RM90.04 juta. KKMM telah membuat komitmen melebihi peruntukan sejumlah RM21.79 juta bagi saluran TVi. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.4  
KOMITMEN TAHUNAN BAGI PEROLEHAN SALURAN TVi**

| TAHUN         | PERUNTUKAN<br>(RM Juta) | PEROLEHAN<br>(RM Juta) | LEBIHAN KOMITMEN<br>(RM Juta) |
|---------------|-------------------------|------------------------|-------------------------------|
| 2011          | 4.18                    | 27.12                  | 22.94                         |
| 2012          | 50.20                   | 57.04                  | 6.84                          |
| 2013          | 35.66                   | 27.67                  | (7.99)                        |
| <b>JUMLAH</b> | <b>90.04</b>            | <b>111.83</b>          | <b>21.79</b>                  |

*Sumber : Bahagian Kewangan KKMM Dan Bahagian Pembangunan Fasiliti RTM*

- d. Arahan Perbendaharaan (AP) 58 (a) menetapkan sekiranya peruntukan tidak mencukupi Pegawai Pengawal hendaklah membuat permohonan tambahan kepada Perbendaharaan. Semakan Audit mendapati tanggungan bersih saluran TVi berjumlah RM63.78 juta melibatkan sebanyak 229 program. Mengikut perkiraan Audit, KKMM kekurangan sejumlah RM61.78 juta bagi membiayai tanggungan bersih. KKMM tidak memohon peruntukan pembangunan tambahan daripada Unit Perancang Ekonomi bagi membayar perolehan program yang telah diluluskan. Ini disebabkan KKMM tidak mempunyai rekod yang kemas kini bagi jumlah tanggungan saluran TVi. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.5  
TANGGUNGAN PROGRAM BAGI PROJEK PKPD HINGGA BULAN JUN 2013**

| TAHUN                                    | BILANGAN<br>PROGRAM | JUMLAH TANGGUNGAN<br>(RM Juta) | BAKI PERUNTUKAN<br>PEMBANGUNAN<br>(RM Juta) |
|--|---------------------|--------------------------------|---|
| 2011                                     | 4                   | 1.48                           | -   |
| 2012                                     | 106                 | 34.93                          | -   |
| 2013                                     | 119                 | 27.37                          | 2.0   |
| <b>JUMLAH</b>                            | <b>229</b>          | <b>63.78</b>                   | <b>2.0</b>                                  |
| <b>KEPERLUAN TAMBAHAN<br/>PERUNTUKAN</b> |                     |                                | <b>61.78</b>                                |

*Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM*

### Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014

*Bagi mengatasi isu penggunaan peruntukan pembangunan oleh saluran TV1 dan TV2 sebanyak RM43.70 juta, KKMM telah mengemukakan surat kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE) pada 9 April 2014. KKMM sedang menunggu maklum balas.*

*Bagi isu berkaitan komitmen melebihi peruntukan sejumlah RM21.79 juta, KKMM akan menguruskan bayaran melalui peruntukan mengurus. Selain itu, RTM telah mengadakan Bengkel Penyeragaman Dan Perolehan Rancangan Tahun 2014 bagi penambahbaikan dan ketulusan dalam proses perolehan. KKMM dan RTM akan menyusuli resolusi bengkel untuk pertimbangan pengurusan tertinggi.*

*Di samping itu, perolehan program TV RTM untuk tahun 2015 akan dilaksanakan berdasarkan kepada peruntukan yang diluluskan sahaja. Sekiranya ada keperluan untuk menambah perolehan bilangan program TV yang tidak diperuntukkan, RTM akan melaksanakan perolehan tersebut melalui proses penjimatan atau pindah peruntukan daripada aktiviti lain mengikut keperluan semasa.*

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan PKPD adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan daripada aspek kawalan peruntukan dan perbelanjaan. Ini menyebabkan berlaku perbelanjaan di luar skop projek pembangunan, perolehan melebihi peruntukan dan rekod kewangan tidak diselenggara dengan baik. Bagaimanapun, RTM telah membelanjakan peruntukan keseluruhan sehingga 97.78%.

#### 10.5.1.2. Prestasi Fizikal

- Surat Setuju Terima (SST) menetapkan pembekal perlu menyiapkan program dalam tempoh 4 bulan hingga 12 bulan dari tarikh SST ditandatangani. Bagi saluran TVi sebanyak 426 program telah diluluskan untuk pelaksanaan. Sehingga 30 Jun 2013 sebanyak 196 program (46.01%) telah siap, 220 program (51.64%) masih dalam pelaksanaan dan 10 program (2.35%) telah dibatalkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.6**  
**PRESTASI FIZIKAL PEROLEHAN SALURAN TVi HINGGA BULAN JUN 2013**

| TAHUN              | BILANGAN PROGRAM | SIAP        |              | DALAM PELAKSANAAN |              | BATAL |
|--------------------|------------------|-------------|--------------|-------------------|--------------|-------|
|                    |                  | IKUT JADUAL | LEWAT JADUAL | IKUT JADUAL       | LEWAT JADUAL |       |
| 2011               | 95               | 32          | 56           | -                 | 4            | 3     |
| 2012               | 211              | 93          | 18           | 23                | 74           | 8     |
| 2013               | 120              | -           | -            | 119               | -            | 1     |
| JUMLAH KESELURUHAN | 426              | 125         | 71           | 142               | 78           | 10    |
|                    |                  | 196         |              | 220               |              | 10    |

Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM

- b. Analisis Audit mendapati 149 program tidak disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Ini melibatkan 71 program (16.67%) yang telah siap tetapi melebihi tempoh kontrak asal. Selain itu, 78 program (18.31%) masih dalam pelaksanaan tetapi telah melebihi tempoh kontrak asal. Kelewatan pelaksanaan antara 15 hari hingga 14 bulan. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.7  
PROGRAM LEWAT JADUAL DARI TEMPOH KONTRAK ASAL**

| STATUS PROGRAM                    | TAHUN PEROLEHAN | TEMPOH KELEWATAN (Bulan) |           |           |          |          | BILANGAN PROGRAM LEWAT |
|-----------------------------------|-----------------|--------------------------|-----------|-----------|----------|----------|------------------------|
|                                   |                 | 0.5 - 1                  | 1 - 4     | 5 - 8     | 9 - 12   | 13 - 14  |                        |
| Siap                              | 2011            | 10                       | 22        | 15        | 7        | 2        | 56                     |
|                                   | 2012            | 5                        | 7         | 3         | -        | -        | 15                     |
|                                   | 2013            | -                        | -         | -         | -        | -        | -                      |
| <b>Bilangan Siap</b>              |                 | <b>15</b>                | <b>29</b> | <b>18</b> | <b>7</b> | <b>2</b> | <b>71</b>              |
| Dalam Pelaksanaan                 | 2011            | -                        | -         | 1         | -        | 3        | 4                      |
|                                   | 2012            | 10                       | 56        | 7         | -        | 1        | 74                     |
|                                   | 2013            | -                        | -         | -         | -        | -        | -                      |
| <b>Bilangan Dalam Pelaksanaan</b> |                 | <b>10</b>                | <b>56</b> | <b>8</b>  | <b>-</b> | <b>4</b> | <b>78</b>              |
| <b>BILANGAN KESELURUHAN</b>       |                 |                          |           |           |          |          | <b>149</b>             |

Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM

- c. Arahan Perbendaharaan 201.1 (a) menyatakan Pegawai Pengawal boleh memberikan lanjutan tempoh kontrak bekalan tertakluk kepada peraturan dan syarat yang ditetapkan. Setakat 30 Jun 2013, sebanyak 36 program telah dilanjutkan tempoh kontrak. Antara sebab pembekal diberi lanjutan tempoh kontrak ialah kerana kesukaran mendapatkan kesesuaian masa para pelakon, faktor cuaca semasa menjalankan penggambaran dan masalah teknikal.
- d. Arahan Perbendaharaan 201.1 (a) (i) menyatakan pelanjutan tempoh kontrak bekalan hendaklah dipertimbangkan dalam tempoh sah laku kontrak. Semakan Audit mendapati 8 program telah diberi kelulusan selepas tamat tempoh sah laku kontrak antara 15 hari hingga 7 bulan. Kelewatan kelulusan adalah disebabkan kelemahan pemantauan rekod prestasi fizikal projek yang diselenggara oleh RTM. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.8  
KELEWATAN MELULUSKAN LANJUTAN TEMPOH KONTRAK**

| BIL. | PEMBEKAL                     | TAJUK RANCANGAN               | TARIKH TAMAT KONTRAK (ASAL)<br>(a) | LANJUTAN TEMPOH KONTRAK (b) |       | TARIKH LULUS LANJUTAN TEMPOH KONTRAK (c) | KELEWATAN KELULUSAN (Bulan)<br>(d) = (c-a) |
|------|------------------------------|-------------------------------|------------------------------------|-----------------------------|-------|--|--|
|      |                              |                               |                                    | TARIKH                      | BULAN |  |  |
| 1.   | Alpine Management Sdn. Bhd.  | Idea Remaja                   | 17.11.2011                         | 12.01.2012                  | 2     | 18.04.2012                               | 5  |
| 2.   | Aquila Emas Sdn. Bhd.        | Bertemu Kasih Di Chestershine | 11.3.2012                          | 10.04.2012                  | 1     | 08.08.2012                               | 5  |
| 3.   | Gain Plex Ventures Sdn. Bhd. | Dr Siber                      | 02.12.2011                         | 28.04.2012                  | 5     | 14.02.2012                               | 2  |
| 4.   | Keds Motion Sdn. Bhd.        | Kitra                         | 12.11.2011                         | 30.12.2011                  | 1.5   | 29.11.2011                               | 0.5  |

| BIL. | PEMBEKAL                      | TAJUK RANCANGAN        | TARIKH TAMAT KONTRAK (ASAL)<br>(a) | LANJUTAN TEMPOH KONTRAK<br>(b) |       | TARIKH LULUS LANJUTAN TEMPOH KONTRAK (c) | KELEWATAN KELULUSAN (Bulan)<br>(d) = (c-a) |
|------|-------------------------------|------------------------|------------------------------------|--------------------------------|-------|--|--|
|      |                               |                        |                                    | TARIKH                         | BULAN |  |  |
| 5.   | Mel Corporation Sdn. Bhd.     | Runut Menari           | 10.03.2012                         | 30.05.2012                     | 2.5   | 08.08.2012                               | 5  |
| 6.   | Nur TV Productions Sdn. Bhd.  | Hitam Putih/ Aladdin   | 17.11.2011                         | 27.12.2011                     | 1     | 09.02.2012                               | 3  |
| 7.   | SV Filem Production Sdn. Bhd. | Alaigal                | 09.08.2012                         | 28.02.2013                     | 6.5   | 19.02.2013                               | 6  |
| 8.   | Kers Motion Sdn. Bhd.         | Bila Santubong Berlagu | 29.09.2011                         | 16.01.2012                     | 3.5   | 18.04.2012                               | 7  |

Sumber : Bahagian Kewangan KKMM

- e. Arahan Perbendaharaan 201.1 (a) (iii) menetapkan Pegawai Pengawal boleh meluluskan pelanjutan tempoh kontrak bekalan hanya sekali sahaja dan tempoh maksimum adalah sehingga 2 tahun. Bagi pelanjutan tempoh kontrak yang melebihi sekali perlu mendapat kelulusan Perbendaharaan. Semakan Audit terhadap 36 program yang diluluskan lanjutan tempoh kontrak mendapatkan 15 program diberi kelulusan lanjutan masa lebih daripada sekali. Ini termasuk program majalah bertajuk Nova oleh Syarikat HEZ Communication Sdn. Bhd. yang telah diberi lanjutan tempoh kontrak sebanyak 5 kali tanpa kelulusan daripada Perbendaharaan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.9**  
**PROGRAM YANG DILULUSKAN LANJUTAN**  
**TEMPOH KONTRAK MELEBIHI SEKALI**

| TAHUN  | BILANGAN PROGRAM | KEKERAPAN LANJUTAN TEMPOH MASA |   |   |   |
|--------|------------------|--------------------------------|---|---|---|
|        |                  | 2                              | 3 | 4 | 5 |
| 2011   | 11               | 9                              | 1 | - | 1 |
| 2012   | 4                | 4                              | - | - | - |
| JUMLAH | 15               | 13                             | 1 | - | 1 |

Sumber : Bahagian Kewangan KKMM

- f. Surat Setuju Terima (SST) menyatakan jika pembekal lewat menyempurnakan tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan, penalti ganti rugi kelewatan atau *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) hendaklah dikenakan berdasarkan setiap hari kelewatan. Formula pengiraan LAD yang telah ditetapkan adalah:

|                     |   |             |   |               |       |
|---------------------|---|-------------|---|---------------|-------|
| Bilangan Hari Lewat | x | BLR Terkini | x | Nilai Kontrak | = LAD |
| 365                 |   |             |   |               |       |

Semakan Audit mendapatkan 42 program yang telah siap tetapi melebihi tempoh sah laku kontrak antara 24 hingga 217 hari tidak dikenakan sebarang penalti ganti rugi. Mengikut perkiraan Audit sejumlah RM182,142 denda LAD tidak dikutip dan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.10**  
**BILANGAN PROGRAM LEWAT SIAP TETAPI TIDAK DIKUTIP LAD**

| TAHUN         | BILANGAN PROGRAM | KELEWATAN<br>(Hari) | JUMLAH LAD<br>(RM ) |
|---------------|------------------|---------------------|---------------------|
| 2011          | 37               | 24 - 217            | 168,977             |
| 2012          | 5                | 24 - 98             | 13,165              |
| <b>JUMLAH</b> | <b>42</b>        |                     | <b>182,142</b>      |

*Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM*

- g. Pekeliling Perkhidmatan (PP) Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan setiap fail dan rekod mesti dikemaskini. Semakan Audit mendapati fail pembekal, rekod perolehan dan rekod pemantauan program tidak dikemaskini. Antara rekod dan maklumat penting yang tidak lengkap seperti surat permohonan penangguhan lanjutan masa, surat sokongan lanjutan masa daripada RTM dan surat kelulusan KKMM. Selain itu, rekod mengenai tarikh terima *digital video disc* (DVD), pita beta digital dan kelulusan penilaian program tidak dikemaskini. Ini disebabkan RTM menghadapi kekurangan pegawai untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut. Akibatnya, prestasi pembekal tidak dapat dipantau dengan berkesan hingga terdapat kelewat dalam memberi kelulusan lanjutan tempoh masa dan LAD tidak dapat dikutip.

**Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014**

*KKMM menyatakan kelewat dalam pelaksanaan program timbul kerana kurangnya pemantauan oleh pihak RTM dan KKMM. Bagi memantapkan pengurusan kontrak perolehan program, tindakan telah diambil dengan penubuhan Jawatankuasa Penilaian dan Semakan Kontrak (JKPDSK) Bekalan dan Perkhidmatan serta pemantauan melalui Sistem Pemantauan Kontrak Bersepadu (eKS).*

*Bagi isu berkaitan pelanjutan tempoh kontrak, KKMM telah menyiasat dan mendapati seorang pegawai telah mengambil tindakan melampaui bidang kuasa yang diberikan. Surat Tunjuk Sebab telah dihantar kepada pegawai berkenaan pada 16 April 2014. Pada masa yang sama, KKMM telah menubuhkan Jawatankuasa Pelanjutan Tempoh Kontrak Pembekalan Program TV bagi mengatasi isu pemberian kelulusan lanjutan masa yang tidak selaras dengan peraturan.*

*Masalah kutipan LAD adalah kerana wujudnya kelemahan dalam Surat Setuju Terima (SST) yang dikeluarkan kepada syarikat. Berdasarkan hasil Mesyuarat Penyeragaman dan Penambahbaikan yang diadakan pada 15 hingga 17 Mac 2014, KKMM dan RTM telah memutuskan supaya syarikat-syarikat berkenaan dikenakan LAD. Bagaimanapun, formula pengiraan LAD akan diperhalusi bagi memastikan kesesuaian dengan jenis perolehan. KKMM dan RTM menjangkakan masalah ini dapat diselesaikan sebelum atau pada 30 Jun 2014.*

*Bagi memastikan setiap fail pembekal, rekod perolehan dan rekod pemantauan program dikemas kini, kriteria pengemaskinian rekod akan ditetapkan sebagai Key Performance Indicator (KPI) dan dimasukkan dalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT) pegawai-pegawai di KKMM dan RTM.*

Pada pendapat Audit, prestasi fizikal program adalah kurang memuaskan kerana terdapat 71 program lewat disiapkan antara 15 hari hingga 14 bulan dan 42 program tidak dikenakan LAD walaupun telah melebihi tempoh sah laku kontrak. Selain itu, wujud kelemahan terhadap pematuhan prosedur lanjutan tempoh masa kontrak kerana rekod-rekod dan dokumen tidak disimpan dengan baik oleh KKMM dan RTM.

#### 10.5.1.3. Prestasi Penyiaran

- Semua program yang telah siap perlu disiarkan di saluran TVi mengikut jadual siaran. Semakan Audit mendapati setakat 30 September 2013 sebanyak 366 program telah disiapkan iaitu 196 program bagi siaran saluran TVi dan 170 program bagi siaran saluran TV1 dan TV2. Analisis terhadap 196 program bagi saluran TVi mendapati semua program telah pun disiarkan.
- RTM berpendapat pembiayaan program saluran TV1 dan TV2 dengan peruntukan pembangunan dibenarkan kerana program tersebut akan disiarkan semula di saluran TVi. Analisis Audit terhadap 170 program mendapati sehingga 30 September 2013 hanya 20 program (11.76%) yang telah disiarkan semula di saluran TVi. RTM masih belum menyediakan jadual siaran bagi 150 program yang dibayar melalui peruntukan projek PKPD. Ini menunjukkan perbelanjaan bagi perolehan tidak memberi pulangan optima kepada saluran TVi. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.11  
PEROLEHAN TV1 DAN TV2 YANG BELUM DISIARKAN DI SALURAN TVi**

| TAHUN PEMBAYARAN | BILANGAN PROGRAM              |                           |                                |
|------------------|-------------------------------|---------------------------|--------------------------------|
|                  | PEROLEHAN SALURAN TV1 DAN TV2 | TELAH SIAR DI SALURAN TVi | BELUM DISIARKAN DI SALURAN TVi |
| 2012             | 70                            | 18                        | 52                             |
| 2013             | 100                           | 2                         | 98                             |
| JUMLAH           | 170                           | 20                        | 150                            |

*Sumber : Unit Saluran TVi RTM*

### **Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014**

*RTM menyatakan 67 program berkenaan akan dijadualkan siaran di saluran TVi mulai bulan Mei 2014 sehingga bulan Februari 2015, manakala baki 83 program akan dijadualkan kemudian.*

Pada pendapat Audit, prestasi penyiaran program adalah memuaskan kerana sebanyak 196 program yang siap telah disiarkan di saluran TVi. Bagaimanapun, terdapat 150 program saluran TV1 dan TV2 yang dibayar menggunakan peruntukan projek PKPD masih belum disiarkan di saluran TVi.

#### **10.5.1.4. Pencapaian Outcome/Impak**

- a. RTM perlu menyediakan kajian pencapaian impak terhadap saluran TVi dengan mengambil kira pencapaian program yang telah disiarkan. RTM telah melaksanakan Kajian Sambutan Penonton dan Kajian Kumpulan Fokus pada tahun 2012. Kumpulan sasaran penonton bagi saluran TVi adalah generasi muda dan etnik di Sabah dan Sarawak. Semakan Audit terhadap laporan mendapati responden kajian tidak meliputi penonton di negeri Sabah dan Sarawak. Kajian tersebut merupakan kajian awal kerana tempoh operasi saluran TVi bermula sepenuhnya pada tahun 2012. Oleh itu, KKMM bercadang untuk melaksanakan kajian impak yang terkini dengan mengambil kira responden dari negeri Sabah dan Sarawak.
- b. Hasil laporan kedua-dua kajian tersebut menunjukkan secara purata hanya 23% responden yang menonton saluran TVi. Namun begitu, 77% responden yang tidak menonton saluran TVi adalah disebabkan mereka tidak mengetahui kewujudan saluran TVi. Responden berpendapat RTM kurang menjalankan aktiviti promosi melalui medium televisyen, radio dan internet. Memandangkan kajian ini tidak mengambil kira responden di negeri Sabah dan Sarawak, menyebabkan hasil kajian tidak memberi gambaran sebenar terhadap pencapaian saluran TVi.

### **Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014**

*Kajian impak terhadap program yang disiarkan di saluran TVi berdasarkan kumpulan sasar akan dibuat pada suku tahun ke-empat 2014 dengan menggunakan kaedah Panel Rakyat dan Call Centre bawah KKMM. Selain itu, KKMM telah mengarahkan agen pengiklanan supaya mempergiatkan kempen promosi program RTM.*

Pada pendapat Audit, pencapaian outcome/impak program adalah memuaskan kerana RTM telah melaksanakan kajian pencapaian impak bagi saluran TVi. Bagaimanapun, laporan tersebut tidak meliputi penonton di negeri Sabah dan Sarawak. Ini menyebabkan impak program yang disiarkan kepada penonton tidak dapat diukur dengan tepat.

### 10.5.2. Pengurusan Projek

#### 10.5.2.1. Pengurusan Perolehan


- Kementerian Kewangan telah meluluskan penurunan kuasa kepada Lembaga Perolehan A (LPA) KKMM bagi perolehan program secara Rundingan Terus. Semakan Audit mendapati pihak Lembaga Perolehan KKMM telah bersidang sebanyak 11 kali bagi tahun 2011 hingga 2013 dan telah meluluskan 426 program bagi saluran TVi mengikut kategori. Analisis lanjut mendapati pihak KKMM telah mematuhi had nilai yang telah ditetapkan. Butiran adalah seperti di jadual dan carta seperti berikut:

**JADUAL 10.12  
PEROLEHAN MENGIKUT KATEGORI  
BAGI TAHUN 2011 HINGGA BULAN JUN 2013**

| KATEGORI      | BILANGAN PROGRAM | PERATUS (%) | JUMLAH PEROLEHAN (RM Juta) |
|---------------|------------------|-------------|----------------------------|
| Dokumentari   | 141              | 33          | 38.05                      |
| Telemovie     | 132              | 31          | 15.51                      |
| Hiburan       | 93               | 22          | 26.92                      |
| Drama Bersiri | 49               | 11          | 24.92                      |
| Animasi       | 11               | 3           | 6.43                       |
| <b>JUMLAH</b> | <b>426</b>       | <b>100</b>  | <b>111.83</b>              |

Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM

**CARTA 10.1  
PEROLEHAN PROGRAM MENGIKUT KATEGORI  
BAGI TAHUN 2011 HINGGA BULAN JUN 2013**



Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM

#### 10.5.2.2. Proses Pemilihan Melalui Sistem *Pitching*

- a. Kementerian Kewangan telah menetapkan syarat tambahan iaitu pelaksanaan Rundingan Terus mesti dibuat melalui sistem *pitching*. Proses *pitching* merupakan penilaian kertas cadangan program yang dibentang oleh pembekal kepada panel penilai RTM yang dilantik. RTM akan mempelawa pembekal untuk mengemukakan kertas cadangan program bagi memenuhi keperluan saluran TV. Bagi tempoh 2011 hingga 30 Jun 2013 sebanyak 5,086 kertas cadangan telah diterima untuk memenuhi keperluan saluran TV1, TV2 dan TVi.
- b. Semakan Audit terhadap senarai perolehan program bagi saluran TVi mendapati 10 program berjumlah RM2.29 juta telah diluluskan oleh LPA dengan melalui kaedah penilaian *finished product* (program sedia untuk disiarkan) atau kaedah penilaian kertas cadangan oleh Jawatankuasa Panel Penilaian Rancangan RTM. KKMM tidak memohon kelulusan Perbendaharaan bagi menggunakan kaedah selain daripada proses *pitching*. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.13  
SENARAI PROGRAM TIDAK MELALUI PROSES *PITCHING***

| BIL.                      | TAJUK PROGRAM/KATEGORI                    | PEMBEKAL                         | NILAI PEROLEHAN (RM Juta) |
|---------------------------|---|----------------------------------|---------------------------|
| 1.                        | The Modern Muslim / Islam Today / Majalah | Penumbra Communication Sdn. Bhd. | 0.30                      |
| 2.                        | Sabah Unik / Dokumentari                  | Top 3 Production Sdn. Bhd.       | 0.30                      |
| 3.                        | Biar Waktu Menjemputmu / Telemovie        | Pro Pictures Sdn. Bhd.           | 0.11                      |
| 4.                        | Ku Ithimkan Mimpi / Telemovie             | JNI Creative Sdn. Bhd.           | 0.11                      |
| 5.                        | Rindu Ini Milik Dia / Drama Bersiri       | JNI Creative Sdn. Bhd.           | 0.54                      |
| 6.                        | Kumang, Sulu, Ati, Aku / Telemovie        | Megaday Media Sdn. Bhd.          | 0.11                      |
| 7.                        | Aspirasi Pekerti / Ekspresi 4 / Majalah   | Nad-zma Maju Sdn. Bhd.           | 0.30                      |
| 8.                        | Kembara Sungai Johor / Dokumentari        | Creasian Sdn. Bhd.               | 0.30                      |
| 9.                        | Boleh Diam Tak? / Telemovie               | Juara Filem Production Sdn. Bhd. | 0.11                      |
| 10.                       | Diari Kampus Biru / Telemovie             | Uni Utama Management Sdn. Bhd.   | 0.11                      |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |   |                                  | <b>2.29</b>               |

*Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM*

- c. Kertas cadangan akan dinilai daripada aspek jalan cerita, olahan dan pendekatan. Seterusnya, panel penilai RTM akan memberikan markah berdasarkan idea yang memenuhi keperluan saluran. Pembekal yang mendapat markah 80% ke atas akan diperakurkan kepada LPA KKMM untuk pemilihan muktamad. Semakan Audit terhadap 2,096 program yang melebihi

80% markah mendapati sebanyak 426 program (20.32%) telah diluluskan oleh LPA KKMM bagi saluran TVi. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.14**  
**BILANGAN PROGRAM YANG MENDAPAT MARKAH MELEBIHI 80%**

| TAHUN              | BILANGAN PROGRAM         |                              |              |
|--------------------|--------------------------|------------------------------|--------------|
|                    | KERTAS CADANGAN DITERIMA | MARKAH PITCHING MELEBIHI 80% | LULUS LPA    |
| 2011               | 1825                     | 475                          | 95           |
| 2012               | 638                      | 300                          | 211          |
| 2013               | 2623                     | 1321                         | 120          |
| <b>JUMLAH</b>      | <b>5,086</b>             | <b>2,096</b>                 | <b>426</b>   |
| <b>PERATUS (%)</b> |                          |                              | <b>20.32</b> |

*Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM*

#### 10.5.2.3. Proses Mesyuarat Penerbitan

- a. Mesyuarat Penerbitan akan dijalankan selepas Surat Niat dikeluarkan oleh Cawangan Pengurusan Perolehan KKMM (CPP). Tujuan mesyuarat adalah membincangkan pengembangan idea asal yang telah dibentangkan semasa proses *pitching*. Mesyuarat juga membincangkan perincian pelaksanaan program daripada aspek pemilihan pelakon berdasarkan kesesuaian watak, lokasi penggambaran dan penyusunan semula jalan cerita. Selain itu, syarat-syarat pelaksanaan program seperti surat perakuan izin terbit, sijil kebenaran penggambaran, tarikh penghantaran DVD, pita beta digital serta tempoh kontrak akan dimaklumkan. Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil Unit Kandungan Dan Kreatif (UKK), Pengurus Saluran TV, Bahagian Pemasaran Dan Promosi RTM berserta pembekal. Proses mesyuarat penerbitan adalah seperti di gambar berikut:



**GAMBAR 10.1**

*Jabatan Penyiaran Malaysia,  
Angkasapuri, Kuala Lumpur  
- Mesyuarat Penerbitan Bersama Pembekal  
(24.10.2013)*

- b. Semakan Audit terhadap 35 sampel program mendapati purata tempoh masa yang diambil adalah selama 7 bulan dari proses *pitching* sehingga SST dikeluarkan. Proses perolehan program TV mengambil masa yang lama kerana jumlah permohonan yang diterima terlalu tinggi. Selain itu, RTM tidak menetapkan norma tempoh masa bagi setiap proses perolehan menyebabkan perancangan keperluan program tahunan tidak selaras dengan peruntukan. Akibatnya, perolehan program tidak dapat disiapkan

dalam tahun semasa. Purata tempoh masa yang diambil bagi setiap proses adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.15  
PURATA TEMPOH MASA BAGI PROSES PEROLEHAN PROGRAM**

| BIL.        | PROSES                                 | PURATA TEMPOH MASA (Bulan) | PIHAK TERLIBAT |
|-------------|--|----------------------------|----------------|
| 1.          | Penilaian Proposal ( <i>Pitching</i> ) | 3                          | UKK, RTM       |
| 2.          | Pengeluaran Surat Niat Selepas LPA     | 2                          | CPP, KKMM      |
| 3.          | Mesyuarat Penerbitan                   | 1                          | UKK, RTM       |
| 4.          | Pengeluaran SST                        | 1                          | CPP, KKMM      |
| TEMPOH MASA |  | 7                          |                |

*Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM*

#### **Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014**

*KKMM akan memohon kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk proses perolehan secara rundingan terus melalui kaedah penilaian proposal oleh Jawatankuasa Panel Penilaian Rancangan RTM dan Penilaian Finished Product. Ini termasuk 10 program yang tidak melalui proses pitching.*

*Berdasarkan hasil Bengkel Penyeragaman Dan Penambahbaikan Perolehan Rancangan Tahun 2014, RTM telah menetapkan tempoh had masa maksimum bagi setiap proses perolehan meliputi pendaftaran proposal, sesi saringan, pemadanan keperluan, Mesyuarat Jawatankuasa, penyediaan blanket untuk pertimbangan LPA, mesyuarat LPA, penyediaan surat niat dan mesyuarat penerbitan.*

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan program adalah kurang memuaskan kerana terdapat 10 program tidak melalui proses *pitching*. Purata tempoh masa proses perolehan selama 7 bulan perlu dipercepatkan kerana boleh menjelaskan pencapaian sasaran siaran program. Selain itu, KKMM telah mematuhi peraturan Surat Perbendaharaan dari segi penurunan kuasa dan had nilai perolehan yang ditetapkan.

#### **10.5.3. Perjanjian Kontrak**

##### **10.5.3.1. Pengurusan Kontrak Formal**

- Arahan Perbendaharaan 176.1 (b) menyatakan bagi perolehan melebihi RM50,000 satu kontrak formal perlu dibuat untuk memastikan kepentingan Kerajaan terjamin. Semakan Audit terhadap 426 program mendapati 413 program berjumlah RM111.30 juta tidak mempunyai kontrak formal. KKMM berpendapat SST yang digunakan pakai memadai untuk menggantikan kontrak formal sebagai ikatan antara Kerajaan dengan pembekal. Akibat ketiadaan kontrak formal boleh menyebabkan kepentingan Kerajaan di dalam perolehan ini tidak terjamin. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.16**  
**PEROLEHAN PROGRAM YANG MELEBIHI**  
**NILAI RM50,000 TANPA KONTRAK FORMAL**

| TAHUN         | BILANGAN PROGRAM < RM50,000 | NILAI PEROLEHAN (RM Juta) | BILANGAN PROGRAM > RM50,000 | NILAI PEROLEHAN (RM Juta) |
|---------------|-----------------------------|---------------------------|-----------------------------|---------------------------|
| 2011          | 2                           | 0.08                      | 93                          | 27.04                     |
| 2012          | 8                           | 0.35                      | 203                         | 50.70                     |
| 2013          | 3                           | 0.10                      | 117                         | 27.56                     |
| <b>JUMLAH</b> | <b>13</b>                   | <b>0.53</b>               | <b>413</b>                  | <b>111.30</b>             |

*Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM*

- b. Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan SST ialah satu dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada perjanjian kontrak. SST hendaklah disediakan mengikut termaterma yang telah ditetapkan dalam Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan. Semakan Audit terhadap 35 sampel program mendapati semua SST telah disediakan oleh KKMM mengikut garis panduan yang telah ditetapkan serta telah disemak dan diluluskan oleh Penasihat Undang-undang (PUU). Bagaimanapun terdapat klausa yang tidak dinyatakan seperti pelanjutan tempoh kontrak, penangguhan dan perubahan kontrak. Akibatnya RTM akan menghadapi kesukaran dalam proses pemantauan terhadap pelaksanaan program.
- c. RTM bertanggungjawab mendapatkan harga pasaran bagi setiap kategori program untuk dijadikan asas kepada rundingan dengan pembekal. Semakan Audit mendapati RTM telah menggunakan jadual kadar bayaran program mengikut kategori sebagai asas pembayaran. Kadar bayaran program tersebut tidak melebihi harga siling yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Berikut adalah jadual kadar bayaran yang digunakan bagi menetapkan harga tawaran bagi setiap program:

**JADUAL 10.17**  
**KADAR BAYARAN PROGRAM MENGIKUT KATEGORI**

| BIL. | KATEGORI PROGRAM          | JANGKA MASA (Minit) | HARGA TAWARAN/EPISOD (RM) |
|------|---------------------------|---------------------|---------------------------|
| 1.   | Telemovie                 | 120                 | 110,000                   |
| 2.   | Drama Bersiri             | 60                  | 42,000                    |
|      |                           | 30                  | 23,000                    |
| 3.   | Sitkom                    | 30                  | 23,000                    |
| 4.   | Dokumentari/Majalah       | 30                  | 23,000                    |
| 5.   | Animasi                   | 30                  | 45,000                    |
| 6.   | Gameshow (Candawara)/Kuiz | 30                  | 23,000                    |

*Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM*

- d. Program saluran TV bersiaran menerusi platform ASTRO saluran 180 secara 24 jam. RTM telah menandatangani kontrak sewaan dengan ASTRO pada 16 Mac 2009 berjumlah RM3.9 juta. Tempoh perjanjian adalah selama

3 tahun yang telah tamat pada 16 Mac 2012. Perbincangan antara KKMM dan RTM dengan pengurusan ASTRO pada 13 Jun 2012 telah bersetuju supaya kos sewaan tidak perlu dibayar mulai tahun 2012. Sebagai balasan, RTM akan mempromosikan produk ASTRO iaitu pakej NJOY melalui medium televisyen dan radio miliknya. Semakan Audit mendapati tiada kontrak formal ditandatangani antara kedua-dua pihak bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2012 hingga 2014. Ini boleh menjelaskan kepentingan Kerajaan jika berlaku sebarang perselisihan di masa hadapan.

#### **Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014**

*KKMM akan membentangkan dan seterusnya menggunakan format kontrak formal yang lengkap pada Mesyuarat Lembaga Perolehan A Bil. 3/2014.*

*Selain itu, satu kontrak formal antara pihak Kerajaan dengan ASTRO sedang dirangka bagi membolehkan saluran TV bersiaran menerusi platform ASTRO, saluran 180 selama 24 jam secara percuma. Pada masa yang sama, pihak Kerajaan akan mempromosikan produk NJOY di saluran RTM secara percuma. Kontrak dijangka akan ditandatangani sebelum atau pada 30 Jun 2014.*

Pada pendapat Audit, pengurusan perjanjian kontrak adalah kurang memuaskan kerana tiada kontrak formal ditandatangani antara KKMM dengan pembekal. SST yang digunakan sebagai gantian kontrak formal tidak menyatakan klausa-klausa yang menjaga kepentingan Kerajaan. Selain itu, ketiadaan kontrak antara KKMM dengan pihak ASTRO boleh menimbulkan perselisihan antara kedua-dua belah pihak. Bagaimanapun, RTM telah mematuhi kadar bayaran program yang tidak melebihi harga siling yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

#### **10.5.3.2. Pengurusan Bon Pelaksanaan**

- a. SST dan Arahan Perbendaharaan 176.2 (a) telah menetapkan pembekal perlu mengemukakan bon pelaksanaan bagi perolehan melebihi RM200,000. Semakan Audit mendapati 75 program tidak dikemukakan bon pelaksanaan berjumlah RM0.86 juta bagi perolehan program tahun 2011 hingga 30 Jun 2013. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.18  
PROGRAM YANG TIDAK DIKEMUKAKAN BON PELAKSANAAN**

| TAHUN                     | BILANGAN PROGRAM MELEBIHI RM200,000 | BILANGAN PROGRAM YANG TIDAK DIKEMUKAKAN BON PELAKSANAAN | NILAI BON YANG TIDAK DIKEMUKAKAN (RM) |
|---------------------------|-------------------------------------|---|---------------------------------------|
| 2011                      | 79                                  | 14  | 104,650                               |
| 2012                      | 119                                 | 36  | 552,500                               |
| 2013                      | 68                                  | 25  | 206,450                               |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>266</b>                          | <b>75</b>   | <b>863,600</b>                        |

*Sumber : Bahagian Kewangan KKMM*

- b. SST telah menetapkan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan hendaklah berkuat kuasa sehingga 12 bulan selepas tamat tempoh kontrak. Semakan Audit terhadap rekod pemantauan perolehan program mendapati 53 bon pelaksanaan tidak meliputi tempoh jaminan 12 bulan selepas kontrak tamat. Nilai bon pelaksanaan yang terlibat adalah berjumlah RM0.68 juta. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.19  
BON PELAKSANAAN TIDAK MELIPUTI TEMPOH JAMINAN**

| TAHUN         | BILANGAN PROGRAM | JUMLAH AMAUN BON (RM) | TEMPOH TIDAK MELIPUTI JAMINAN (Bulan) |
|---------------|------------------|-----------------------|---------------------------------------|
| 2011          | 10               | 74,750                | 1 - 12                                |
| 2012          | 37               | 564,400               | 3 - 12                                |
| 2013          | 6                | 44,850                | 3 - 12                                |
| <b>JUMLAH</b> | <b>53</b>        | <b>684,000</b>        |                                       |

*Sumber : Bahagian Kewangan KKMM*

- c. SPP Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan sekiranya tempoh bagi kontrak dilanjutkan, maka pembekal hendaklah mengambil tindakan melanjutkan tempoh sah laku bon pelaksanaan bagi kontrak tersebut. Semakan Audit terhadap 4 program yang lewat jadual bagi tahun 2011 mendapati 2 program yang mendapat kelulusan pelanjutan kontrak tetapi tidak dilanjutkan tempoh sah laku bon pelaksanaan. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.20  
BON PELAKSANAAN TIDAK DILANJUTKAN TEMPOH SAH LAKU**

| BIL.          | PEMBEKAL                      | TAJUK PROGRAM                         | HARGA TAWARAN (RM Juta) | TARIKH TAMAT KONTRAK ASAL | TARIKH LANJUTAN KONTRAK | NILAI BON (RM) | TEMPOH SAH LAKU BON | TEMPOH TIDAK LANJUT |
|---------------|-------------------------------|---------------------------------------|-------------------------|---------------------------|-------------------------|----------------|---------------------|---------------------|
| 1.            | Kelembai Studio (M) Sdn. Bhd. | Robot Boleh / RB X                    | 0.58                    | 17.03.2012                | 23.10.2012              | 29,250         | 18.04.2011          | 18.04.2012          |
|               |                               |                                       |                         |                           | 29.05.2013              |                | 17.04.2012          | 29.05.2014          |
| 2.            | Keris Motion Sdn. Bhd.        | Tiket To Frame / Tiket Menuju Bintang | 0.30                    | 03.03.2012                | 29.10.2012              | 7,475          | 30.04.2012          | 08.03.2013          |
|               |                               |                                       |                         |                           | 18.05.2013              |                | 07.03.2013          | 18.05.2014          |
| <b>JUMLAH</b> |                               |                                       | <b>0.88</b>             |                           |                         | <b>36,725</b>  |                     |                     |

*Sumber : Bahagian Kewangan KKMM*

- d. Cawangan Pengurusan Perolehan KKMM bertanggungjawab dalam memastikan rekod dan pengurusan bon pelaksanaan mematuhi peraturan kewangan. Semakan Audit mendapati kelemahan pengurusan bon pelaksanaan disebabkan kurang pemantauan terhadap rekod-rekod perolehan program. Ini menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terjamin sekiranya obligasi dalam kontrak tidak dipatuhi.

### Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014

*Pengurusan bon pelaksanaan akan dipantau melalui Sistem Pemantauan Kontrak Bersepadu (eKS). Pengurusan Tertinggi KKMM telah mengarahkan Unit Audit Dalam untuk memantau tahap penggunaan sistem berkenaan. Tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pegawai bertanggungjawab sekiranya pangkalan data dan penggunaan sistem ini tidak disempurnakan sebelum 30 Jun 2014.*

*Selain itu, berdasarkan maklum balas Kementerian Kewangan terhadap permohonan KKMM berhubung isu tempoh kuat kuasa bon pelaksanaan dan isu pelepasan awal bon pelaksanaan bagi bekalan filem/drama, perenggan 51.1 (b) Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 adalah kekal. Bagaimanapun, KKMM boleh melepaskan bon pelaksanaan lebih awal selaras dengan perenggan 53.1 (a) dan (b) di dalam SPP berkenaan.*

Pada pendapat Audit, pengurusan bon pelaksanaan adalah kurang memuaskan kerana terdapat bon pelaksanaan tidak dikemukakan, tempoh jaminan tidak meliputi 12 bulan selepas tamat kontrak dan tempoh sah laku bon tidak dilanjutkan selepas lanjutan tempoh kontrak. Kelemahan tersebut boleh menjaskankan kepentingan Kerajaan.

#### 10.5.4. Penilaian Kualiti Dan Penyimpanan

##### 10.5.4.1. Proses Penilaian Kandungan

- Pada peringkat awal pembekal akan menghantar program siap dalam bentuk *Digital Video Disc (DVD)*. Seterusnya, penilaian kandungan oleh panel penilai dijalankan terhadap program bagi menentukan kandungan adalah berkualiti. Program akan dinilai daripada aspek jalan cerita, olahan, pengarahan, lakonan, kreativiti dan impak keseluruhan. Pembekal perlu mencapai tahap penilaian yang ditetapkan iaitu markah antara 96% hingga 100%. Semakan Audit mendapati 47 program (20.17%) mendapat gred A, 87 program (37.34%) gred A-, 77 program (33.05%) gred B+ dan 22 program (9.44%) gred B. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.21  
GRED PROGRAM BERDASARKAN PENILAIAN KANDUNGAN**

| PERKARA          | MARKAH/GRED |         |         |      | JUMLAH PROGRAM |
|------------------|-------------|---------|---------|------|----------------|
|                  | A           | A-      | B+      | B    |                |
| 96 - 100         | 91 - 95     | 86 - 90 | 80 - 85 |      |                |
| Bilangan Program | 47          | 87      | 77      | 22   | 233            |
| PERATUS (%)      | 20.17       | 37.34   | 33.05   | 9.44 | 100            |

*Sumber : Baucar Bayaran Pembangunan, Bahagian Kewangan KKMM*

- b. RTM mengenakan potongan harga kontrak kepada pembekal yang gagal mencapai gred A. Program yang memperoleh gred A menerima bayaran penuh manakala bagi gred yang lain akan dibuat potongan harga antara 2% hingga 9% daripada harga yang ditawarkan. Analisis Audit terhadap 233 program siap mendapat 172 program (73.82%) telah dikenakan potongan harga berjumlah RM1.48 juta. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.22**  
**BILANGAN PROGRAM YANG TELAH DIKENAKAN POTONGAN HARGA**

| GRED          | BILANGAN PROGRAM MENGIKUT GRED | JUMLAH POTONGAN HARGA (RM) |
|---------------|--------------------------------|----------------------------|
| A-            | 80                             | 373,000                    |
| B+            | 72                             | 691,000                    |
| B             | 20                             | 419,000                    |
| <b>JUMLAH</b> | <b>172</b>                     | <b>1,483,000</b>           |

*Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM*

Pada pendapat Audit, proses penilaian kandungan program adalah memuaskan kerana telah dapat mengesan 79.83% program yang tidak memenuhi tahap kualiti. Selanjutnya, 172 program telah dikenakan potongan harga kontrak berjumlah RM1.48 juta.

#### **10.5.4.2. Proses Penilaian Teknikal**

- a. Setelah penilaian kandungan dijalankan, program dalam bentuk DVD akan dipindahkan ke medium pita beta digital. Seterusnya, proses penilaian teknikal terhadap pita akan dilaksanakan oleh Bahagian Kejuruteraan TV RTM. Penilaian ini bertujuan untuk menentukan mutu teknikal bahan atau spesifikasi teknikal di dalam SST telah dipatuhi. Analisis Audit mendapat antara kelemahan yang sering dikesan oleh panel penilaian teknikal adalah daripada aspek audio, video dan pencahayaan.
- b. Pita beta digital hendaklah dinilai dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan bagi kategori telemovie dan dokumentari manakala 60 hari bagi kategori drama bersiri, muzikal, majalah dan animasi. Laporan penilaian teknikal akan dikeluarkan kepada pembekal supaya tindakan penambahbaikan dapat diambil. Seterusnya, Unit Kandungan Dan Kreatif (UKK) RTM akan mengeluarkan Sijil Lulus *Quality Control* (QC) selepas pita beta digital diterima dengan sempurna. Sijil Lulus QC adalah merupakan dokumen penting yang dikemukakan oleh RTM kepada Bahagian Kewangan KKMM bagi tujuan pembayaran. Semakan Audit mendapat 58 program yang dinilai melebihi tempoh yang telah ditetapkan. Kelewatan antara 31 hingga 300 hari disebabkan Panel Penilaian Teknikal menerima jumlah program yang tinggi pada satu masa dan mengakibatkan program tidak dapat

disiarkan mengikut jadual siaran. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.23  
TEMPOH MASA PENILAIAN TENIKAL**

| BIL. | KATEGORI                           | BILANGAN PROGRAM |               | JUMLAH PROGRAM |
|------|------------------------------------|------------------|---------------|----------------|
|      |                                    | 31 - 180 HARI    | 60 - 300 HARI |                |
| 1.   | Telemovie dan Dokumentari          | 17               | -             |                |
| 2.   | Drama Bersiri, Animasi dan Hiburan | -                | 41            | 58             |

*Sumber : Unit Kandungan Dan Kreatif RTM*

#### Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014

*Proses penambahbaikan penilaian teknikal akan dilaksanakan secara berterusan. Bagi mengatasi masalah beban tugas Panel Penilaian Teknikal, RTM akan mengadakan sesi taklimat khusus kepada pembekal baru untuk menjelaskan syarat yang wajib dipatuhi dalam mengemukakan cadangan program-program TV. Pada masa yang sama, RTM akan memuat naik pematuhan spesifikasi teknikal di dalam portal sebagai makluman kepada pembekal-pembekal. Manual Prosedur Kerja (SOP) berhubung perkara ini telah dibincang dalam Mesyuarat Penyeragaman dan Penambahbaikan Perolehan Rancangan Tahun 2014.*

Pada pendapat Audit, proses penilaian teknikal adalah memuaskan kerana telah membuat tapisan teknikal secara teliti. Namun begitu penambahbaikan proses penilaian teknikal perlu dibuat agar dapat memenuhi tempoh yang telah ditetapkan.

#### 10.5.4.3. Proses Penyimpanan

- a. Program yang telah siap dengan sempurna dalam bentuk pita beta digital akan disimpan di Perpustakaan TV. Pita tersebut akan dilabel dan diletakkan di rak yang kosong. Satu kad katalog bagi setiap program akan diwujud dan dicatatkan maklumat berkenaan tajuk program, pembekal, bilangan episod, tarikh terima dan rujukan rak. Seterusnya, maklumat tersebut juga akan dikemas kini di dalam *Broadcast Management System* (BMS). Semakan fizikal Audit terhadap 196 program yang telah siap mendapati kesemua pita beta digital telah direkod dan disimpan di dalam bilik penyimpanan pita Perpustakaan TV dengan ciri-ciri keselamatan yang baik. Keadaan bilik penyimpanan pita beta digital adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 10.2



GAMBAR 10.3




*Perpustakaan TV, RTM  
- Pita Beta Digital Yang Disimpan Dengan Baik Dalam Bilik Penyimpanan  
(30.07.2013)*

- b. Pengeluaran pita beta digital dibuat melalui borang tempahan mengikut jadual siaran saluran TV. Pita yang dikeluarkan akan dihantar ke bilik pita ingest untuk dimuat naik ke dalam sistem siaran secara berkomputer. Program yang telah dimuat naik akan disiarkan mengikut jadual siaran saluran TV yang telah ditetapkan. Pita yang dipinjam oleh saluran TV akan dipulangkan semula kepada Perpustakaan TV selepas siaran. Semakan Audit mendapati proses pengeluaran dan pemulangan pita bagi saluran TVi telah diuruskan dengan teratur.
- c. Selain itu, Perpustakaan TV juga menyimpan pita-pita yang disewa oleh pihak RTM daripada pembekal khususnya program luar negara (syndicated). Temu bual bersama pegawai Perpustakaan TV menyatakan pita tersebut perlu dituntut semula oleh pembekal setelah tamat tempoh sewaan.
- d. Semakan Audit mendapati pita-pita program luar negara sejak tahun 2001 dan telah tamat tempoh sewaan masih belum dituntut oleh pembekal walaupun surat peringatan telah dikeluarkan. Ini menyebabkan ruang simpanan tidak mencukupi bagi menampung keperluan ruangan penyimpanan pita hak milik RTM. Keadaannya adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 10.4



GAMBAR 10.5



*Perpustakaan TV, RTM  
- Pita-Pita Lama Yang Masih Belum Dituntut Oleh Pembekal  
(30.07.2013)*

### **Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014**

*RTM akan memberi peringatan terakhir kepada pembekal-pembekal supaya mengambil pita-pita yang telah tamat tempoh sewaan sebelum 31 Ogos 2014. Tindakan pelupusan akan dilaksanakan selepas tempoh berkenaan.*

*Bagi mengatasi masalah ini, RTM akan menambah klausa dalam perjanjian dengan menyatakan pita program luar negara yang telah tamat tempoh sewaan hendaklah dituntut dalam tempoh sebulan selepas tarikh tamat tempoh sewaan sebelum tindakan pelupusan diambil.*

Pada pendapat Audit, proses pengurusan penyimpanan pita beta digital adalah memuaskan kerana telah mematuhi prosedur penerimaan dan pengeluaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat pita-pita yang telah tamat tempoh sewaan sejak tahun 2001 masih belum dituntut oleh pembekal dan menyebabkan ruang penyimpanan pita menjadi terhad.

#### **10.5.5. Pengurusan Aset**

##### **10.5.5.1. Pendaftaran Aset**

- a. SST menyatakan program adalah hak milik penuh Jabatan Penyiaran Malaysia. Ini termasuk hak tayangan, hak siaran dan hak milik bahan. Mengikut tafsiran Penasihat Undang-undang, apabila program telah dibuat pembayaran penuh maka RTM boleh menyiarkan program berkenaan tanpa sekatan masa di mana-mana saluran TV milik RTM. Ini menunjukkan program berkenaan adalah sebahagian daripada aset Kerajaan dan perlu diurus mengikut Pekeliling Perbendaharaan (PP) Bil. 5 Tahun 2007 - Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan. Selain itu, sekiranya dilihat daripada perspektif perakaunan akruan, pita beta digital berkenaan diiktiraf sebagai harta modal kerana telah memenuhi definisi aset iaitu sumber yang dikawal oleh entiti, memberi manfaat ekonomi masa hadapan dan potensi perkhidmatannya dijangka mengalir ke dalam entiti.
- b. PP Bil. 5 Tahun 2007 - Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan menyatakan harta modal adalah harta yang bernilai melebihi RM1,000. Semakan Audit mendapati 196 program saluran TV1 berjumlah RM44.34 juta dan 170 program berjumlah RM43.70 juta bagi saluran TV1 dan TV2 tidak didaftarkan sebagai harta modal. Ini disebabkan RTM berpendapat program yang dibeli lebih sesuai direkodkan sebagai stok program dan bukan merupakan harta modal Kerajaan. Akibatnya Laporan Tahunan Harta Modal dan Inventori bagi RTM yang dilaporkan ke Kementerian tidak tepat kerana tidak mengambil kira perolehan program siaran milik Kerajaan.

#### **10.5.5.2. Pemeriksaan Dan Pelupusan Aset**

- a. PP Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan pemeriksaan aset hendaklah dilakukan ke atas fizikal, rekod dan penempatan sekurang-kurangnya sekali setahun. Tujuan pemeriksaan adalah untuk memastikan setiap aset mempunyai rekod yang lengkap, tepat, kemas kini dan aset berada dalam keadaan yang baik. Selain itu, Laporan Pemeriksaan Harta Modal (KEW.PA-10) perlu dikemukakan kepada Ketua Jabatan selepas pemeriksaan aset dilaksanakan. Semakan Audit mendapati RTM telah menjalankan pemeriksaan aset bagi tahun 2012 dan 2013. Semakan lanjut terhadap Laporan Pemeriksaan Harta Modal mendapati aset yang diperiksa oleh RTM tidak termasuk pita beta digital saluran TVi yang disimpan di dalam Perpustakaan TV. Ini boleh menyebabkan kesukaran dalam mengesahkan kewujudan fizikal aset sekiranya berlaku kehilangan, bencana alam, kebakaran dan pelupusan aset.
- b. PP Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan antara objektif pelupusan aset adalah bagi memastikan Kerajaan tidak menyimpan aset yang tidak boleh digunakan lagi dan menjimatkan ruang penyimpanan. Semakan Audit mendapati terdapat 5,815 pita bernilai RM499,592 telah diluluskan pelupusan oleh Ketua Pengarah RTM pada 2 Julai 2012. Analisis Audit selanjutnya mendapati sebanyak 1,213 pita bernilai RM48,520 merupakan pita sewaan program luar negara (syndicated) yang telah tamat tempoh sewaan sejak tahun 1995 hingga 2000. Pita tersebut dilupuskan secara musnah pada 19 September 2012. RTM melupuskan pita-pita tersebut kerana pembekal yang terlibat tidak mengambil semula pita sewaan walaupun telah diberikan surat peringatan.
- c. PP Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan Lembaga Pemeriksa perlu dilantik bagi membuat pemeriksaan ke atas aset yang hendak dilupuskan dan Laporan Lembaga Pemeriksa Aset (KEW.PA-17) perlu disediakan. Seterusnya selepas pelupusan dijalankan, Sijil Penyaksian Pemusnahan (KEW.PA-18) hendaklah disediakan dan Sijil Pelupusan Aset (KEW.PA-19) dikeluarkan terhadap aset yang telah dilupuskan. Semakan Audit selanjutnya mendapati RTM telah mematuhi tatacara pelupusan aset yang telah ditetapkan.

#### **Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014**

*KKMM berpandangan perolehan program tidak perlu didaftarkan sebagai harta modal kerana perbelanjaan bagi perolehan berkenaan telah menggunakan peruntukan bawah kod objek 29000. Selain itu, Jawatankuasa Pengumpulan Data Untuk Perakaunan Akruan yang bermesyuarat pada 14 April 2014 belum menentukan sama ada perolehan program perlu didaftarkan sebagai aset. Jawatankuasa telah merujuk isu ini kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Pada masa yang sama, KKMM juga telah menghantar surat kepada Kementerian Kewangan pada 4 April 2014 bagi mendapat pandangan dan penjelasan lanjut berhubung isu ini.*

Pada pendapat Audit, pengurusan aset alih khususnya pendaftaran dan pemeriksaan aset adalah kurang memuaskan kerana pita beta digital tidak didaftarkan sebagai aset Kerajaan. Selain itu, pemeriksaan aset yang telah dijalankan oleh RTM tidak merangkumi pita beta digital dan laporan kedudukan aset RTM tidak tepat. Bagaimanapun RTM telah mematuhi tatacara pelupusan aset yang berkuat kuasa.

#### **10.5.6. Pemantauan Pelaksanaan Program**

##### **10.5.6.1. Peringkat Kementerian**

- a. Penurunan kuasa perlu dibuat oleh Pentadbir Kontrak kepada pegawai yang menjalankan pemantauan di peringkat Jabatan selaku wakil pentadbir kontrak. Semakan Audit mendapati Pegawai Pengawal telah menurunkan kuasa kepada 3 pegawai di Cawangan Pengurusan Perolehan (CPP) KKMM iaitu Ketua Penolong Setiausaha berjawatan Gred M48 dan 2 orang Penolong Setiausaha berjawatan Gred M41 selaku pentadbir kontrak. Bagaimanapun, pegawai yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran kontrak ialah pegawai RTM di Unit Kandungan Dan Kreatif. Namun begitu, tiada penurunan kuasa sebagai wakil kepada pentadbir kontrak untuk beliau melaksanakan tugas tersebut.
- b. CPP KKMM selaku urusetia Lembaga Perolehan KKMM akan menguruskan pengeluaran Surat Niat, SST, pengurusan bon pelaksanaan, kelulusan pelanjutan tempoh kontrak dan pengurusan pembatalan kontrak. Maklumat berkaitan pemantauan program diterima daripada RTM untuk tindakan selanjutnya. KKMM telah mewujudkan sistem pemantauan terhadap pelaksanaan program seperti menyediakan pangkalan data mengenai maklumat SST, pelanjutan kontrak dan bon pelaksanaan. Semakan Audit mendapati wujud kelemahan dalam sistem pangkalan data kerana tidak dikemaskini oleh pegawai berkenaan dan tiada bukti bahawa semakan oleh penyelia telah dilakukan terhadap rekod-rekod pemantauan.

##### **10.5.6.2. Peringkat Jabatan**

Unit Kandungan Dan Kreatif (UKK) bertanggungjawab secara langsung untuk mengurus dan memantau pelaksanaan program. Mesyuarat akan diadakan sekurang-kurangnya setiap minggu oleh UKK bersama-sama wakil saluran TV bertujuan memantau kemajuan pelaksanaan program. Penyediaan butiran jadual kerja oleh pembekal adalah penting untuk memberi justifikasi pelanjutan masa penghantaran DVD. Semakan Audit mendapati pemantauan adalah kurang memuaskan kerana tiada dokumentasi masalah kelewatan dan butiran jadual kerja disediakan.

#### Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 29 April 2014

*KKMM berpandangan penurunan kuasa kepada pegawai adalah tidak perlu buat masa kini kerana dua jawatankuasa telah ditubuhkan untuk memantapkan pengurusan perolehan program. Selain itu, maklumat di dalam Sistem Pemantauan Kontrak Bersepadu (eKS) sedang dikemaskini dan dijangka selesai sebelum 30 Jun 2014.*

*RTM juga dijangka akan mengguna pakai sistem eKS selepas kelulusan Mesyuarat Lembaga Perolehan A Bil.3/2014 bagi tujuan pemantauan kontrak.*

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pemantauan pelaksanaan program di peringkat KKMM dan RTM adalah kurang memuaskan kerana tiada penurunan kuasa sebagai wakil pentadbir kontrak serta maklumat di dalam pangkalan data yang tidak kemas kini.

#### 10.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan projek Pembangunan Kandungan Penyiaran Digital dilaksanakan secara teratur dan berkesan, adalah disyorkan supaya KKMM mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

10.6.1. menubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan bagi mengenal pasti punca berlakunya perolehan di luar skop projek pembangunan dan mengesyorkan tindakan susulan;

10.6.2. memastikan laporan kajian impak dan laporan maklum balas penonton dibuat untuk mengukur tahap pencapaian projek. Laporan perlu dibuat dengan lebih menyeluruh dengan mengambil kira responden penonton Negeri Sabah dan Sarawak;

10.6.3. memastikan pengurusan perolehan Kandungan Penyiaran Digital seperti berikut ditambah baik:

- prosedur perolehan secara rundingan terus perlu mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Perbendaharaan;
- proses perolehan perlu ditambah baik daripada aspek tempoh pengeluaran SST;
- memastikan kontrak formal perolehan ditandatangani oleh pembekal;
- SST yang dikeluarkan mengikut garis panduan;
- pengurusan bon pelaksanaan dipertingkatkan daripada aspek kutipan dan tempoh sah laku bon pelaksanaan; dan
- memastikan pembekal yang tidak mematuhi syarat SST seperti bon pelaksanaan dan tempoh siap program disenarai hitam.

10.6.4. memastikan perolehan kandungan penyiaran digital didaftarkan sebagai aset selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan pada tahun 2015.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku  
Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013 Mengenai  
Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta  
Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari